

Bil. 7

**Rabu
17 Mei 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 19)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 39)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
9. “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
10. “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Datin Naomi Chong Set Mui (Dilantik)
13. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
14. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
15. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
16. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
17. “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
18. “ Ir. Hiang A Li (Pahang)
19. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
20. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
21. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
22. “ Tuan Ismail Kasim (Perlis)
23. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
24. “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
25. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
26. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
27. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
28. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
29. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
30. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
33. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Datuk M. Ratnam (Dilantik)

36. Yang Berhormat Tuan M. Saravanan (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua*
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain
52. “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
53. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
56. “ Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. “ Dato’ Dr. Vijyaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
60. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
63. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
64. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
65. “ Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
66. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Nor Liyana binti Ahmad
Yoogeswari a/p Muniandy
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Suriyani binti Mohd. Noh
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Mohd. Hanafi bin Abdul Mutalib

Azmir bin Mohd. Salleh
Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Zaidazuriani binti Mohd. Zamli
Nor Hamizah binti Hassan
Azanariah binti Mohd. Yunan

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 17 Mei 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kementerian bercadang untuk menaik taraf Jalan Utama Laluan 8 daripada Seksyen 203-217 (sempadan Pahang ke Bandar Gua Musang) kerana jalan tersebut kerap berlakunya kemalangan jalan raya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya mempunyai cadangan untuk menaik taraf Jalan Laluan 8 dari Kampung Relong iaitu Merapoh, Pahang ke Gua Musang, Kelantan, termasuk Seksyen 203 sehingga ke Seksyen 217.

Projek ini telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dengan peruntukkan siling sebanyak RM80 juta. Skop projek ini adalah merangkumi kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada dengan reka bentuknya akan mengambil kira aspek-aspek keselamatan dan memenuhi piawaian standard JKR, Jabatan Kerja Raya R5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja tanah akan dibuat bermula pada penghujung tahun ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Kementerian Kerja Raya kerana telah dapat meluluskan projek seperti ini tetapi soalan saya ialah pada baru-baru ini banyak laluan utama JKR telah dilebarkan tetapi jambatan struktur-struktur macam jambatan dan *culvert* tidak dilebarkan dengan seimbang. Jadi, saya nampak itu adalah satu kejadian yang bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya difahamkan Yang Berhormat juga adalah bekas jurutera JKR.

Ir. Hiang A Li: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih tuan *engineer*, Tuan Yang di-Pertua juga... [Ketawa] Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja yang dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya mengikut, dengan izin, *standard* dan *spec* serta piawaian yang telah ditetapkan. Cuma sejauh mana segala permintaan ini akan dapat dilaksanakan mengikut semaksimum mungkin, ia terpolang kepada peruntukkan yang sedia ada.

Sebagai contoh, untuk menyelesaikan jalan yang disebut oleh Yang Berhormat dengan soalan asal ini, ia memerlukan perbelanjaan hampir RM200 juta kerana ia melibatkan jalan sejauh 100 kilometer Tetapi oleh kerana siling yang telah pun diperuntukkan hanyalah RM80 juta, jadi kerja-kerja yang berkaitan dengan kritikal yang tempat kemalangan sentiasa berlaku, yang itu diberi, dengan izin, *priority* untuk kita selesaikan dengan meningkatkan standard JKR R5.

JKR R5 ini bermakna ia punya lebar 7 meter dan dia punya *hard shoulder* 2 meter. Dan, kerana kalau mengikut asalnya jalan ini adalah R3 – Jalan Kampung. Jalan kampung yang, dengan izin, *pave basement* cuma 6 meter dan dia punya *road shoulder* tidak ada, dia pakai... *road*. Yang itu kita *upgrade*. Dan, untuk merangkumi ini semua ia memerlukan perbelanjaan yang besar RM200 juta. Jadi, kalau ada RM80 juta, kita akan beri prioriti.

Begitu juga tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ir. Hiang A Li bahawa skop kerja yang telah pun ditetapkan sama ada ia melibatkan pembaikan terhadap jambatan-jambatan yang berkaitan, ianya dilakukan berasaskan kepada, dengan izin, masalah *in-situ*. Kalau masalah itu kritikal dan memerlukan satu tindakan yang segera, ia akan dilakukan sesuai sebagaimana peruntukan *maintenance* yang telah pun sedia ada dilakukan.

Dan, mana-mana kerja baru, ia dibuat secara reka bentuk yang berasaskan kepada kehendak dan keadaan pada masa itu. Jadi, untuk menentukan apakah kerjanya berjalan mengikut piawaian yang disediakan, pihak kementerian melalui agensi pelaksana JKR memang menyediakan piawaian keselamatan yang disediakan. Sekian.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya berkurangan berlaku kemalangan di kawasan itu dan berapakah jumlah kemalangan pada tahun 2005?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Untuk jawapan yang khusus mengenai statistik perangkaan kemalangan yang berlaku, yang itu di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan, di bawah Majlis Keselamatan Jalan Raya. Langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kerja Raya melalui JKR. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ada jalan-jalan *Federal road* ini, yang telah pun kita sediakan laluan motosikal.

Ini kerana mengikut statistik yang sedia ada, kebanyakan kemalangan ini ia melibatkan penunggang motosikal yang melalui jalan raya. Jadi, ada jalan-jalan yang telah pun kita sediakan laluan motosikal dan mengikut maklum balas yang kita terima, jalan-jalan yang ada laluan motosikal ini, ia punya, dengan izin, *reduction of traffic accident* yang melibatkan penunggang motosikal ini berkurangan. Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini pihak Kementerian Kerja Raya telah pun menyediakan peruntukan hampir RM65 juta untuk kita membina laluan motosikal kepada jalan-jalan yang kritikal ini. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Tan Bon You minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sama ada Syarikat Penerbangan Malaysia atau MAS, telah diberikan kuasa autonomi sepenuhnya untuk menstrukturkan semula syarikat supaya menjadi sebuah syarikat yang menguntungkan. Jika ya, adakah keputusan mereka untuk membuang pekerja seramai lebih kurang 4,000 orang perlu mendapat kelulusan terdahulu daripada kerajaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Tan Bon You yang mengemukakan soalan ini. Hanya saya meminta izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu jawapan kepada soalan ini dap at saya jawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pada 23 Mei oleh kerana perkara yang dibangkitkan adalah sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Jadi, saya minta kalau dapat dijawab 23 Mei, tetapi saya akan menyentuh perkara ini juga di dalam penggulungan saya pada tengah hari ini, insya-Allah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya Yang Berhormat tidak menjawab.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya tidak menjawab pada hari ini tetapi perkara yang sama ini akan saya sentuh di dalam penggulungan nanti dan juga

kepada soalan yang dikemukakan oleh Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pada 23 Mei. Kalau dapat dibenarkan saya menjawab. Kalau diperlukan saya menjawab juga, saya akan menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat lebih baik Yang Berhormat menjawab dahulu, nanti kalau ada perkara-perkara yang perlu dijawab semasa menggulung nanti Yang Berhormat dapat tambahkan. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan yang sebenarnya tidak memberi autonomi kepada pihak MAS dalam menstrukturkan penerbangan ini tetapi kerajaan telah membenarkan MAS sebagai syarikat penerbangan nasional kita iaitu menggunakan beberapa kaedah yang baru, iaitu satu perancangan yang baru. Syarikat Penerbangan Malaysia pada hari ini tidak menghentikan sesiapa dari segi perkhidmatan mereka, apabila kita pada hari ini masih membenarkan pihak MAS dan AirAsia untuk berbincang apakah cara-cara yang terbaik dalam *scheme rationalization* ini.

Pihak MAS juga dalam perbincangan untuk mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak Kesatuan Sekerja untuk memastikan beberapa ribu pekerja-pekerja MAS itu tidak diberhentikan dan ia akan juga mengikut kaedah-kaedah yang mana dapat persetujuan daripada pihak Kesatuan Sekerja dan kita berharap ini tidak akan menimbulkan satu masalah yang besar kepada pekerja-pekerja yang telah begitu lama bekerja dengan pihak MAS. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okay, Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah MAS akan menamatkan sistem 'KOMMAS' iaitu, dengan izin, *Passenger Reservation* dan digantikan dengan *e-ticketing* ataupun *internet booking*. Apakah ini menyebabkan lebih ramai lagi pekerja yang akan di VSS. Yang sebenarnya apa perancangan MAS di dalam menjaga kebajikan pekerja-pekerja yang hendak diberhentikan atau di VSS ini supaya jangan nanti MAS dianggap seperti terlepas mulut buaya, termasuk mulut harimau. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Dalam jawapan saya menggulung nanti, saya akan menyentuh perkara ini tetapi tidak apalah saya akan menjawablah sedikit apa yang saya boleh terjawab oleh saya pada pagi ini, iaitu perkara dengan VSS ini yang akan ditawarkan oleh MAS kepada pekerja-pekerjanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk memulihkan MAS sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing dan menguntungkan, syarikat ini telah melancarkan Pelan Pemulihan Perniagaan ataupun *Business Turnaround Plan* dengan izin, pada bulan Februari 2006.

Pelan yang telah diumumkan ini secara amnya memberikan penekanan kepada pencapaian keuntungan dan peningkatan *yield* untuk tahun semasa di samping mengambil inisiatif mengurangkan kos dan mengoptimumkan rangkaian perniagaan. Di samping itu, pelan ini juga melibatkan penamatan atau pengurangan beberapa laluan antarabangsa. Dengan ini, jumlah pekerja yang diperlukan oleh syarikat ini telah berkurangan di mana MAS telah memaklumkan bahawa seramai lebih kurang 6,500 orang pekerja perlu dikurangkan.

Pekerja-pekerja ini akan ditawarkan dengan izin, *Mutual Separation Scheme* atau MSS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam proses rasionalisasi ini yang telah diumumkan oleh kerajaan, MAS telah diminta untuk meneliti dan berbincang dengan ahli Kesatuan Sekerja MAS dalam hal yang melibatkan cadangan pemberhentian kakitangan syarikat berkenaan untuk mengurangkan kesan negatif hasil daripada tindakan tersebut.

Bagi tujuan menentukan bahawa impak negatif adalah di tahap minimum dan kepentingan pekerja-pekerja ini tidak diketepikan, MAS telah mengadakan perbincangan awal dengan ahli Kesatuan Sekerja MAS berhubung isu pengurangan pekerja ini. Pihak ahli Kesatuan Sekerja ini telah pun memberikan komitmen mereka dan pihak MAS telah pun mengambil kira pandangan ahli Kesatuan Sekerja ini di dalam menetapkan program MSS tersebut.

MAS akan mengemukakan cadangan berkaitan dengan MSS kepada pihak kerajaan setelah proses tawaran ataupun penerimaan mencapai persetujuan di antara pihak majikan dengan pekerja-pekerja yang terlibat. Ini adalah kerana program MSS ini memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa MAS tidak ada kuasa autonomi untuk membuat keputusan. Jadi saya hendak tahu, siapakah yang membuat keputusan memberi 90 lebih laluan kepada AirAsia dan bakinya laluan itu di *share* di antara MAS dengan AirAsia, baki sebanyak 19 laluan. Jadi seolah-olah macam kesemuanya kita serah kepada AirAsia. Jadi siapa yang buat keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan itu sudah jelas. Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kita telah membenarkan MAS berbincang dengan pihak AirAsia dan setelah memberikan ruang yang begitu luas kepada mereka untuk berbincang dan persetujuan ini adalah di antara MAS dengan AirAsia. Mereka ini telah mengemukakan kepada pihak kementerian dan pihak kementerian juga telah mengemukakan kepada pihak Kabinet dan Kabinet telah bersetuju bahawasanya telah menerima keputusan yang mana MAS ini diberi hanya 19 laluan domestik dan 96 itu diberi kepada pihak AirAsia. Ini adalah sesuatu yang telah diberi persetujuan oleh pihak Kabinet selepas pihak MAS berbincang dengan pihak AirAsia. Terima kasih.

3. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sama ada kementerian bercadang untuk memperketatkan syarat-syarat penyiaran televisyen swasta dengan:

- (a) menggariskan panduan berkenaan pakaian, imej dan disiplin artis tempatan agar menepati budaya Malaysia; dan
- (b) membatalkan lesen penyiaran televisyen swasta yang ghairah menonjolkan program-program Barat yang melampau dan lucu di kaca televisyen.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian tidak menetapkan garis panduan khusus mengenai pakaian dan tingkah laku artis tempatan. Ini adalah kerana garis panduan sedia ada seperti Kod Kandungan telah mencukupi untuk mengatasi cabaran ini.

Seksyen 3.18, Bahagian IV Kod Kandungan secara jelas telah tidak membenarkan penyiaran kandungan menjolok mata menerusi cara berpakaian yang tidak sopan. Selain daripada itu pendekatan pendidikan dan teguran adalah lebih sesuai serta akan terus dilaksanakan. Ini juga selaras dengan pendekatan kawal selia sendiri yang diamalkan oleh kerajaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

[Gangguan sistem pembesar suara]

- (b) Bagi tujuan pengawalan kandungan program TV swasta pula, kementerian menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM, mempunyai mekanisme perundangan pelbagai peringkat untuk mengawal kandungan TV dan media elektronik. Kawal selia kandungan dilakukan menerusi beberapa syarat lesen termasuk mewajibkan tapisan oleh Lembaga Penapisan Filem atau LPF, mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi semua program dan iklan. SKMM sebagai pengawal selia stesen-stesen penyiaran swasta bekerjasama rapat dengan

pihak LPF untuk memastikan bahawa kesemua bahan siaran adalah ditapis terlebih dahulu oleh pihak LPF sebelum ianya disiarkan.

Maklumat tentang pelanggaran syarat lesen yang diperolehi melalui aduan awam atau hasil pemantauan oleh SKMM akan disiasat secara terperinci. Tindakan penguat kuasa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan diambil sekiranya aduan didapati berasas.

Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Dato' Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita tengok siaran anugerah di mana DJ-DJnya membuat *jokes* atau jenaka yang lucu. Apakah Kementerian tidak ada garis panduan untuk DJ selain kepada, cuma kepada artis-artis dan juga siaran-siaran yang ditayangkan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat kerana soalan yang diutarakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sepanjang tahun 2004/2005, 33 aduan telah diterima dan enam tindakan undang-undang telah diambil kepada dua stesen TV swasta dan satu stesen radio swasta kerana pelanggaran syarat lesen. Maka sekiranya terdapat lagi aduan-aduan termasuk yang dinyatakan oleh Yang Berhormat seperti program anugerah yang disiarkan secara langsung di TV baru-baru ini, maka Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan sentiasa memantau dan mengambil tindakan kepada mana-mana syarikat TV ataupun radio yang mengutarakan rancangan-rancangan yang mempunyai unsur-unsur lucu.

Seperkara lagi kita juga mengingatkan kalau boleh syarikat-syarikat TV ini supaya apabila hendak memilih DJ ataupun hos mana-mana rancangan itu, pilihlah kalau yang buat jenaka itu janganlah jenaka yang menggunakan perkara-perkara yang berunsur lucu kerana bukan semua orang boleh jadi P. Ramlee, yang mana *jokes* nya selamba sahaja boleh buat orang ketawa tetapi hari ini kadang-kadang ada di kalangan artis-artis kita yang ketandusan ilmu hanya boleh buat lawak jenaka yang berbentuk lucu untuk cuba buat orang ketawa secara terpaksa. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah jawatankuasa pemantau yang ditubuhkan oleh Kementerian tidak memantau rancangan TV swasta terutamanya Astro yang diulang tayang beratus-ratus kali yang amat membosankan pelanggan terutama filem-filem Barat yang melampau, ganas dan perlakuan lucu yang selalunya ditayangkan semula setelah siang yang boleh ditonton oleh kanak-kanak. Apakah Astro sudah kehabisan modal?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Dewan, adalah menjadi lazim kepada mana-mana syarikat yang mengeluarkan stesen TV secara satelit ataupun kabel menayangkan sesuatu siaran programnya berkali-kali kerana tujuan mereka ialah untuk memastikan golongan-golongan tertentu dapat menonton program itu dalam waktu yang mereka rasa sesuai.

Begitu juga Astro. Mungkin juga ada orang kerja pagi, dia hendak menonton malam. Kalau dia tidak sesuai menonton malam, dia hendak menonton petang. Sebab itu siaran itu akan berulang-ulang dan ini berlaku di mana-mana stesen TV swasta di seluruh dunia tetapi bagi kita di negara Malaysia, pada masa akan datang dan masa kini, kalau kita tidak berpuas hati kepada Astro kerana ada orang kata seolah-olah seperti *daylight robbery*, kita mempunyai alternatif selain daripada di negara kita mempunyai enam siaran TV percuma, tidak perlu membayar sebagaimana kita bayar kepada Astro, kita juga telah ada dua lagi siaran TV berbayar iaitu Fine TV dan MiTV yang telah memulakan perkhidmatan mereka di negara ini dan ini memberi pilihan kepada rakyat Malaysia sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan siaran Astro, bolehlah mengambil pilihan lain atau *option* lain menonton siaran MiTV ataupun Fine TV selain daripada enam siaran TV percuma yang diadakan kepada seluruh rakyat di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Haji Tajul Urus bin bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, boleh tidak Yang Berhormat memberi secara jelas ataupun lebih kurang apa yang kita maksudkan dengan pakaian menjolok mata. Adakah sekadar nampak betis ataupun nampak paha itu menjolok mata? Kerana kalau pada saya, kalau tidak nampak semua, tidak menjolok mata lagilah.

Yang kedua, adegan lucah. Bagaimana yang ditakrifkan adegan lucah? Setakat tidur atas katil sahajakah, letak tangan sahajakah ataupun ada lebih kurang garis panduan kepada takrif kementerian tentang pakaian menjolok mata dan lucah ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat sungguh bahaya sekali... *[Ketawa]* Yang Berhormat minta pandangan saya, bukan pandangan kementerian. Yang Berhormat kata kalau dia tidak nampak semua, tidak menjolok mata. Itu pandangan Yang Berhormat. Pandangan saya mungkin lain daripada Yang Berhormat. Berhubung dengan pakaian ini sebenarnya, apa-apa jua pada hari ini Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah membuat satu garis panduan bersama-sama dengan Kementerian Penerangan dan mereka telah menghantar memorandum ini kepada kementerian saya, KTAK supaya segala garis panduan yang telah sedia ada di bawah Kementerian Penerangan, di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan termasuk di bawah kementerian saya diselaraskan supaya dapat disebar kepada seluruh agensi yang terlibat dalam menyiarkan mana-mana siaran TV.

Berhubung dengan pakaian, mungkin kadang-kadang jenis pakaian itu merupakan *culture* atau kebudayaan, bagi negara ataupun sesuatu bangsa. Katalah ramai orang Malaysia, dia minat hendak tengok cerita Bollywood, Hindustan, takkan kita hendak minta *film star* Bollywood, Hindustan itu bila berlakon untuk siaran TV Malaysia pastikan jangan pakai sari sebab pakai sari nanti nampak perut. Yang Berhormat mungkin kata nampak perut itu seksi. Bagi orang India di Bollywood, sari itu merupakan pakaian harian mereka.

Jadi kita ini satu subjektif yang kita perlu lihat dengan berhati-hati. Jadi pandangan saya dengan pandangan Yang Berhormat lain sebab Yang Berhormat tanya pandangan saya. Pandangan Yang Berhormat menjolok mata itu sampai nampak semua. Berat lagi kalau Yang Berhormat jadi Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini. Saya rasa rasa siaran TV ini lagi bercelaru. Lebih baik kita kekalkan pengerusi yang sedia ada ini... *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat cukuplah itu... *[Ketawa]* Nanti melarat nanti.

4. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Pertahanan menyatakan, jumlah belia India yang diambil untuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia, darat, laut dan udara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, soalan ini selalu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Senat dan Dewan Rakyat tetapi saya ingin menegaskan bahawa kekuatan kaum India di dalam Angkatan Tentera Malaysia ataupun dalam perkataan ringkas, ATM, adalah seramai 306 orang pegawai dan 1,033 orang lain-lain pangkat. Pangkat yang tertinggi ialah Briged Jeneral dan pangkat yang terendah itu yang biasa sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Prebetlah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Prebetlah.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh tidak saya dapatkan maklumat berkenaan dengan ketiga-tiga angkatan darat, laut dan udara dan juga 360 pegawai yang diberi itu dari kategori mana, dari Briged Jeneral sampai biasa kah? Bolehkah kita dapatkan statistik bagi setiap kategori? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, ini *detail*. *Detail* kita jawab bertulislah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Soon Tian Szu

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya bertanya. Soalan tambahan saya ialah, kita sudah lama membincangkan tentang masalah ini, kekurangan belia-belia *participate* dengan izin, di dalam ATM. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian sama ada kita buat analisa tentang masalah ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan angka-angka untuk belia-belia India yang lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jawab dalam nada perlahan. Yang bertanya pun bertanya dalam nada perlahan sahaja... [Ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Dewan ini pun tidak ramai kan, jadi saya jawab perlahan sahajalah... [Ketawa] Kalau saya kempen, saya kempen kuat. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tentang sambutan daripada belia-belia, terutama sekali di kalangan orang-orang India dan orang-orang Cina. Masalah yang timbul ialah sambutan daripada mereka dan tawaran daripada kita. Orang India umpamanya, permohonan untuk menjadi pegawai sebab saya utamakan ini, soalan mengenai orang India, kaum India 22 orang. Yang kita ambil 16 orang. Kemudian, laskar ialah 202 orang. Yang kita ambil 142 orang. Itu dalam tahun 2005, ya.

Sistem kita menawarkan untuk mereka menyertai angkatan tentera seperti sistem yang kita tawarkan kepada kalangan rakyat yang lain iaitu sistem temu duga terbuka. Temu duga terbuka ini kepada pangkat, kakitangan askar dan laskar tetapi, bagi pegawai-pegawai ada dua yang kita masuk melalui kolej yang terpaksa mereka memohon sebab kita berkehendakkan latar belakang mereka dengan kelulusannya dan ada juga yang kita terima daripada permohonan yang mereka telah lulus, tamat dengan persijilan ijazah dan diploma.

Ini kita katakan skim ijazah dan diploma. Mereka ini dibawa ditemu duga dan atas kelulusan dan sesuai, padan dengan kategori yang lain, bawa masuk untuk kursus sebagai seorang pegawai. Ada lapan bulan, ada 16 bulan. Yang kelulusan ijazah yang kita bawa masuk sebagai pelatih, sebagai pemimpin. Apabila keluar, dia akan diberi pangkat terus sebagai seorang kapten. Yang ada ijazah, bila keluar diberi pangkat sebagai leftenan.

Kita tidak mengatakan bahawa gaji di dalam angkatan tentera ini lebih tinggi daripada kelulusan ijazah di dalam perjawatan yang lain tetapi untuk hari ini, *alhamdulillah*. Respons adalah baik, tetapi anggota angkatan tentera kita hanya kita tetapkan untuk memasuki ini, keseluruhannya 120,000. Mana yang kurang kita akan temu duga dan kita akan ambil. Saya hendak maklumkan tentang orang-orang daripada kaum India yang ada seramai 133 orang. Empat orang Briged Jeneral dan yang telah tamat perkhidmatannya pada 2004/2005 dan satu akan tamat perkhidmatannya pada 2006 ini. Kita sentiasa memberi peluang pada kali ini, dia masih ada *full* kolonel, ada enam orang lagi yang kalau prestasi dan kehendak mereka sesuai, bila ditemu duga mereka akan mendapat pangkat sebagai satu *star*.

Ini adalah satu yang amat baik. Saya percaya bahawa kekurangan penyertaan ini adalah kerana mereka menganggap ini adalah *routine work* dan mungkin mereka menganggapkan pendapatan mereka dan kawalan tatakkerja yang agak disiplin dan tinggi, itu yang menyebabkan mereka tidak mahu. Saya rasa semua pemimpin dan ahli-ahli politik, senator sendiri boleh berkempen apabila kita membuka peluang untuk hadir temu duga menyertai angkatan tentera. Kemudahan-kemudahan mereka menyertai angkatan tentera, sesudah menyertai angkatan tentera, peluang untuk melanjutkan pelajaran bagi mendapat kedudukan, status dan pangkat serta profesionalisme dalam tentera sentiasa diberi. Kita tidak pilih bumiputera, Melayu ataupun Kadazan, orang Iban, Cina dan India, terbuka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

5. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan keadaan polarisasi kaum di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Ini terbukti dalam kajian yang dilakukan bahawa pelajar pelbagai kaum lebih selesa berinteraksi hanya sesama kaum sendiri.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan lisan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Bon You pada 18 Mei ini kerana kedua-duanya menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian tidak menafikan wujudnya kecenderungan sesetengah pelajar kita khususnya di IPTA yang suka berkumpul sesama sendiri ketika di bilik kuliah, kafeteria, perpustakaan dan ketika beriadah di perkarangan kampus.

Sehubungan itu, kementerian terus berusaha untuk mengurangkan keadaan ini dengan melaksanakan pelbagai langkah yang antaranya termasuk mempergiatkan lagi aktiviti interaksi kaum melalui Persatuan Anak Negeri, Majlis Perwakilan Pelajar, Kumpulan Pembimbing Pelajar, Minggu Suai Kenal, Pesta Konvokesyen, Aktiviti Persembahan Seni Budaya, Program Rumah Terbuka, Program-program Kemasyarakatan dan Kesukanan, lawatan serta aktiviti kokurikulum.

Di samping itu, terdapat juga usaha untuk menjadikan kursus perhubungan etnik yang mula diperkenalkan pada sesi 2005/2006 sebagai subjek wajib universiti bagi membolehkan pelajar-pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang etnik yang berlainan. Selain daripada itu, ada juga usaha untuk mengaturkan pelajar-pelajar dari latar belakang etnik yang berbeza untuk berkongsi kemudahan dan perkhidmatan sokongan di dalam kampus. Kementerian yakin dengan mengambil langkah-langkah yang lebih fokus dan berterusan ini, mudah-mudahan kita akan dapat mengurangkan keadaan polarisasi kaum di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada menggalakkan melalui aktiviti-aktiviti yang telah dikatakan itu, apakah pendirian kementerian tentang persatuan-persatuan yang sedia ada, lama telah ditubuhkan, sedia ada tetapi mungkin bercorak satu jenis yang mungkin boleh menambahkan polarisasi. Jadi dari segi kesesuaian, apakah tindakan kementerian itu tentang persatuan-persatuan ini yang sedia ada. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sebenarnya, penubuhan persatuan-persatuan yang dimaksudkan itu tidak seharusnya dipersalahkan bulat-bulat kerana apa yang penting itu adalah bergantung kepada jenis program aktiviti yang diaturkan oleh pelbagai persatuan. Kalaulah sesebuah persatuan itu berikhtiar untuk mengaturkan ataupun menganjurkan program-program yang dapat melibatkan semua kaum, saya tidak nampak bahawa persatuan itu akan terus terkongkong dalam sesuatu kaum ataupun sesuatu puak yang tertentu sahaja.

Tuan Lee Chee Keong: *[Bangun]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong dan selepas itu Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar beberapa aktiviti telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita. Jadi minat saya ialah sejauh manakah keberkesanan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan? Adakah polarisasi itu makin meningkat atau makin merosot? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya soal polarisasi ini bukan senang kita hendak mengukur mengikut kayu pengukur yang tertentu. Ini bukan sesuatu yang dapat kita mengukur secara kuantitatif. Walaupun demikian, saya ingin hendak menegaskan bahawa sebarang program yang telah pun saya maksudkan itu

sebenarnya merupakan satu program yang berterusan. Saya berharap apa yang penting sekarang ini adalah tahap pemahaman dan penghayatan terhadap pelbagai budaya, pelbagai adat resam yang ada di masyarakat kita ini. Ini perlu kita mendalami dengan seboleh-bolehnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu Datuk, bercakap tentang polarisasi ini, saya teringat ada satu peribahasa Inggeris, "*Birds of a feather flock together*". Inilah lebih kurang apa yang berlaku sekarang. Silakan Datuk Rizuan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bahagian pertama telah ditanya oleh sahabat saya sebab saya nombor tiga. Jadi kalau nombor satu tadi, saya tanya dah...

Timbalan Yang di-Pertua: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Bahagian kedua, soalan saya, apakah Kelab Rukun Tetangga yang ditubuhkan di IPTA memberi kesan yang positif terhadap fenomena ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat tadi sebab Rukun Negara telah pun lama wujud di negara kita dan ianya tetap diambil sebagai satu pedoman, pegangan hidup kita bersama. Saya hendak menegaskan bahawa sekarang ini Rukun Negara....

Timbalan Yang di-Pertua: Apa maksud Yang Berhormat? Rukun Tetangga atau Rukun Negara?

Datuk Ong Tee Keat: Rukun Tetangga ya? Maaf.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya pun tidak pasti ya.

Datuk Ong Tee Keat: Mungkin saya silap juga, Rukun Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang ditubuhkan di IPTA itu, Rukun Tetangga ke Rukun Negara? *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Ong Tee Keat: Sebenarnya Rukun Tetangga itu tidak ada hubung kait dengan IPTA... *[Ketawa]*.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya. Jawab yang itulah... *[Ketawa]*

Datuk Ong Tee Keat: Rukun Negara itu ada.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya. Rukun Negara.

Datuk Ong Tee Keat: Rukun Tetangga itu lain. Ya, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Ong Tee Keat: Sebenarnya, program-program anjuran pelajar, khususnya melalui badan-badan pelajar, sekarang ini juga digalakkan untuk menerapkan nilai-nilai yang tertera dalam amalan Rukun Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

6. Tuan Lee Sing Chooi minta Perdana Menteri menyatakan, hasil kerajaan dari Petronas pada setiap tahun 2001-2005, dan apakah hasil tambahan kepada kerajaan dari Petronas kerana kenaikan harga minyak mentah pada tahun 2004 dan 2005.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil yang diperolehi oleh kerajaan dari Petronas meliputi kutipan cukai, dividen, royalti dan duti eksport. Pada tahun kewangan 2000/2001, kerajaan memperolehi RM19 bilion dari Petronas. Jumlah tersebut menurun kepada RM15.8 bilion pada tahun kewangan 2001/2002 dan meningkat kembali kepada RM17.6 bilion pada tahun kewangan 2002/2003.

Pada tahun kewangan 2003/2004, jumlah tersebut terus meningkat kepada RM21.2 bilion dan kepada RM31.2 bilion pada tahun kewangan 2004/2005. Akibat kenaikan harga minyak mentah pada tahun 2004/2005, pertambahan hasil Petronas meningkat sebanyak 47.2% berbanding dengan peningkatan sebanyak 20.5% pada tahun 2003/2004. Sumbangan keseluruhan Petronas kepada kerajaan meningkat sebanyak RM8.6 bilion pada tahun kewangan 2003/2004 dan sebanyak RM10 bilion pada tahun kewangan 2004/2005.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan niaga minyak mentah merupakan 24% daripada keseluruhan hasil pendapatan Petronas. Selebihnya pendapatan Petronas adalah diperolehi melalui urusan niaga lain yang berkaitan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih kepada Timbalan Menteri kita. Hasil kerajaan dari Petronas itu, berapa peratusan itu adalah kerana cukai atau duti eksais? Dan berapa peratusan itu adalah hasil pelaburan kerajaan dan juga adakah dan sejauh manakah hasil itu terjejas kerana harga minyak jualan Petronas itu tidak setinggi, setanding dengan harga minyak dunia oleh kerana ia terikat dalam perjanjian terma panjang yang ditandatangani dahulu. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat terlalu terperinci dan memerlukan jawapan yang agak panjang, maka saya minta notis.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menjawab bahawa urusan niaga minyak mentah adalah 24% daripada keseluruhan hasil pendapatan Petronas. Soalan tambahan saya, apakah urusan niaga-urusan niaga lain yang menjadi hasil pendapatan Petronas. Dan selain daripada pendapatan yang diberikan secara langsung, adakah sumbangan-sumbangan lain secara tidak langsung? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya dari segi punca pendapatan hasil Petronas terbahagi kepada tiga iaitu domestik, dengan izin, eksport dan juga *international operation*. Selebihnya urusan niaga selain daripada pendapatan minyak mentah tadi, ingin saya maklumkan kepada Dewan ini iaitu yang kedua terbesar, yang pertama terbesar sekali ialah urusan niaga produk petroleum yang mengandungi 35%. Selebihnya LNG 15%, petrokimia 18%, perkapalan 5.9%, pemprosesan gas 3% dan yang selainnya LPG, gas asli dan harta tanah adalah merupakan peratus yang lebih kecil lagi.

Bagi soalan Yang Berhormat yang kedua, iaitu yang berkenaan selain daripada sumbangan yang diberikan secara terus ini. Secara tidak langsung, sebenarnya Petronas juga banyak memberi sokongan kepada rakyat umum. Pertamanya dari segi pendidikan, seperti mana yang kita semua maklum, Petronas mempunyai Universiti Petronas di Perak, ini dari segi pendidikan. Kemudian kita juga ada Pusat Akademi Laut di Melaka, ini juga adalah sumbangan Petronas yang terbesar. Selepas itu di Terengganu, kita ada Pusat Latihan Perindustrian, ini adalah untuk melatih mereka di peringkat khidmat sokongan dalam bidang kemahiran-kemahiran tertentu.

Selain daripada itu, yang agak besar juga, Petronas memberi sumbangan ialah biasiswa sama ada di pusat pengajian tinggi dan juga kepada peringkat menengah tinggi. Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat juga, seperti mana yang kita maklum bahawa kerajaan telah menetapkan khususnya agensi-agensi kerajaan yang besar termasuk Petronas dalam bidang sukan. Dalam bidang sukan, kita diberi peranan untuk *sponsor* dalam bidang bola keranjang. Jadi itulah yang sebesar-besarnya yang agak nyata tetapi yang lain-lain juga Petronas terus memberi bantuan kepada rakyat termiskin dan sebagainya dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Maknanya tanggungjawab sosial tu memang ada pada Petronas?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yes.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah hasil yang diperolehi daripada operasi dalaman di dalam negeri, jauh melebihi hasil daripada operasi di luar negara, dan apakah peratusannya dan jangkaannya pada masa-masa yang akan datang?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi iaitu kita dapati bahawa dari hasil yang saya sebutkan, domestik, eksport dan *international operation* itu untuk sehingga Mac 2005 yang ada dalam pengetahuan saya. Bagi dalaman, domestik kita memperolehi sebanyak... ini sebelum diaudit iaitu sebanyak RM31,066 bilion ya, iaitu merupakan 22.7%. Dan yang terbesar sekali ialah *international operation*. Dalam *international operation* ini kita ada *upstream* dan kita ada *downstream* di 31 buah negara di seluruh dunia. Dan ia merupakan 35.4% ataupun RM48,486 milion.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

7. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat ini berapa banyakkah majikan yang telah didenda dan dikompaun atau diheret ke mahkamah kerana gagal mencarum wang simpanan pekerja ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP; dan
- (b) setakat manakah pemantauan yang dijalankan bagi memastikan syarikat-syarikat gergasi dan bertaraf multi-nasional yang ada di negara ini mematuhi Akta KWSP.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KWSP telah pun dan akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap majikan yang dikenal pasti gagal mencarum dalam tempoh yang ditetapkan. Ini termasuk tindakan pendakwaan dan guaman sivil terhadap pengarah-pengarah syarikat yang gagal mencarum. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang ada, kes-kes yang telah pun di daftar di mahkamah:

Bil.	Tahun	Kes
1.	2002	6,525
2.	2003	10,480
3.	2004	11,005
4.	2005	13,839

Tuan Yang di-Pertua, di samping tindakan pendakwaan di mahkamah bagi tahun 2001, tindakan sivil juga telah diambil terhadap syarikat-syarikat dan pengarah syarikat yang gagal mencarum. Sehingga akhir tahun 2005, sejumlah 6,371 kes yang melibatkan 11,113 pekongsi dan pengarah syarikat telah diambil tindakan sivil bagi mendapatkan caruman KWSP yang tertunggak oleh pihak majikan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, pemantauan dan seliaan yang rapi dilakukan oleh pihak KWSP melalui sistem dan tindakan pemeriksaan bagi memastikan majikan membayar caruman KWSP pekerja secara teratur termasuklah terhadap syarikat-

syarikat gergasi dan multinasional. Jika didapati mana-mana syarikat yang gagal membayar caruman, tindakan penguatkuasaan dan undang-undang diambil bagi mendapatkan caruman yang tertunggak.

Untuk makluman selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, tahun 2006 sahaja, sehingga bulan Mac, terdapat 8,896 majikan yang gagal mencarum kepada KWSP Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat syarikat yang tidak mencarum KWSP bagi pekerja mereka, padahal wang caruman KWSP telah ditolak daripada gaji mereka. Hal ini sering berlaku. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang diambil oleh KWSP bagi memastikan wang caruman mereka dikembalikan dan masuk ke akaun pencarum. Apa pula bentuk tindakan yang diambil apabila syarikat itu dan seluruh lembaga pengarah telah jatuh bankrap?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: KWSP, ia ada beberapa undang-undang yang digunakan. Saya sebut di sinilah, di bawah seksyen 43(2), majikan yang bersalah memang dikenakan maksimum denda RM10,000 ataupun jail tiga tahun. Dan seksyen 46, ini tindakan mahkamah, ini yang digunakan bagi mereka yang gagal. Ia memang banyak berlaku caruman pihak pekerja dipotong tetapi majikan tak bayar, makna duit itu pun majikan ambil, potongan itu pun mereka ambil. Ini dikenakan tindakan terhadap majikan. Pengarah-pengarah dikenakan tindakan di bawah seksyen 46, di bawah Akta KWSP, diambil tindakan ke atas mereka dan di bawah seksyen ini. Dan memang mereka tidak akan terlepas, kalau dia gagal juga, dia pergi jailah.

Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tindakan ini maka banyak majikan yang takutlah, saya kira kerana tindakan yang dikenakan maka mereka agak takut. Sebab itu bila berlaku *default* dengan izin, bulan pertama banyak berlaku *default*. Kemudian bila diberi *warning*, maka bulan kedua dibayar sampai bulan ketiga. Jadi rekod ada, jadi bila berlaku *default* sampai tiga bulan, dia akan diambil tindakan mahkamah ataupun didaftar sebagai kes tetapi kalau satu bulan, dua bulan masih tidak didaftar, direkod tapi tidak diambil tindakan. Jadi memang berlaku banyak *defaults*.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hampir 10% tak bayar pada bulan pertama. Bulan kedua kurang, dan bulan ketiga biasanya kurang daripada 30% yang tidak bayar dan kes-kes ini diambil tindakan mahkamah. Maknanya majikan-majikan yang buat tindakan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, mereka tidak akan terlepas. Dan tindakan diambil seterusnya sehingga ada yang kena bankrap.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

[Soalan No. 8 – Y.B. Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir]

9. Tuan Chiam Yong Tee minta Menteri Kesihatan menyatakan, bentuk bantuan yang diberi oleh Tabung Bantuan Perubatan. Nyatakan jumlah permohonan yang diterima pada tahun 2005 dan berapakah bilangan permohonan yang berjaya mengikut kaum dan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tabung Bantuan Perubatan atau TBP yang mula beroperasi sejak Januari 2005 merupakan sebuah tabung khusus bertujuan bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membiayai kos rawatan perubatan, ubat-ubatan dan peralatan perubatan yang kemudahannya tersebut tidak disediakan di hospital kerajaan. Sejak mula beroperasi pada 15 Januari 2005 hingga 31 Disember 2005, TBP telah menerima sejumlah 578 permohonan.

Daripada jumlah tersebut, 391 permohonan telah diluluskan dengan melibatkan kos berjumlah hampir RM6 juta. Permohonan mengikut pecahan kaum yang diluluskan melalui TBP pada 15 Januari 2005 hingga 31 Disember 2005 adalah sebagaimana berikut:

- kaum Melayu, 168 permohonan;
- kaum Cina, 102 permohonan;
- kaum India, 86 permohonan; dan
- kaum bumiputera, 35 permohonan

Sekian, terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng, selepas itu penanya soalan asal ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada aduan tentang permohonan bagi mendapat bantuan daripada tabung ini ialah masalah yang lama dalam pemprosesan. Dari segi aduan yang diterima itu, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa satu jawapan segera itu dapat diperolehi. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan dan juga memudahkan cara permohonan yang terdapat di hospital. Di antaranya adalah kita ada mewujudkan satu pejabat di semua hospital kita dan borang kita sudah ringkaskan. Dan kita juga ada menempatkan pegawai kita di hospital-hospital ini untuk menolong pemohon-pemohon untuk membuat permohonan. Dan jikalau permohonan itu lengkap, tidak ada masalah dan kita akan memprosesnya dalam masa yang singkat. Dalam segi ini, kalau borang-borang tersebut adalah lengkap, kita akan dapat meluluskannya atau memberikan jawapannya kepada pemohon itu dalam masa tujuh hari kerja. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chiam Yong Tee.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berapakah lamanya masa pemprosesan permohonan yang untuk tabung ini dan adakah kerajaan bercadang meningkatkan, mengurangkan lagi masa pemprosesan ini supaya si pemohon itu sempat menggunakan tabung yang diluluskan itu. Lagi pun pernahkah berlakunya si pemohon itu tak sempat menunggu kelulusan dan meninggal dalam masa menunggu tu.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Kementerian Kesihatan memang ambil berat berkaitan perkara yang dibangkitkan tadi, iaitu berkaitan dengan masa yang digunakan untuk memproses permohonan semua ini.

Akan tetapi, kita juga kena faham bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai tanggungjawab supaya tabung duit dalam tabung ini adalah digunakan dengan baiknya untuk *balance* kan kedua-dua kepentingan ini, maka kita telah mengambil langkah seperti yang telah saya katakan tadi supaya permohonan yang dibuat itu akan diproses dengan secepat mungkin seperti saya katakan adalah dalam masa tujuh hari kerja apabila kita menerima semua borang yang lengkap ini dan kita kena faham juga bahawa apabila kita meluluskan atau menolak permohonan ini kita kena melalui satu jawatankuasa teknikal, supaya doktor-doktor dan pakar-pakar kita kena menepati adakah permohonan ini boleh diterima atau tidak.

Ini adalah proses yang kita lalui dan kita harap kita dapat meringkaskan lagi proses-proses ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Dato' Rhina Bhar.

10. Dato' Rhina Bhar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilakah kerajaan akan melaksanakan konsep bina dahulu dan jual kemudian projek-projek perumahan di negara kita. Jika tidak, apakah halangan-halangan yang wujud untuk melaksanakan perkara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian kini sedang dalam proses terakhir penyediaan memorandum mengenai cadangan pelaksanaan pembinaan rumah melalui konsep bina kemudian jual yang mana akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat bagi mendapatkan keputusan mengenai cadangan konsep tersebut.

Konsep bina kemudian jual ini memerlukan kajian dan penelitian yang rapi akan kebaikan dan keburukannya kepada industri perumahan secara keseluruhan dan juga bagi menjaga kepentingan pembeli-pembeli. Jika dipersetujui oleh kerajaan, konsep bina kemudian jual akan dilaksanakan secara selari dengan konsep sedia ada, sebagai tempoh percubaan dan kesan pelaksanaannya akan dikaji sebelum ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam industri perumahan.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah di bawah skim beli sebelum bina, ada beberapa projek perumahan yang belum habis dibina dan adakah kerajaan memberi bantuan untuk habis pembinaan perumahan di bawah skim itu dan apakah bantuan yang kerajaan telah dan akan memberi untuk habiskan binaan.

Dr. S. Subramaniam: Soalan Yang Berhormat ialah berkenaan dengan projek-projek terbengkalai yang sedia ada di dalam negara kita. Bantuan daripada apa yang kementerian buat kepada projek-projek yang terbengkalai ialah pada awalnya kita akan panggil semua pihak yang berkaitan termasuk pemaju, pembeli dan untuk mengadakan perbincangan untuk memahami apa masalah yang telah menyebabkan projek itu terbengkalai.

Lepas itu satu kajian akan dibuat daripada keadaan dari segi ekonomi dan pilihan akan diberi dan bantuan kepada pemaju daripada segi bantuan dari segi agensi-agensi kerajaan daripada segi mempercepatkan proses-proses kelulusan di pejabat-pejabat dan sebagainya dan selepas itu pihak pembeli digalakkan untuk menubuhkan jawatankuasa yang boleh membuat cadangan macam mana mengatasi projek terbengkalai itu dan kalau ada pemaju-pemaju lain yang ingin untuk mengambil alih projek itu mereka akan digalakkan.

Kalau dah semua ini tidak mencapai apa-apa keputusan yang baik kita akan meminta bantuan Syarikat Perumahan Negara dan pada biasanya bantuan ini adalah untuk projek-projek rumah kos rendah daripada segi sosial dan SPN akan kaji keadaan dan kalau mereka berpendapat bahawa projek itu akan diteruskan mereka akan untuk meneruskan.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin bertanya apakah budget-budget harga antara konsep bina dahulu dan jual kemudian dengan jual dahulu dan bina kemudian projek-projek perumahan. Yang Berhormat sekian, terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Kerana konsep di sini masih belum dilaksanakan saya tidak boleh membuat memberi satu *figure* yang tepat, tetapi apa yang diramalkan oleh beberapa agensi seperti RIDA dan *Rating Agency of Malaysia* ada kemungkinan harga rumah boleh naik di antara lima sampai tujuh peratus.

11. Datin Naomi Chong Set Mui minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sama ada kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk menubuhkan badan pemerhati untuk mengawal 4 universiti penyelidikan yang dipilih bagi memastikan ketelusan dan peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk tujuan penyelidikan berkaitan dibelanjakan dengan bijaksana dan hanya kelengkapan-kelengkapan yang bersesuaian sahaja akan dibeli.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, empat buah universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Putra Malaysia akan beroperasi dalam suasana diregulasi dan *decentralize*, dengan izin, untuk membolehkannya beroperasi dalam kerangka kerja yang lebih fleksibel dan berkesan.

Pada peringkat ini universiti-universiti penyelidikan akan menubuhkan Jawatankuasa Pemegang Amanah Penyelidikan dan Jawatankuasa Pemilihan bersama yang terdiri daripada Naib Canselor, Anggota Lembaga Pengarah Universiti, Senat, Badan Profesional dan Industri. Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam hal-hal penyelidikan meluluskan peruntukan penyelidikan, menguruskan semua wang penyelidikan, mengoperasi akaun amanah khas, menggubal prosedur kewangan yang bebas dan mempunyai kuasa melabur dalam pelaburan amanah.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini juga akan memastikan peruntukan-peruntukan yang diberikan untuk tujuan penyelidikan dibelanjakan dengan bijaksana dan tatacara perolehan dapat dilaksanakan dengan lebih telus. Di samping itu kementerian telah menubuhkan jawatankuasa penaksiran universiti penyelidikan untuk memastikan fokus pencapaian dan impak universiti ini menepati keperluan negara. Oleh yang demikian kementerian berpandangan masih belum ada keperluan buat masa kini untuk menubuhkan badan pemerhati seperti mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat untuk mengawal ketelusan keempat-keempat buah universiti penyelidikan tersebut.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada empat universiti yang terpilih itu daripada lebih kurang 15 universiti yang sedia ada. Bolehkah kita diberitahu apakah kriteria-kriteria yang telah diguna oleh kementerian dalam proses pemilihan empat buah universiti ini, dan bolehkah kita diberitahu dibandingkan dengan yang tidak dipilih itu kenapa. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua sesungguhnya keempat-keempat buah universiti ataupun IPTA yang dipilih itu telah pun dipilih mengikut prosedur yang tertentu. Kriteria yang saya maksudkan itu mencakupi pelbagai aspek ataupun dimensi antara lain termasuk kualiti dan kuantiti penyelidik atau pun *researcher*, dengan izin. Kualiti dan kuantiti penyelidikan yang terhasil, kuantiti pasca siswazah ataupun *post-graduate* dengan izin, kualiti pasca siswazah yang dikeluarkan inovasi yang dihasilkan universiti berkenaan serta jaringan kerja dan perhubungan universiti secara global ataupun *networking and linkages*, dengan izin.

12. Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta Menteri Kesihatan menyatakan, sejauh manakah pemantauan kementerian terhadap fleksibiliti waktu rawatan di klinik-klinik kerajaan dan kes-kes kecemasan memandangkan seseorang pesakit terpaksa mengambil masa yang lama untuk mendapatkan satu rawatan

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mengeluarkan garis panduan masa menunggu kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital-hospital untuk sentiasa memantau situasi masa menunggu pesakit-pesakit di semua Jabatan Kecemasan dan klinik-klinik pakar.

Tempoh masa selama 90 minit telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan tempoh ini meliputi jangka masa pesakit mendaftar sehingga beliau dirawat oleh doktor atau petugas perubatan. Tempoh masa 90 minit dijadikan garis panduan dan penanda aras kepada masa menunggu yang munasabah.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada bulan Januari sehingga Februari 2005, pencapaian masa menunggu di Jabatan Kecemasan secara keseluruhannya dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Sebanyak 98.1 peratus kedatangan pesakit di hospital daerah tanpa pakar telah menerima rawatan dalam masa kurang daripada 90 minit. Di hospital daerah pula, sebanyak 94.4 peratus telah menerima rawatan dalam tempoh kurang daripada 90 minit dan di hospital-hospital negeri pula pencapaian pada puratanya ialah sebanyak 69.4 peratus. Sekian.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, pihak kementerian ada ataupun tidak, rancangan untuk melanjutkan masa rawatan sehingga ke malam selain daripada kes-kes *emergency*. Terima kasih.

Dato' Tuan Lee Kah Choon: Untuk makluman Yang Berhormat, hospital kita adalah buka 24 jam, 365 hari setiap tahun. Kita ada tempat rawatan kita iaitu tempat

rawatan kecemasan, kita ada juga pejabat rawatan pesakit selepas waktu kerja dan kita ada kaunter diwujudkan. Dan untuk rawatan pesakit selepas waktu ini, waktu ini adalah dibuka di antara pukul 4.00 petang sampai 12.00 malam. Dan untuk tempat kecemasan ini, memang sentiasa masa kita akan buka untuk kes-kes kecemasan. Sekian.

Ir. Hiang A Li: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah 90 minit itu adakah munasabah? Macam mana dapatkan tempoh itu. Yang kedua, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian supaya memastikan tempoh itu dipenuhi setiap kali itu.

Sejauh saya tahu, hospital-hospital yang baru terutamanya besar, memang masa atau tempoh menunggu rawatan memang lebih daripada tiga jam pun ada. Jadi, apakah langkah-langkahnya. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat, memang betul selalunya kalau kita pergi ke hospital besar atau hospital negeri, masa menunggu adalah lebih panjang atau lama kalau dibandingkan dengan klinik kesihatan atau hospital daerah. Ini adalah kerana, yang pertama, pesakit-pesakit yang pergi kepada hospital ini adalah lebih ramai kalau dibandingkan dengan hospital daerah. Ini adalah kerana hospital-hospital negeri ini, dia adalah hospital pusat di mana dia mempunyai satu *whole range of services*, dengan izin, di mana kita ada pakar-pakar ditempatkan di bandar-bandar besar ini, di hospital negeri ini.

Dan mengapa kita menepatkan 90 minit adalah kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dulu tu barangkali kita kena tunggu tu berjam-jam tetapi kita telah berbincang dengan pegawai-pegawai kita bagaimana kita dapat memendekkan masa menunggu dan kita telah menggunakan 90 minit ini atau satu jam setengah ini sebagai satu penanda aras, *benchmark* di mana kita dapat merawat pesakit-pesakit kita ini. Dan kita kena faham juga bahawa 90 minit ini adalah jangka masa pesakit berdaftar, sampailah beliau di rawat oleh doktor iaitu tak termasuk dengan masa pesakit ini terpaksa pergi buat ujian-ujian lain, misal kata dia kena buat ujian darah atau ujian kencing dan sebagainya.

Ini dia mengambil masa yang lebih panjang lagi dan juga kita selalunya kita kena *refer* pesakit ini kepada unit x-ray dan sebagainya dan ini dia mempunyai *queue* dia tersendiri. Ini adalah sebab-sebab mengapa kadang-kadang pesakit ini dia datang ke hospital ini dia memerlukan masa yang lebih panjang daripada masa yang kita harapkan di dalam hospital adalah kerana terpaksa pergi ke unit-unit yang berlainan untuk membuat ujian yang lebih komprehensif. Dan berkaitan dengan 90 minit, kita harap untuk masa yang akan datang kita memang ada rancangan supaya kita dapat memendekkan lagi jikalau kita dapat mendapat lebih ramai lagi kakitangan terutamanya doktor dan juga pegawai-pegawai yang terlatihlah seperti *radiologist* dan sebagainya. Sekian.

13. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapakah Proton Holding rugi RM158 juta. Apakah kerugian itu membuktikan industri kereta nasional negara sudah tidak lagi relevan dalam industri automotif dunia yang kompetitif. Berapa banyakkah hutang yang terpaksa ditanggung oleh Proton kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan di sini bahawa kereta Proton, Kereta Nasional Proton masih lagi relevan dan masih menguntungkan Tuan Yang di-Pertua. Saya mengatakan begitu kerana rekod-rekod yang ada. Kalau kita lihat di sini tahun kewangan, saya hendak bagi tahu tentang untung yang tersimpan. Iaitu pada tahun 2001, RM2.41 bilion yang tersimpan; 2002, RM3.5 bilion yang tersimpan; 2003, RM3.52 bilion yang tersimpan; 2004, RM4.94 bilion yang tersimpan; dan tahun 2005, RM5.6 bilion yang ada tersimpan keuntungan sebagaimana Proton, adalah dalam keadaan yang cukup kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi tahun kewangan, tahun kewangan Proton bermula daripada bulan April, satu-satu tahun sehingga Mac pada tahun yang berikutnya. Bagi tahun kewangan 2005 hingga 2006 iaitu mulai daripada April 2005 sehingga Mac 2006, memang terdapat laporan Q2, *quarter* yang kedua iaitu bulan Julai sehingga bulan September 2005, memang terdapat rekod kerugian RM158 juta.

Ini kerana sebenarnya daripada segi kewangan, proses kewangan ataupun pentadbiran kewangan Proton telah pun membuat *provision*, dengan izin, *provision* kepada kerugian Augusta, *dealing* dengan Augusta dan kerana eksport ke Iraq yang menggunakan LC tetapi pihak *Central Bank Of Iraq* ini, dia ikut telunjuk daripada U.S, maka dia terlewat, kelewatan sedikit tetapi Q3 berikutnya, mereka mendapat bayaran balik. Dan masalah *warranty* yang dikeluarkan kepada *supplier components* yang diberi oleh Proton satu tahun, tetapi kepada *customer* dua tahun. Jadi ada sedikit perbezaan di situ. Maka, memanglah ada *provision* yang telah dibuat, maka ditunjukkan kerugian tetapi akhirnya pada tahun kewangan 2005-2006, untung juga.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada segi operasi Proton, *break even point* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Kalau Proton *produced*, keluarkan 150 ribu unit, sudah pun *break even*. Hari ini Proton telah mengeluarkan antara 185 ribu sehingga 200 ribu unit. Pada tahun kewangan 2005-2006, Proton telah mengeluarkan 185 ribu unit, maka memang ada keuntungan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi dan selepas itu Dato' Haji Muhamad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana sebenarnya Dasar Automatif Negara atau DAN ini dapat membantu supaya Proton ini memang relevan sebenarnya dan sejauh manakah kebenaran bahawa apabila kerajaan akan menghapuskan AP ini menjelang tahun 2010, maka ia akan membawa kesan buruk pula kepada Proton seperti mana yang dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri kita.

Datuk Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Automatif Negara, mana-mana negara pun kita hendak *protect* industri kita sendiri. Jepun kah, di Korea kah, di mana-mana pun memang tujuannya ialah untuk kita hendak mempertahankan industri sendiri. Ini apa yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk membantu membangunkan industri kita dan sebenarnya hendak *protect*. Jadi tidak timbul masalah akan kesan buruk kepada industri kita. Mengenai AP, saya tidak nampak bahawa ia akan menjejaskan, sebenarnya menguntungkan Proton. Kalau tidak keluarkan AP, maka ada sekatan daripada segi import. Kalau dahulunya AP keluar dan kita import sehingga 65 ribu unit contohnya, ini memberi saingan yang cukup hebat kepada Proton.

Sekarang ini apabila AP dihapuskan, saya kira kerajaan akan *directly* ataupun *indirectly* mempertahankan ataupun *protect* industri kita sendiri. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, *market share* yang ada pada peringkat Proton ini, *market share* oleh Proton ialah sebenar lebih kurang 40 peratus. Antara 35 hingga 40 peratus di Malaysia. Ini kerana dilihat masalah dia, masalah Proton kurang model, model baru tidak banyak tetapi setakat ini tahun sudah dikeluarkan, sebelum itu Gen 2, tahun kewangan sudah Savvy. Saya *confuse* antara Myvi dan Savvy. Dan tahun ini dijangka ada satu lagi model dikeluarkan dan ini saya kira boleh menarik dan dapat meningkatkan lagi *market share* Proton Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah menyebabkan mutu Proton tidak dapat disetarafkan dengan mutu kereta keluaran dari Jepun dan Korea dan apakah langkah-langkah diambil supaya disetarafkan agar dapat bersaing dengan kereta Jepun dan Korea.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah atas soalan itu. Memang hari ini, itu yang ditekankan oleh Proton, iaitu masalah kualiti. Sebab itu Proton hari ini melihat kembali *suppliers* yang ada dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kualiti dipertingkatkan. Ada *quality control* di situ dan seperti yang saya sebut tadi, Proton akan memperbanyakkan model-model yang *affordable*, dengan izin, kepada *market* kepada pasaran di dalam negara kita dan juga melihat eksport yang lebih luas lagi daripada seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya pergi pada soalan yang terakhir. Silakan Yang Berhormat Datuk Yaakob Haji Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 14 dengan sedikit pindaan kerana terdapat salah menaip. Berbungyi

sepatutnya begini, "...minta Menteri Pengangkutan menyatakan 'jumlah' pengeluaran lesen...", dan bukannya "jumlah". Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah pembedaan ini akan menjejaskan jawapan yang telah pun disediakan Yang Berhormat tadi?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Saya rasa sudah tentu Tuan Yang di-Pertua kerana keluaran lesen dengan rekod pemalsuan lesen kenderaan motor ini saya rasa ada perbezaan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat hendak minta notis?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kalau boleh saya minta notislah pada jawapan ini tetapi saya boleh jawab soalan asal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, secara ringkas Yang Berhormat ya?

14. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta menteri Pengangkutan menyatakan 'jumlah' pengeluaran lesen memandu palsu, Piring Cukai Jalan atau *Road Tax* palsu dan kad pendaftaran kenderaan palsu yang telah dikesan antara tahun 2001 hingga 2005 dan jumlah tanggungan kerugian akibat daripadanya serta strategi bagi mengatasi masalah tersebut.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod penguasaan sebanyak 11,114 kes pemalsuan lesen kenderaan motor atau PLKM, dan 3713 kes pemalsuan lesen memandu telah dapat dikesan dari tahun 2001 hingga 2005. Jumlah kerugian kutipan hasil dalam kedua-dua kes tersebut di atas dianggarkan sebanyak RM799,575.47 sen.

Bagi kes pemalsuan kad pendaftaran, Jabatan Pengangkutan Jalan telah menerima sebanyak 29 kes aduan pemalsuan kad pendaftaran manakala sebanyak 14 kes mahkamah dicatat dalam tempoh yang sama dan tiada kerugian hasil kerajaan memandangkan kad pendaftaran bukanlah dokumen hasil jabatan. Di samping menjalankan tindakan penguatkuasaan dari semasa ke semasa, Jabatan Pengangkutan Jalan telah mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan khususnya ke atas piring lesen kenderaan motor yang mempunyai ciri-ciri keselamatan khas.

Piring ini mula digunakan pada pertengahan tahun 2002. Lesen memandu dan kad pendaftaran juga mempunyai ciri-ciri keselamatan tersendiri di mana ciri-ciri tersebut boleh dikesan melalui lampu *ultraviolet*, dengan izin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya benarkan satu sahaja soalan tambahan. Secara ringkas Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kes-kes palsu yang disebut tadi, ingin tahu sejauh manakah pegawai dan kakitangan kerajaan itu yang terlibat dalam kes-kes kepalsuan ini dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerana ini adalah satu soalan yang spesifik. Saya tidak ada angka yang mana pegawai-pegawai JPJ atau pihak penguat kuasa terlibat dalam kes yang tersebut, tetapi kalau diperlukan, saya boleh menjawab dengan secara bertulis tetapi menengokkan keadaan pada hari ini, memanglah dari segi pegawai-pegawai penguatkuasaan ini, dari segi keanggotaannya amat-amat terhad dengan begitu banyak kereta pada hari ini, hampir 15 juta kereta yang berada di jalan raya kita dengan adanya beberapa ribu sahaja pihak JPJ yang terlibat dalam penguatkuasaan ini. Jadi kalau diperlukan Yang Berhormat, saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.” **[16 Mei 2006]**

11.29 pagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjawab.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Ucapan Titah Diraja. Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff telah membangkitkan isu mengeluarkan tindakan kerajaan dan strategi bagi mengatasi isu pencemaran sungai, kerosakan kawasan tadahan air, pembuangan sisa toksik dan penebangan pokok tidak terkawal untuk pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah pencemaran sungai, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk kepada akta ini.

Kawalan dibuat di peringkat punca khususnya punca-punca tetap ataupun *point sources* dengan izin, seperti industri dan loji-loji pengolahan kumbahan di mana sebelum efluen dan sisa kumbahan dilepaskan ke dalam sungai oleh mana-mana punca, ia perlu dirawat terlebih dahulu di loji-loji pengolahan dan mematuhi had yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Namun begitu, kawalan pencemaran yang diakibatkan oleh punca-punca tidak tetap atau *non-point sources*, seperti kerja-kerja tanah, aktiviti perlombongan pasir sungai dan pembuangan sampah sarap dikawal dan dipantau dengan kerjasama semua pihak termasuk orang ramai, NGOs dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan.

Kementerian juga sedang menggiatkan aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta khidmat nasihat kepada *stakeholders* dalam usaha menyelesaikan masalah pencemaran sungai. Di samping itu program pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mempertingkatkan kualiti air sungai di mana kajian-kajian mengenal pasti punca-punca pencemaran akan dijalankan dan langkah-langkah

pengecahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai dalam bentuk pelan tindakan akan disediakan. Pelaksanaan pelan tindakan pengecahan pencemaran dan peningkatan kualiti air sungai akan melibatkan pelbagai agensi berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Berkaitan dengan kerosakan kawasan tadahan air dan penebangan pokok tidak terkawal untuk pembangunan. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menguatkuasakan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi menentukan kawasan hutan simpan kekal dan kawasan tadahan air sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tersebut adalah:-

- (i) menubuhkan Pasukan Penguatkuasaan Hutan di peringkat daerah dan negeri serta *Flying Squad* di ibu pejabat bagi membanteras kes-kes kesalahan hutan;
- (ii) mengadakan rondaan di kawasan sensitif termasuk menggunakan helikopter;
- (iii) menjalankan sekatan jalan raya dari masa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- (iv) menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) dan Sistem Maklumat Geografi atau GIS, untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan;
- (v) mengadakan sistem Balai Pemeriksa Hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai pas memindah yang dikeluarkan oleh Balai Pemeriksa Hutan;
- (vi) menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang dan telah berlaku; dan
- (vii) pastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan berkenaan berada dalam keadaan bersih serta di tanda dengan jelas dan terang di lapangan.

Untuk menangani masalah pembuangan sisa toksik, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merangka beberapa strategi iaitu:-

- (i) mengenakan syarat supaya pihak industri memberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar mengenai jenis buangan terjadual dan kuantiti yang dihasilkan. Industri berkenaan juga dikehendaki menyimpan inventori pengeluaran buangan terjadual mereka untuk tempoh tiga tahun bagi membolehkan Jabatan Alam Sekitar memantau pengeluaran dan pelupusan buangan terjadual dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan;
- (ii) Jabatan Alam Sekitar juga telah mewujudkan sistem bagi mengesan pergerakan buangan terjadual melalui sistem pemberitahuan, nota *consignment* ataupun *e-consignment note*. Sistem ini membolehkan pihak Jabatan Alam Sekitar menjejak pergerakan buangan terjadual bermula dari premis pengeluar sehingga ke kemudahan pelupusan ataupun pengitaran semula yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar sahaja;
- (iii) strategi dan langkah-langkah lain yang sedang dijalankan termasuklah meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan ke atas semua pengeluaran pembuangan kilang guna semula dan kemudahan pelupusan;

- (iv) menubuh dan mengerakkan pasukan risikan ICE iaitu *Investigators of Crimes on Environment*; dan
- (v) mendapat khidmat RELA untuk menjejaki semua pelupusan haram dan juga meminda undang-undang yang memberi peruntukan penjara mandatori. Di samping itu juga, bekerjasama dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi meningkatkan kawalan import dan eksport buangan terjadual.

Selain dari itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga bercadang untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Antara pindaan-pindaan adalah dengan memasukkan satu peruntukan bagi tahanan reman ke atas mana-mana pihak yang disyaki terlibat dalam sesuatu kes seperti di atas serta peruntukan penjara mandatori terhadap pihak yang tersabit dengan kesalahan pelupusan buangan terjadual secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat menghargai terhadap pandangan dan teguran serta mengalu-alukan penglibatan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam usaha memelihara alam sekitar ke arah peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Penekanan terhadap kepentingan pemuliharaan dan alam sekitar dan pembangunan mapan perlu disebar kepada semua pihak supaya peranan positif dapat dimainkan bagi memastikan alam sekitar bersih dan tidak tercemar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran...
[Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Menteri Pelajaran] Saya kemudiannya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

11.35 pagi.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, pandangan dan teguran berkaitan dengan kementerian saya. Sebanyak tujuh orang Yang Berhormat Senator mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja. Beliau adalah Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, dan Yang Berhormat Senator M. Munusamy.

Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mempersoalkan kewajaran pembikinan filem berjudul *Lelaki Komunis Terakhir* di saat menjelang sambutan Ulang Tahun Ke-60 UMNO, sedangkan terdapat ramai tokoh UMNO yang boleh difilemkan.

Tuan Yang di-Pertua, filem ini adalah berbentuk dokumentari yang diterbitkan secara bersama oleh Amir Muhammad dan Lina Tan di bawah syarikat Red Films Sdn. Bhd. Filem ini telah diluluskan penayangannya oleh Lembaga Penapisan Filem atau LPF. Walau bagaimanapun kelulusan untuk tayangan umum telah ditarik balik serta-merta oleh LPF. Oleh itu tayangan pada 18 Mei 2006 di pawagam terkemuka di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta tayangan amal di Ipoh, Perak dibatalkan serta-merta.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi minta kementerian meneruskan Dasar Kebudayaan Nasional dan menerapkannya kepada rakyat dari peringkat sekolah lagi.

[Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi] mengambil tempat duduk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Yang Berhormat dari Kementerian Pelajaran tidak usah susah hati. Yang Berhormat akan saya panggil. Kita tahu kadang-kadang terdapat 'panggilan asli' yang tidak dapat kita elakkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 'Panggilan naluri'. Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin juga menyentuh mengenai Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu menyarankan semua rakyat Malaysia menerima pakai Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan hendak dihayati.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan untuk bertanya? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam pembatalan filem yang berkenaan bolehkah Yang Berhormat menyebutkan asas yang fundamental, yang mengakibatkan pembatalan filem itu. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat. Agensi Lembaga Penapisan Filem adalah di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan bukan di kementerian saya. Walau bagaimanapun saya fahami bahawa ia dibatalkan selepas beberapa bantahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan daripada pihak-pihak tertentu, maka filem ini akan ditayangkan lagi secara tertutup bagi menteri-menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat pada hari Ahad dalam minggu ini. Mengenai sebab-sebabnya saya tidak tahu mengapa Lembaga Penapisan Filem tidak meluluskan dan menarik baliknya.

Tentang Dasar Kebudayaan Nasional yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, Dasar Kebudayaan Kebangsaan atau DKK, telah diwujudkan pada 1971. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sememangnya melaksanakan terus-menerus DKK ini agar dapat dihayati oleh seluruh rakyat negara ini. DKK berteraskan kepada tiga prinsip iaitu:

- (i) kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rantau ini;
- (ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan; dan
- (iii) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Program kebudayaan yang dilaksanakan adalah juga melibatkan kepelbagaian budaya dan bermatlamatkan perpaduan kaum. Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan adalah Program Rakyat Seni Budaya, majlis-majlis Rumah Terbuka Malaysia, Kempen Budi Bahasa dan Kempen Membaca. DKK juga dilaksanakan di peringkat sekolah lagi dengan mengadakan program-program seperti program bimbingan seni sekolah seperti Kelab Tunas Budaya, Kelab Giat Budaya dan Kelab Kesenian Sekolah.

Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kelab-kelab ini menekankan kepada penyertaan pelbagai kaum, penghayatan dan pengamalan warisan seni budaya asal negeri ini di samping menerima seni budaya seni masyarakat lain.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat sudah menjelaskan definisi Dasar Kebudayaan Nasional bahawa ia memang menjadi dasar kerajaan sejak 1971 lagi tetapi dari segi amalan, praktis yang kita amalkan sekarang ini, kita seolah-olah mengamalkan yang diutamakan ialah *multiculturalism*. Jadi, apakah kementerian dapat membezakan sebenarnya antara Dasar Kebudayaan Nasional dengan *multiculturalism*. Yang Berhormat menyebut tentang program rumah terbuka ini, jadi apakah apabila majlis hari rumah terbuka Krismas ini dijadikan sebagai perayaan kebangsaan sesuai dengan Dasar Kebudayaan Nasional sehingga kita melihat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyanyi lagu *Jingle Bell* dan sebagainya. Saya rasa ini perlu diperbetulkan. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga prinsip. Prinsip pertama ialah berasaskan kebudayaan serantau ini dan juga kita menerima hakikat iaitu negara kita adalah masyarakat majmuk. Sebab itu, unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan. Jadi di dalam keenam-enam program rumah terbuka peringkat kebangsaan, kita menonjolkan kebudayaan-kebudayaan semua kaum. Maka walau bagaimanapun, katakanlah rumah terbuka Tahun Baru Cina, program-program yang dianjurkan juga ada program kebudayaan kaum lain, iaitu kita mestilah menumpukan bahawa kita sebagai satu negara yang majmuk

tetapi dalam semua anjuran majlis kebudayaan kita juga mengutamakan teras nombor satu iaitu kebudayaan rakyat asli rantau ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin menyarankan, hendaklah meneruskan dan menggalakkan lagi Kempen Budi Bahasa dan menyelamatkan seni kerana ia memberi kesan yang positif. Tuan Yang di-Pertua, Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Januari 2005 di Istana Budaya. Tahun 2005 merupakan fasa pertama pelaksanaan kempen ini. Dalam fasa ini fokus diberi kepada pelancaran kempen di peringkat kementerian, kerajaan tempatan, negeri daerah, swasta dan NGO.

Tahun 2006 merupakan fasa kedua Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni dan ia telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 20 Mac 2006 di Stadium Negara. Fasa kedua penekanan akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti kempen yang merangkumi institusi kekeluargaan, pembelajaran, kemasyarakatan dan perkhidmatan. Selain itu juga, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan telah menyusun pelbagai aktiviti dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya ialah kementerian, jabatan, kerajaan negeri dan NGO untuk menyemarakkan kempen supaya ia dapat dihayati, diamalkan dan memberi kesan yang positif kepada masyarakat Malaysia.

Kerajaan juga memberi sokongan padu kepada Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM15 juta pada tahun 2006. Kementerian mengambil perhatian terhadap Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain mengenai pelan tindakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berbudi bahasa. Untuk makluman Yang Berhormat Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni yang dilaksanakan oleh kementerian adalah agenda lima tahun kerajaan. Tahun 2005 merupakan fasa pertama pelaksanaan kempen ini dan tahun 2006 kementerian telah menetapkan tema dan menyusun semula strategi pelaksanaan kempen supaya ia mudah difahami dan diamalkan oleh masyarakat.

Tema Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni pada tahun ini ialah kesopanan yang merupakan salah satu dari nilai-nilai murni yang perlu diamalkan. Selain dari paparan iklan di TV, usaha yang penting, kementerian telah mempelbagaikan promosi dan publisiti kempen melalui media cetak, ceramah serta pameran budi bahasa serta akan mengadakan penilaian ke atas setiap aktiviti yang di rancang.

Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin juga mengingini iaitu kementerian memperkasakan lagi program kebudayaan kesenian dan warisan supaya dapat melahirkan integriti dan jati diri bangsa Malaysia. Di samping itu, ia dapat menangani gejala sosial dan jenayah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian akan terus melaksanakan program-program untuk melahirkan integriti dan jati diri bangsa Malaysia dan juga merealisasikan pembentukan negara bangsa.

Antara program yang akan dan terus dilaksanakan ialah:

- (i) Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni. Kempen ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai keperluan mengamalkan nilai-nilai baik seperti berbudi bahasa, sopan santun dan tolong-menolong. Matlamat kementerian adalah bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang berhemah tinggi;
- (ii) Kempen Membaca. Kempen ini dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu dan berpengetahuan. Menurut kempen ini, kementerian berharap minat membaca di kalangan masyarakat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa;
- (iii) Program Bimbingan Seni. Antara aktiviti di bawah program ini adalah penubuhan kumpulan Tunas Budaya, kumpulan Giat Budaya dan kelab kesenian sekolah-sekolah. Aktiviti ini bertujuan untuk melatih dan membimbing kanak-kanak sekolah rendah dan menengah bagi meminati dan seterusnya

berkecimpung dalam bidang kesenian yang telah di pilih oleh kementerian iaitu muzik, tari *dancing*, dan teater; dan

- (iv) Program Rakyat Seni dan Budaya. Program ini bertujuan untuk memperkasakan lagi aktiviti seni dan juga budaya tanah air. Melalui program ini, telah dilaksanakan pelbagai aktiviti seni dipersembahkan kepada rakyat daripada pelbagai suku kaum dan peringkat umur. Selain aktiviti seni, aktiviti lain juga diadakan iaitu kenduri rakyat. Melalui kenduri rakyat banyaklah nilai dan norma baik masyarakat seperti perilaku gotong-royong, bantu-membantu, dan bermuafakat diamalkan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, di dalam kita mempertahankan tradisi warisan kita, kebudayaan dan kesenian kita. Saya sering melihat di kaca TV, apabila seorang penyanyi itu dia menyanyi, dia akan diiringi oleh penari-penari yang tariannya itu lebih bersifat *ballet* tidak salah saya. Modern, *ballet* yang saya tidak tahu apa maksud dia. Lompat sana, lompat sini, alangkah baiknya dia diiringi dengan tarian tradisi sama ada Melayu, Cina dan India, melihatkan kesenian kita tetapi kadang-kadang kita jadi terganggu, kita hendak tengok penyanyi tetapi ada penari macam *ballet* ini yang berpusing-pusing kejam meniarap dan sebagainya. Saya tidak tahu kesesuaian dia, sepatutnya ini perlu di tegurlah, kalau boleh tidak payah benda ini. Maksudnya pun kita tidak faham. Lebih baik tradisi jadi orang nampak kita mengekalkan budaya tradisi kita, baik Cina, India dan Melayu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, TV-TV adalah satu media massa elektronik secara komersial. Jadi di kaca TV kita ada pelbagai aktiviti yang disiarkan. Maka, ada yang telah..., iaitu program kebudayaan, maka kita menggalakkan tarian kah, nyanyian dan sebagainya biarlah yang lebih tradisional atau yang lebih tulen. Jadi untuk komersial, matlamat mereka tidak sama, mereka akan menarik iaitu 'keminatan' penonton, maka matlamat mereka tidak sama dengan acara kalau mereka patut untuk menonjolkan kebudayaan. Maka di kaca TV negara lain, saya nampak ada masa dikhususkan untuk program kebudayaan sahaja. Maka bila waktu ini disiarkan mereka benar-benar iaitu menyiarkan tema yang lebih..., saya katalah lebih tulen atau lebih tradisional dari segi kebudayaan dan seni.

Jadi balik kepada jawapan, iaitu:

- (v) Pameran Artifak dan Lukisan. Aktiviti pameran artifak dilaksanakan secara tetap dan berterusan oleh Jabatan Muzium Negara manakala pameran lukisan pula oleh Balai Seni Lukis Negara. Melalui pameran mengenai artifak-artifak ini, ialah bertujuan untuk melahirkan minat serta rasa cinta masyarakat kepada seni budaya warisan bangsa iaitu jati diri masyarakat dapat di bentuk. Pameran hasil-hasil lukisan terutamanya hasil pelukis tempatan yang menonjolkan imej dan jiwa Malaysia seperti koleksi himpunan tetap akan melahirkan minat dan seterusnya rasa cinta masyarakat kepada seni budaya warisan masyarakat negara ini.

Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain menyokong usaha menaik taraf promosi batik Malaysia. Namun kini menjadi trend pakaian batik dicemari dengan fesyen-fesyen seksi, menjolok mata dan tidak sesuai dengan sosial budaya Malaysia. Dicadangkan supaya kementerian membuat garis panduan mengenai fesyen batik yang sesuai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian berterima kasih di atas sokongan Yang Berhormat mengenai usaha kementerian ini dalam mempromosikan batik Malaysia. Kementerian akan terus menggalakkan budaya masyarakat Malaysia berpakaian tidak menjolok mata sesuai dengan sosial budaya masyarakat timur yang sopan dan ini harus dijadikan garis panduan mengenai fesyen yang sesuai dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia.

Setakat ini kementerian telah mencadangkan fesyen pakaian batik untuk di pakai oleh kakitangan awam iaitu selain dari kolar biasa diberi pilihan untuk memakai yang kolar baju Melayu, Mandarin dan Nehru.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat minta laluan sekali lagi. Yang Berhormat apakah kementerian ada garis panduan tentang pakaian yang menjolok mata ini, sebab tadi ada dibangkitkan dalam sesi jawapan lisan tentang garis panduan pakaian yang menjolok mata ini, apakah kementerian sudah ada yang dimaksudkan menjolok mata ini?

Dato' Wong Kam Hoong: Kita ada merangka beberapa fesyen yang tidak menjolok mata untuk kakitangan awam, kalau tidak silap saya ada 25 fesyen untuk lelaki dan wanita. Jadi kementerian saya pun ada kod etika, kepada penggiat seni, atau artis-artis bagaimana tentang pakaian, dandan, gerak-geri, pertuturan dan sebagainya. Kalau mereka hendak menganjurkan persembahan, mereka perlu mematuhi kod-kod ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membantu sikit kementerian tentang maksud yang menjolok mata ini saya rasa yang paling sesuai ialah pakaian tersebut bila dia pakai akan menyebabkan kadar pandangan hidup lelaki ini naik mendadak serta-merta. Ataupun dia menoleh dengan pandangan sehingga dia memusing kepala, itu yang saya maksudkan pandangan hidup dia itu naik serta-merta. Saya harap Yang Berhormat faham maksud saya pandangan hidup ini. Dan yang lucu ini pun saya rasa pun dibangkitkan tadi sebab ini berkaitan dengan kempen budi bahasa. Lucu ini bagi saya bila kita mengeluarkan perkataan-perkataan yang membuatkan kita merasa geli geleman dan sebagainya, jadi saya ingat itu maksud lucu tetapi kalau gurauan yang tidak menyebabkan geli geleman ini mungkin bukan lucu, saya tidak tahu pandangan Yang Berhormat...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zin: Tuan Yang di-Pertua, minta... saya hendak perjelaskan tentang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya berdiri dulu tadi.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zin: Okay, silakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita membincangkan tentang sesuatu yang subjektif iaitu mencari analisa, mencari makna kepada menjolok mata tetapi saya ingin berbalik kepada soalan yang tidak subjektif tetapi objektif iaitu sesuatu yang berkaitan dengan industri batik itu sendiri.

Tujuan dan matlamat kita ialah meningkatkan penggunaan batik, *commercialization* batik maknanya. Jadi di sini kita di dalam satu keadaan yang boleh saya katakan sebagai persimpangan jalan. Dalam satu hal kita hendak meningkatkan penggunaan batik, yang satu lagi kita hendak menyekat pula penggunaan batik, iaitu pada saya, kalaulah penggunaan batik itu dapat diperluaskan dengan sehebat mungkin ini menunjukkan bahawa rezeki yang didapati pendapatan oleh orang yang membuat batik itu akan meningkat dan kita juga dapat mengeksport batik itu dengan secara yang lebih komersial.

Bukankah satu cara ialah untuk memperluaskan penggunaan batik itu ialah pakailah macam mana pun, buat tingkap, buat langsir termasuk juga pakaian tetapi pakaian ini, yang soal menjolok mata ini sebab ia sesuatu yang subjektif kalau kita perturunkan perundangan atau peraturan bahawa cara ini sahaja yang boleh pakai, cara ini tidak boleh pakai, bukannya ini juga satu cara yang akan dapat menyekat perkembangan penggunaan batik dengan secara komersial dan akan meningkat pendapatan orang yang mengeluarkan batik itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan sekali gus?

Dato' Wong Kam Hoong: Tunggu saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawab satu dulu.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya jawab satu demi satu. Tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, iaitu menjolok mata atau tidak menjolok mata, ini subjektif yang saya katakan dan tengok keadaan dan situasi. Kalau untuk mereka yang beragama Islam, saya tahu mereka ada garis panduan tentang pakaian dan sebagainya dan juga situasi. Kalau kita pergi ke pantai, apabila orang berenang, orang lelaki dia pakai seluar pendek sahaja. Kalau di situasi ini, kita tidak rasa menjolok mata. Sebab itu situasi dan reaksi kepada individu....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mata terjolok, tutup mata tidak boleh?

Dato' Wong Kam Hoong: Kalau tutup mata takut tergelincir apabila jalan, maka jangan tutup mata, tutuplah secara mental iaitu, dia punya....

Tuan Yang di-Pertua: Dia panggil *switch off*....

Dato' Wong Kam Hoong: *Switch off*, memadam....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh nampak, tetapi *switch off*.

Dato' Wong Kam Hoong: Saya maksudkan situasi, kalau kita ada satu iaitu makan malam secara formal, jadi kita masuk dengan seluar pendek, ini pun tidak patut. Bukan sahaja tidak menjolok mata kalau untuk lelaki, tetapi pakaian ini tidak berpatutan untuk keadaan ini sebab semua ada formal. Jadi saya menggalakkan, saya pun nampak di pusat membeli belah orang berseluar pendek yang tinggi daripada lutut sehingga kita nampak punggung dia. Jadi saya selalu katakan, asuhan kita daripada rumah awal-awal, Kalau hendak melentur buluh biar dari rebungunya. Ini dari rumah, sebab kita tidak akan bergantung kepada guru atau kita ada peraturan-peraturan memaksa mereka. Ini tidak patut.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, iaitu sentiasa kita mesti memakai berpatutan, bergantung kepada situasi ini. Jadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah kita mesti cari satu seimbangan, dari satu sudut kita hendak menggalakkan semua orang mempopularkan iaitu batik supaya rezeki pembikin batik atau pengusaha batik dapat nafkah yang lebih lumayan atau pendapatan yang lebih lumayan. Maka kain batik adalah satu produk tradisional, jadi kita mesti menghormati iaitu nilai-nilai tradisional ini. Jadi di sini saya ada satu pantun oleh orang lama tentang batik. Dia kata:

*Apa guna berkain batik,
Kalau tidak dengan sucinya,
Apa guna berbini cantik,
Kalau tidak dengan budinya.*

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada Yang Berhormat tadi yang bangun, hendak minta laluan.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya cuma hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat soal menjolok mata. Bergantung kepada pakaian itu ataupun kepada ketahanan diri kita sebab saya melihat, pelajar-pelajar di sekolah Cina, dia pakai skirt, tetapi saya tengok pun biasa sahaja tetapi kadang-kadang itu apabila saya tengok gadis Melayu, nampak tumit pun dia macam Dr. Haji Mohd. Puad kata sudah hilang dunia apakah..., jadi persoalan saya, bergantung kod pakaiankah ataupun kepada ketahanan diri kita itu dalam menentukan menjolok mata atau tidak menjolok mata. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya dua-dua sekali.

Dato' Wong Kam Hoong: Jadi, saya tidak menjawab iaitu yang ini yang subjektif, itu bergantung kepada dia diri sendiri dan asuhan kita terima di rumah dan sebagainya. Pendek kata, tengoklah keadaan, tetapi saya selalulah, iaitu menggalakkan kita berpakaian kemas di mana jua situasi, yang ini kita susah, ada satu..., mana yang patut dan yang mana tidak. Selalunya kalau kita ikut iaitu adat Timur, baiklah kita sekurang-kurangnya

menutup aurat, kalau untuk orang yang tidak beragama Islam, ke lengan sini pun saya rasa okey. Untuk orang Islam, mereka ada syarat-syarat mereka. Jadi saya pergi kepada benda-benda lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi mata senang sangat dijolok, lidah berat sangat hendak kata terima kasih, dan minta maaf. Jadi mengapa fokus kepada mata, membina bangsa Malaysia ini kena ajar mata, kena ajar lidah sama.

Dato' Wong Kam Hoong: Kedua-dualah.

Tuan Yang di-Pertua: Dan kena ajar pulas *steering wheel* atas jalan raya.

Dato' Wong Kam Hoong: Ya, ya semua ini. Okey, Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy minta kementerian dan agensi di bawahnya iaitu FINAS....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, ada satu perkataan Inggeris, "*manners*".

Dato' Wong Kam Hoong: *Manners, yes.*

Tuan Yang di-Pertua: Apakah istilahnya dalam bahasa Melayu?

Dato' Wong Kam Hoong: *Manners*, kesopanan tetapi secara.....

Tuan Yang di-Pertua: *Table manners*.....

Dato' Wong Kam Hoong: *Table manners*, apabila semasa kita.....

Tuan Yang di-Pertua: *Conversational manners*...

Dato' Wong Kam Hoong: Akan tetapi selalunya saya pun asuh anak-anak saya sewaktu usia muda mereka iaitu tiga perkataan ajaib. Iaitu *the three magic words*, iaitu *sorry, please and thank you*. Kalau kita mulakan dengan *please* dan mengakhiri dengan terima kasih di antaranya apa kita sebut, orang pun boleh terima.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memang mewakili kementerian berkenaan, terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, jadi saya kata terima kasih.... [*Ketawa*] Jadi, Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy minta kementerian dan agensi iaitu FINAS membuat penapisan yang lebih terperinci bagi filem-filem yang berunsurkan keganasan, sex dan tahayul. Perusahaan penapisan filem adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Penapisan Filem di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. FINAS hanya boleh memainkan peranan bagi penghasilan filem tempatan yang menggunakan dana pinjamannya. Pihak FINAS boleh membuat penelitian ke atas *script* utama dalam aspek-aspek tersebut supaya dapat dihindarkan. Itu sahaja mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan pandangan untuk kementerian saya melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, sebelum Yang Berhormat duduk, apakah *the three magic words* tadi?

Dato' Wong Kam Hoong: "*Please*", dalam bahasa Inggeris....

Tuan Yang di-Pertua: "*Please*", "*sorry*"....

Dato' Wong Kam Hoong: "*Sorry*" and "*thank you*".

Tuan Yang di-Pertua: Kita semua ajar anak kita belajar dahulu *the three magic words*.

Dato' Wong Kam Hoong: Kalau hendak minta apa-apa daripada....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kementerian kena adakan kempen terjemahkan tiga perkataan ini kepada Bahasa Kebangsaan, lancarkan kempen tiga perkataan ajaib.

Dato' Wong Kam Hoong: "Sila", "minta maaf" dan "terima kasih".

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Lagi satu kempen nanti. Kementerian Pelajaran.

12.10 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih seperti Tuan Yang di-Pertua sarankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Yang Berhormat pun kena ajar anak-anak, *three magic words...* [Ketawa]

Ini serius, memang *magic words*, dia boleh ubah satu budaya satu peradaban.

Puan Komala Devi: Saya setuju. Kementerian mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja kali ini. Saya menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan, saranan malah teguran membina demi menambahbaikkan sistem pendidikan negara. Dalam jangka waktu yang terhad ini, seboleh mungkin saya akan memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan di samping ulasan ringkas beberapa isu yang telah berulang kali ditimbulkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama adalah sistem pendidikan negara. Pandangan dan cadangan dalam penambahbaikan sistem pendidikan negara telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Antaranya Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

Bagi menjadikan sistem pendidikan kita berkualiti dan bertaraf dunia, selain menambah baik dengan membuat semakan kepada kurikulum sedia ada agar menepati kehendak semasa. Kementerian Pelajaran Malaysia akan memastikan sistem pendidikan kita dapat melahirkan murid, yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga dalam bidang kokurikulum dan keperibadiannya. Melalui program kokurikulum, nilai-nilai jati diri, patriotisme, semangat perpaduan berdasarkan Prinsip Rukun Negara, nilai-nilai murni dan semangat kerja sepadan seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan Tuan Ir. Hiang A Li akan dipupuk sejak peringkat awal persekolahan lagi.

Bagi meningkatkan lagi keutuhan sistem pendidikan negara seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, penumpuan kementerian bukan sahaja kepada aspek pembangunan fizikal di bandar dan luar bandar, tetapi juga kepada aspek kurikulum dan kokurikulum. Selaras dengan usaha memantapkan kegiatan kokurikulum yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2005, kerajaan telah menambah peruntukan kurikulum, kokurikulum dari RM2.56 setahun bagi seorang murid, kepada RM10 bagi sekolah rendah dan RM12 untuk setiap murid sekolah menengah bagi melaksanakan tiga jenis aktiviti teras kokurikulum. Pada tahun 2006, kementerian akan menjalankan kajian melihat semula keberkesanan pelaksanaan kegiatan pasukan pakaian seragam di sekolah.

Hasrat kementerian menjadikan sistem pendidikan kita tidak terlalu berorientasikan peperiksaan tidak bermaksud kita akan memansuhkan sama sekali semua peperiksaan awam sedia ada. Justeru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian akan mengkaji kesesuaian untuk:

- (i) mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran-mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah;
- (ii) melihat semula sistem penggal dan menggantikan dengan sistem semester;

- (iii) mengubah cara menilai pencapaian daripada terlalu berasaskan kandungan atau dengan izin *content base*, kepada satu yang lebih berasaskan kemahiran dengan izin *skill based* atau daripada yang bersifat ujian pencapaian dengan izin *achievement test* kepada yang bersifat ujian kebolehan am dengan izin, *general ability test*; dan
- (iv) mencari kaedah pentaksiran yang mampu menggalakkan pembinaan karakter dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani dan akhirnya mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran, misalnya dengan memperbanyakkan pendekatan pengurusan projek.

Saya percaya bagi memastikan kejayaan hasrat ini selain mengubah kaedah pentafsiran beberapa perubahan juga perlu dilaksanakan dalam aspek penyediaan kurikulum dan huraian sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, kaedah penaziran serta mempertingkatkan latihan guru seperti cadangan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam dan semua ini juga harus bergerak serentak bagi memastikan reformasi pendidikan dapat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Mohon laluan. Saya amat tertarik dengan pendekatan-pendekatan dan reformasi yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang lebih mengurangkan *exam oriented* ini dan menekankan lebih banyak kepada aspek kokurikulum dan saya rasa ini amat penting sebenarnya sebab saya memang dari dahulu amat berminat bercakap dalam isu daya saing bahawa untuk kita menjadikan pelajar kita ini lebih cemerlang yang perlu kita tanamkan ialah semangat daya saingnya.

Saya rasa kadang-kadang daya saing ini perlu dijadikan satu modul yang dimasukkan dalam kurikulum kita yang diamalkan oleh pelajar sebab saya melihat pelajar-pelajar ini bila dia masuk program-program motivasi yang dibuat oleh banyak pihak di luar daripada sekolah memang ada perubahan yang berlaku kepada mereka sebab daya saing itu tiba-tiba datang kepadanya setelah dia mengikuti program motivasi.

Saya ambil contoh Yang Berhormat di Jabatan Pendidikan Negeri Johor, di sebelah pejabatnya ada macam pusat program daya saing motivasi. Mereka boleh melakukan *abseiling*, *climbing* dan sebagainya dan setiap hujung minggu atau hari persekolahan biasa, penuh dengan pelajar di situ. Jadi pelajar tidak perlu lagi pergi ke kawasan perhutanan seperti Gunung Ledang, Gunung Tahan, duduk di kawasan yang jauh dan sebagainya kerana di bandar itu sudah ada. Kenapa perkara seperti ini tidak diperbanyakkan khususnya di jabatan-jabatan daerah. Biar di sebelahnya itu dibuat pusat seperti ini. Jadi pelajar tidak perlu pergi jauh.

Sebab saya fikir pelajar kita ini harus dididik daya saingnya itu supaya *quantum leap* itu maksudnya lompatan dan lonjakannya itu adalah jauh seperti mana lompat kijang. Sebab kalau kita lihat sifat lompat kijang ini kalau kita melihat ahli sukan kita melakukan lompatan kijang adalah lompatan yang laju, tersusun, pantas, cantik dan bila dia *landing* itu dia *landing* dengan jauh berbanding dengan lompatan katak yang lambat, perlahan, sekejap kiri sekejap ke kanan dan sudahlah lompatannya pendek, kemudian apabila dia *landing* sudahlah hodoh terkangkang pula... [*Dewan gamat dengan ketawa*]

Jadi kita mahukan lompatan kijang ini sebenarnya dan saya rasa daya saing ini perlulah menjadi satu agenda besar kepada Kementerian Pelajaran. Saya minta pandangan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pandangan itu tadi.

Tuan Ir. Hiang A Li: [*Bangun*]

Puan Komala Devi: Oh!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan sekali?

Tuan Ir. Hiang A Li: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana beri laluan. Baru-baru ini, selepas saya mencadangkan atau menyentuh masalah murid-murid atau pelajar-pelajar yang bermasalah dan turut disiarkan dalam radio dan seorang pengetua telah telefon saya mengatakan dia sudah mula ada sat program, di mana dia kumpulkan semua pelajar yang kurang baik dalam akademi dan bermasalah dalam satu kelas khas supaya mereka akan diberi perhatian khas dan *counseling* dengan izin, supaya mereka boleh tukar sikap, bukan pada masa ini kebanyakan sekolah hanya mengetepikan mereka sahaja kerana mereka memberi perhatian untuk mendapatkan keputusan akademik yang baik untuk sekolah.

Jadi itulah nampaknya satu program amalan yang baik. Bolehkah saya tanya pihak Kementerian Pelajaran boleh mengamalkan program itu dan minta semua sekolah di Malaysia dapat mengadakan dan mewujudkan program seperti ini untuk menyelesaikan masalah murid-murid atau pelajar-pelajar yang bermasalah. Itu sahaja terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita ada dua isu. Satu adalah penglibatan murid-murid dalam kegiatan kokurikulum ataupun dalam fizikal aktiviti dan yang kedua apakah pendekatan yang baik untuk menangani masalah-masalah pelajar-pelajar yang bermasalah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang ada pusat kokurikulum di tiap-tiap negeri di mana mereka akan pilih satu tempat yang semula jadi, *the very natural environment* dengan izin, di mana pelajar-pelajar ada peluang untuk mengikuti pelbagai jenis aktiviti termasuk kayak, berkawat dan sebagainya untuk memupuk sikap-sikap kerjasama dan sebagainya. Dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan menambahkan bilangan pusat kokurikulum yang sedia ada dan juga kita akan menaiktarafkan dan amaun itu saya akan mengumumkan lagi.

Berkaitan dengan isu disiplin iaitu pendekatan untuk menangani murid-murid yang bermasalah. Kita di kementerian ada empat jawatankuasa di bawah jawatankuasa induk disiplin yang cuba mencari pendekatan yang efektif untuk menangani isu-isu disiplin di sekolah dan memang di bawah jawatankuasa bertindak melalui pendekatan dan kesihatan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, bahawa satu amalan di mana pelajar-pelajar ini dasingkan dan diberi perhatian khas telah memberi satu hasil yang menggalakkan.

Memang di bawah jawatankuasa psikologi dan kesihatan kita ada beberapa program iaitu program kemahiran psikologi kanak-kanak dan remaja berisiko tinggi. Kemudian kita juga ada program kemahiran sosial dan kaunseling, kita membuat kajian tentang kegiatan buli murid-murid, kita juga menjalankan program-program untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang tabiat murid-murid di bandar dan luar bandar. Kita juga ada beberapa program untuk menangani gejala ponteng sekolah untuk memupuk minda sihat dan juga Program Mekar iaitu mengenali dan menangani emosi kanak-kanak dan remaja.

Jadi kami harap dengan adanya program-program seperti ini kanak-kanak yang bermasalah ada isu-isu berkaitan dengan disiplin mereka akan dapat perhatian dan bantuan yang sewajarnya...

Tuan Lee Chee Keong: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Osman bin Bungsu: Mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, dua atau dua-dua sekali? Dua-dua sekali. Yang Berhormat dahulu, kemudian Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup gembira mendengar pandangan Yang Berhormat mengatakan ada empat jawatankuasa menangani masalah-masalah disiplin. Jadi soalan saya ialah jawatankuasa-jawatankuasa yang menangani masalah disiplin ini adakah termasuk disiplin cikgu sekali. Sebab kita lihat cikgu pun ada yang berkelakuan tidak senonoh. Cikgu pun ada yang ponteng.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas maksud Yang Berhormat.

Tuan Lee Chee Keong: Jadi saya hendak tahu adakah termasuk juga menangani masalah-masalah disiplin cikgu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak ulang juga. Saya kata sudah jelas pun dia hendak ulang juga... [*Dewan gamat dengan ketawa*] Tidak puas hati dia. Sila Tuan Osman.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat memberi laluan. Terlebih dahulu saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi bahawa daya saing ini amat penting di kalangan pelajar-pelajar. Kita hendak dia bukan lompat katak tapi lompat kijang. Jadi ini berlaku di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli. Jadi saya ingin tanya sejauh manakah program untuk meningkatkan daya saing di kalangan pelajar-pelajar Orang Asli terutama di sekolah-sekolah kawasan pedalaman yang saya lihat pencapaian UPSR nya sungguh rendah. Jadi saya ingin pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti saya nyatakan tadi di bawah jawatankuasa induk menangani gejala disiplin di sekolah kita ada empat jawatankuasa kecil. Pertama Jawatankuasa Bertindak menangani isu-isu di sekolah, kedua jawatankuasa bertindak dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan. Di bawah jawatankuasa yang kedua ini kita ada kursus literasi undang-undang guru disiplin. Jadi kami harap apabila kita memberi latihan kepada guru disiplin, mereka lebih memahami apakah keperluan dari segi disiplin bukan sahaja di kalangan pelajar tetapi juga termasuk di kalangan guru-guru. Jawatankuasa yang ketiga adalah program di bawah jawatankuasa bertindak melalui pendekatan psikologi dan kesihatan yang telah saya ulas tadi dan akhirnya program di bawah jawatankuasa bertindak bagi pendekatan kemasyarakatan.

Di samping itu, kita juga ada latihan guru. Saya rasa merentasi semua mata pelajaran di mana keperluan guru adalah saya rasa satu perkara yang sangat penting yang akan diingatkan kepada semua guru dan saya berpendapat bahawa disiplin ini bukan sahaja yang boleh diajar tetapi juga adalah sesuatu dalam diri kita sendiri.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari segi daya saing, memang semakan kurikulum kita akan mengambil kira beberapa isu supaya langkah-langkah yang sesuai dijalankan untuk mencapai objektif-objektif yang tertentu tidak termasuk sama ada tidak kira apa aliran ataupun latar belakang pelajar ataupun sama ada pelajar-pelajar itu datang dari kawasan bandar ataupun luar bandar. Di antara langkah-langkah yang akan dan sedang diambil adalah untuk melahirkan insan pelajar yang celik teknologi maklumat atau IT. Ini adalah mengikut keperluan semasa dan juga kurikulum mesti melahirkan insan pelajar yang mampu dan berkeupayaan berkomunikasi sekurang-kurangnya dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Kita sering kali baca dalam surat khabar walaupun kita ada ramai graduan tetapi di antara satu-satunya alasan yang diberi kenapa graduan ini tidak dapat mencari pekerjaan adalah bahawa mereka ini lemah dari segi kemahiran berkomunikasi. Jadi dengan memberi tumpuan kepada berkomunikasi ini, kementerian cuba untuk menambahkan lagi daya saing pelajar-pelajar ini apabila mereka keluar daripada sistem pendidikan. Saya minta izin untuk pergi ke isu yang lain. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai apa itu Yang Berhormat?

Tuan Lee Sing Chooi: Hendak minta laluan untuk Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah hendak gulung. Silakan. Yang Berhormat hendak beri laluan?

Puan Komala Devi: Saya habiskan dahulu sebab kalau boleh hendak habiskan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Komala Devi: Kalau ada masa nanti saya akan bagi. Terima kasih. Berkaitan dengan usaha-usaha memperkasa sekolah kebangsaan turut mendapat perhatian seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, Yang

Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain, dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Dalam usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana yang menjadi pilihan utama masyarakat, kementerian telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai rancangan untuk memperkasa sekolah kebangsaan.

Kementerian Pelajaran percaya bahawa sekolah kebangsaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama dan semangat cintakan negara di kalangan murid-murid seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. Bagi merealisasikan agenda ini kementerian bukan sahaja akan mempertingkatkan aspek fizikal bahkan aspek-aspek bukan fizikal juga diberi keutamaan dan kementerian akan menjadikan sekolah kebangsaan lebih beraspirasi nasional, meningkatkan pencapaian akademik dan kokurikulum pelajar, membangunkan budaya sekolah cemerlang dan meningkatkan kualiti kepimpinan pengurusan dan guru-guru, menyeimbangkan nisbah guru daripada pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap sekolah.

Di samping itu, faktor-faktor lain seperti disiplin dan keselamatan pelajar, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT, kualiti guru dan pengurusan sekolah akan sentiasa diberi penumpuan utama. Untuk menjadikan sekolah kebangsaan pilihan kepada semua kaum, kementerian akan memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan bagi menarik minat ibu bapa bukan Melayu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah kebangsaan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

Di samping itu Kementerian Pelajaran juga turut melaksanakan program J-QAF iaitu pengajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain bagi memantapkan lagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan program ini akan diperluaskan ke semua sekolah di seluruh negara.

Agenda memperkasa sekolah kebangsaan ini memerlukan sokongan semua pihak agar matlamat menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana dapat direalisasikan. Berhubung dengan isu yang dihubungkan oleh Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, dan Datuk Dato' Haji Abdul Rashid Ngah, kementerian berharap agar ibu bapa yang berpengaruh akan menyokong usaha memperkasa sekolah kebangsaan dengan menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan. Sokongan ibu bapa yang berpengaruh ini akan meningkatkan keyakinan ibu bapa lain terhadap kemampuan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan disiplin...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi dalam penggulungan tadi meminta ibu bapa memainkan peranan untuk memastikan anak-anak ke sekolah kebangsaan. Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pelajaran tidakkah pihak kementerian bercadang untuk mengenakan syarat kepada pemegang jawatan di dalam kerajaan seperti menteri, timbalan menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat supaya anak-anak mereka dihantar ke sekolah kebangsaan dahulu barulah rakyat melihat ini satu contoh dan akan diikuti oleh ibu bapa yang lain.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana mewakili Kementerian Pelajaran untuk menggulung Ucapan Titah Tuanku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apa yang saya musykil Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, di Kementerian Pelajaran dia ada satu menteri, dua timbalan menteri dan satu setiausaha Parlimen. Tidak bolehkah salah seorang timbalan menteri hadir bukan saya kata setiausaha Parlimen tidak boleh menggulung, berilah penghormatan kepada Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua selalu bercakap kepada kita di dalam Dewan yang mulia ini dengan mengangkat martabat Dewan Negara.

Jadi saya harap bukan sahaja di Kementerian Pelajaran malah di kementerian-kementerian lain. Kalau menteri tidak dapat hadir saya mintalah sekurang-kurangnya

timbangan menteri untuk menggulung ataupun menjawab soalan di dalam Dewan Negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk belajar daripada setiausaha Parlimen macam mana hendak jawab ya?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua hari ini adalah hari Rabu dan menteri saya ada mesyuarat Kabinet Jemaah Menteri dan dua-dua timbalan menteri sedang bertugas secara rasmi di Sarawak. Jadi giliran saya untuk menjawab kali ini tetapi sebelum ini saya rasa semua ucapan penggulungan telah dijalankan oleh Datuk Seri Menteri sendiri ataupun oleh kedua-dua timbalan menteri. Dari segi...

Tuan Yang di-Pertua: Minta maafah Yang Berhormat saya tambah. Memang dari segi prinsip tugas hakiki setiausaha Parlimen itu ialah di Parlimen mewakili cabang eksekutif namun mungkin sentimen yang dilahirkan itu hendak juga lihat timbalan-timbalan menteri dan menteri minat dalam hujah-hujah yang telah diketengahkan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam dua setengah tahun ini, ini adalah tahun yang pertama saya membuat ucapan gulung dan setakat ini selalu ucapan ini dibuat oleh menteri dan juga kedua-dua menteri.

Di bawah Akta Pendidikan, kementerian tidak mewajibkan mana-mana ibu bapa untuk hantar anak mereka ke sekolah ataupun membuat pilihan ini adalah kebebasan diberi kepada ibu bapa dan setakat ini hanya segelintir ibu bapa yang hantar anak mereka ke sekolah yang di luar sistem pendidikan negara seumpamanya di sekolah antarabangsa ataupun sekolah swasta. Jadi setakat ini walaupun kita tidak mewajibkan mana-mana pihak untuk hantarkan...

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Satu ketika dahulu kementerian bercadang untuk mewujudkan sekolah wawasan bagi mempererat lagi hubungan kaum. Apakah usaha ke arah itu masih diteruskan atau bagaimana?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat saya minta laluan sebelum Yang Berhormat menjawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat beri laluan kepada Dato' Musa saya hendak mengingatkan Yang Berhormat tadi Yang Berhormat Lee Sing Chooi pun bangun hendak minta jalan. Biarlah Yang Berhormat beri laluan kepada beliau juga supaya imej Yang Berhormat terpelihara di kalangan 100% ahli Dewan Negara. Dato' Musa selepas itu Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran. Yang Berhormat tadi saya tertarik jawapan daripada Yang Berhormat tentang soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Dewan Negara. Memang kerajaan tidak memaksa tetapi kalau pemimpin sendiri tidak menunjuk teladan yang baik bagaimanakah kita mahu memperkasakan sekolah kebangsaan sedangkan pemimpin sendiri tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah ini. Memang tidak bersabit tetapi teladan mestilah ada teladan daripada pemimpin barulah rakyat tengok inilah sekolah kebangsaan hendak memperkasakan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi pula.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memperkasakan sekolah kebangsaan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih ingat apa yang disebut tadi?

Tuan Lee Sing Chooi: Memperkasakan sekolah kebangsaan juga adalah satu golongan dan juga Orang Asli dan Orang Asli itu masuk ke sekolah kebangsaan dan kesan pendidikan itu keberkesanan itu adalah tidak memuaskan. Guru-guru yang dihantar itu mesti dilatih kerana kehendak-kehendak di sekolah kebangsaan untuk Orang Asli itu berlainan dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Guru-guru yang dihantar itu bukan sahaja memainkan peranan sebagai seorang pendidik, yang hantar itu juga menjadi agen perubahan untuk kanak-kanak Orang Asli dan juga ibu bapa-ibu bapa Orang Asli

kerana Orang Asli hendak pergi ke sekolah itu adalah satu perubahan sosial, perubahan mental sikapnya semua itu...

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat telah dijelaskan.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua Kementerian Pelajaran ada syarat-syarat tertentu untuk memasukkan pelajar ataupun anak-anak di sekolah antarabangsa di antaranya nombor satu, ibu bapa mereka mestilah berkhidmat di luar negara tidak kurang daripada tiga tahun dan salah seorang daripada ibu bapa bukanlah seorang warganegara Malaysia dan semua permohonan untuk kemasukan ke sekolah antarabangsa adalah di bawah penyeliaan dan juga kawalan dan kuasa kelulusan adalah khusus dipegang oleh Datuk Seri Menteri Pelajaran sendiri. Jadi Datuk Seri Menteri dia sangat peka tentang hal ini dan mengikut data kita hanya ibu bapa yang dapat memenuhi syarat-syarat tertentu dapat menghantar anak mereka ke sekolah antarabangsa dan yang lain digalakkan untuk belajar di sekolah kebangsaan.

Dari segi sekolah wawasan memang ini juga adalah satu lagi usaha yang akan diteruskan oleh Kementerian Pelajaran sebab objektif kita adalah walaupun kita ada tiga jenis aliran iaitu sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil), mereka dapat sebab mereka akan beroperasi berhampiran, dekat-dekat dalam satu kawasan dalam satu *compound*, dan apabila pelajar-pelajar itu berkongsi menggunakan satu kantin yang sama dan juga kongsi menggunakan satu padang bersama kita dapat juga memberi satu peluang untuk pelajar-pelajar untuk bergaul dan juga untuk memupuk sifat-sifat perpaduan.

Walaupun pada asalnya, pada permulaan ada rungutan di kalangan ibu bapa tetapi kita dapati bahawa sambutan untuk sekolah wawasan ini sekarang sudah tambah baik dan kita juga ada sekolah-sekolah yang terlibat dalam program ataupun projek sekolah wawasan di mana *waiting list*, dengan izin, adalah dalam tiga ataupun empat tahun dan ramai ibu bapa cuba untuk memasukkan anak-anak mereka dalam sekolah-sekolah wawasan ini.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan keperluan menghantar guru-guru yang tinggi kualiti lebih daripada biasa untuk menjaga hal-hal pendidikan berkaitan dengan Orang Asli, kementerian mengadakan program-program untuk mengadakan pelbagai program latihan untuk semua guru tidak kira sama ada mereka bertugas atau berkhidmat di sekolah Orang Asli atau di sekolah di bandar ataupun luar bandar.

Sifat-sifat ini iaitu tadi Ahli Yang Berhormat sarankan bahawa guru-guru yang bertugas di sekolah khas ini mereka juga hendaklah berfungsi sebagai *agent of changes* dengan izin, ataupun sebagai agen perubahan. Saya rasa bahawa semua pendidik tugas kor dia ataupun maksud saya adalah mereka ini perlulah berfungsi sebagai orang yang pendidik tetapi juga *as agent of changes* di mana guru-guru ini dapat mengeluarkan ciri-ciri yang baik di dalam semua pelajar tidak kira aliran dan juga tidak kira lokasi geografi dan sebagainya dan juga tidak kira jantina pelajar.

Tuan Yang di-Pertua saya akan minta izin untuk meneruskan ucapan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua mohon izin.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua minta hendak gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Komala Devi: Terima kasih. Berhubung dengan disiplin murid seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Munuasmy, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, Yang Berhormat Datuk M. Ratnam, Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd.Samad dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Terlebih dahulu kementerian mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak kerana kerjasama yang telah diberikan bagi membantu menangani masalah disiplin murid di sekolah dengan penurunan kes-kes disiplin.

Ini dapat dibuktikan dengan penurunan peratus kes disiplin daripada 2% pada tahun 2004 kepada 1.7% pada tahun 2005. Pelbagai usaha dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut seperti mewujudkan pasukan *flying squad*, empat jawatankuasa bertindak seperti saya sebutkan tadi serta mewujudkan sistem aduan disiplin. Manakala Memorandum Kabinet menangani gejala disiplin di sekolah telah mendapat persetujuan oleh Jemaah Menteri pada bulan April tahun ini 2006 dan dengan usaha-usaha ini Kementerian Pelajaran berkeyakinan gejala disiplin di sekolah akan dapat dibanteras.

Tuan Yang di-Pertua berkaitan sekolah seni seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Hajah Samsiah binti Samsudin. Dalam usaha untuk mencapai wawasan negara Malaysia memerlukan sumber manusia yang terlatih dalam pelbagai bidang.

Tidak dapat dinafikan bidang sains dan teknologi amat penting namun begitu negara juga memerlukan pakar dan personel dalam bidang kesenian untuk memartabatkan warisan budaya negara. Justeru Kementerian Pelajaran telah membuat perancangan teliti yang meliputi semua aspek termasuk infrastruktur dan tenaga pengajar bagi menjayakan penubuhan dua buah sekolah seni dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris atau PPSMI seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, kementerian telah menjalankan empat kajian untuk menilai tahap kefahaman semua murid termasuklah murid-murid bumiputera dalam subjek sains, matematik dan bahasa Inggeris serta tahap penguasaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Kajian terbaru tahap kefahaman murid menunjukkan murid tahap satu cepat menyesuaikan diri, pencapaian bagi semua mata pelajaran adalah menggalakkan dan purata skor bagi mata pelajaran Sains ialah 69.3%; Matematik 77.4%; dan Bahasa Inggeris 77.7%.

Analisis pencapaian murid Tahun 1 di 20 buah sekolah terbaik dalam kajian ini menunjukkan pencapaian sekolah-sekolah luar bandar juga mampu menyaingi sekolah-sekolah di bandar. Pencapaian murid Tingkatan 1 pula adalah pada tahap yang memuaskan dengan purata skor mata pelajaran Sains pada tahap 59.2%, Matematik 58.2% dan Bahasa Inggeris 61%. Bagi memastikan pelaksanaan PPSMI berjaya, kementerian akan melaksanakan Pelan Tindakan Keberkesanan PPSMI yang mengandungi lapan strategi untuk mengatasi kelemahan pengajaran dan pelajaran di sekolah berprestasi rendah. Kementerian yakin trend pencapaian murid akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa melalui pelbagai program berterusan yang dijalankan.

Berkaitan penukaran status sekolah bantuan kerajaan seperti yang dibangkitkan oleh Tuan Munusamy Marimuthu, Kementerian masih menggunakan peraturan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tidak pernah mengabaikan sekolah-sekolah bantuan kerajaan malah sentiasa menyediakan peruntukan untuk sekolah-sekolah tersebut. Seperti pertanyaan Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan, mengenai peruntukan kepada sekolah-sekolah bantuan modal, ingin saya memaklumkan bahawa dalam tempoh 5 tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran telah menyediakan dana pembangunan sebanyak RM100 juta bagi sekolah bantuan kerajaan, iaitu dahulu dipanggil sekolah bantuan modal. Selain itu, kementerian juga telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM7.3 juta untuk 151 buah sekolah bantuan kerajaan iaitu peruntukan pertama untuk sekolah jenis kebangsaan bagi tempoh 5 tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan tersebut diberikan bagi membolehkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur sekolah serta lain-lain tujuan yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dalam sekolah.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan telah mencadangkan supaya ambilan guru dipertingkatkan untuk SJK(C). Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian juga telah meluluskan tambahan sebanyak 1,400 guru GSTT ataupun Guru Sandaran Tanpa Terlatih di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) bagi sesi persekolahan bagi tahun 2006. Bilangan ini akan diisi secara tetap apabila pelatih-pelatih

opsyen bahasa Cina yang akan tamat latihan perguruan mulai Jun hingga Disember 2000 ini ditempatkan di SJK(C).

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa membuka peluang kepada guru-guru sandaran yang berkelayakan memohon untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan jawatan tetap dengan mengikuti program-program yang disediakan. Dengan program-program yang diadakan ini, kementerian yakin lebih ramai guru sandaran yang berkhidmat dan berkelayakan akan dapat diserapkan menjadi guru terlatih. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat duduk, tadi ada Dato' Haji Abdul Rashid Ngah minta, kalau Yang Berhormat bagi dia 2 minit, 3 minit, untuk Yang Berhormat dapat *perfect score*.

Puan Komala Devi: Saya akur atas cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi jangan lebih daripada 2, 3 minit Dato' Rashid. Jangan panjang-panjang sangat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini pendek Yang Berhormat. Kebetulan berhubung dengan perkara yang baru-baru ini ditimbulkan guru yang telah tamat kursus pendidikan siswazah di UPSI, Universiti Pendidikan Sultan Idris, tetapi sampai sekarang tidak di tempat di mana-mana. Ini di mana salahnya? Hendak katakan tidak cukup komputer, lebih daripada yang cukup di Kementerian. Jadi, apa yang menjadi masalahnya sekarang? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, dalam penempatan guru-guru, kami akan memberi prioriti kepada guru-guru yang keluar daripada maktab-maktab perguruan kita. Setakat ini, kita tidak secara wajib mereka yang keluar ataupun bergraduan daripada UPSI ditempatkan di sekolah-sekolah kita, tetapi guru-guru di UPSI, kami menggalakkan mereka membuat permohonan dan permohonan mereka akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas perhatian, keprihatinan serta sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.

12.50 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab KPWKM. Semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja baru-baru ini. Sesungguhnya KPWKM, menghargai semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, telah menyentuh mengenai isu untuk mewujudkan penduduk yang ramai dan berkualiti bagi meningkatkan kuasa pasaran negara.

Beliau mencadangkan agar KPWKM melaksanakan kempen meramaikan bilangan anak berikutan terdapat ramai wanita golongan profesional yang lambat atau tidak berkahwin. Kementerian mengambil maklum akan cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut. Walaupun begitu, buat masa ini kerajaan tidak memberi ketetapan bilangan anak dalam sesebuah keluarga. Terpulanglah kepada masyarakat untuk membuat pilihan yang bijak dari segi saiz keluarga yang diinginkan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian akan terus melaksanakan program kependudukan pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif bagi melahirkan penduduk yang berkualiti.

Program-program yang dilaksanakan ini berpandu kepada prinsip untuk menjadikan sesebuah keluarga itu lebih akrab, berdaya tahan, sihat dan berupaya untuk berfungsi dengan efektif dalam menghadapi cabaran dan seterusnya mewujudkan generasi penduduk yang berkualiti. Mengenai golongan wanita profesional yang lambat berkahwin atau tidak berkahwin langsung kerana dikatakan sukar mendapat pasangan, kementerian menyedari mengenai fenomena ini. Walau bagaimanapun, kementerian berpendapat ia berpunca dari beberapa faktor dan bukanlah semata-mata disebabkan sukar mendapat pasangan.

Dalam hubungan ini, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara iaitu LPPKN, telah menjalankan kajian pendapat, kahwin lewat, apa persepsi umum pada tahun 2002, di sekitar Lembah Klang. Melalui kajian ini, didapati 78.4% daripada 282 orang responden wanita lambat berkahwin adalah kerana ingin mengukuhkan kerjaya dan kedudukan kewangan terlebih dahulu. Dasar 70 juta penduduk, bukan lagi satu keutamaan negara kerana apa yang lebih penting adalah untuk melahirkan penduduk yang berkualiti dan pewujudan masyarakat penyayang berasaskan kepada institusi keluarga yang kukuh, stabil dan harmoni.

Dalam konteks ini, penduduk perlu dilihat bukan sahaja dari segi kuantiti seperti jumlah taburan, komposisi dan struktur tetapi ia juga perlu dilihat dari segi kualitatifnya, seperti pengetahuan, kemahiran, tahap produktiviti, nilai progresif serta kualiti hidup. Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, bahawa wanita tidak perlu menuntut kuota 30% kerana wanita kini boleh bersaing dengan lelaki. Kementerian ini ingin mengucapkan terima kasih atas pengiktirafan bahawa kebolehan wanita di negara ini telah setaraf dengan kaum lelaki. Kementerian berpendapat bahawa hanya wanita yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja yang sepatutnya dilantik ke jawatan pembuat keputusan.

Oleh itu, wanita perlu bersaing dengan lelaki berdasarkan prinsip kelayakan dan kebolehan. Dasar 30% wanita ini, diumumkan supaya semua pihak sedar dan bersedia bahawa wanita juga boleh dan berkeupayaan untuk memegang jawatan penting dan sekaligus memecahkan siling kaca atau *glass ceiling* dengan izin, serta menghindarkan bentuk diskriminasi yang mungkin tidak disedari berpunca daripada tradisi dan budaya. Dengan itu wanita akan diberi peluang yang sewajarnya untuk bersaing dengan kaum lelaki secara saksama. Mengenai isu yang sama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Armani bin Haji Mahiruddin, kerajaan menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan bagi sektor awam. Angka 30% bukanlah kuota dan tiada had masa ditetapkan oleh kerajaan untuk mencapai dasar ini. Kerajaan tidak menetapkan tempoh masa untuk mencapai 30%, wanita di peringkat pembuat keputusan atas pertimbangan-pertimbangan yang berikut:

- (i) kenaikan pangkat para penjawat awam akan dipertimbangkan mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan tanpa mengira *gender*. Oleh itu wanita dan lelaki yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dipertimbangkan kenaikan pangkat...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, saya cuma nak memaklumkan sahaja, di Johor sekarang ini ada seorang wanita yang sudah pun dilantik menjadi ketua kampung. Hanya untuk maklumkan.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Saya juga ingin untuk maklumkan kepada Yang Berhormat, bukan sahaja seorang ketua kampung. Ada ramai ketua kampung Cina wanita telah dilantik sebagai ketua kampung. Okey?

- (i) sekiranya ramai wanita yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan, penyertaan di peringkat pembuat keputusan tidak seharusnya berhenti di tahap 30% sahaja. Kerajaan sedar bahawa peratusan wanita di peringkat pembuat keputusan masih di tahap yang rendah, iaitu secara keseluruhannya sekitar 10% sahaja. Perwakilan wanita yang rendah, kurang daripada 30%, tidak menggambarkan keseimbangan *gender* dalam alam pekerjaan.

Secara keseluruhannya, wanita merupakan 30% daripada jumlah pekerja negara. Ini tidak sepadan dengan perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan. Atas kesedaran itu, kerajaan berpendapat, perwakilan wanita di peringkat pembuat keputusan adalah penting untuk menyuarakan isu dan aspirasi wanita dalam semua perkara berkaitan kepentingan wanita dan masyarakat keseluruhannya. Perwakilan wanita yang saksama juga akan mempercepatkan pencapaian kesaksamaan *gender* di negara ini. Bagi mempercepatkan pencapaian 30% wanita di peringkat pembuat keputusan, KPWKM kini sedang merangka Pelan Tindakan melalui:

- (a) penilaian dan analisis status wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam; dan
- (b) mendokumentasikan dan berkongsi amalan terbaik daripada negara-negara maju yang telah mencapai sasaran 30%, dan memastikan semua pihak khususnya pengurusan atasan memahami dasar 30% ini, dan diserapkan dalam program dan dasar pengambilan latihan serta pelan pengurusan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah Haji Syed Mohamed, supaya hal ehwal orang kurang upaya ditadbir oleh satu kementerian yang berasingan agar tumpuan dan kebajikan mereka mendapat fokus dan pembelaan yang lebih terperinci. Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan tersebut.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah KPWKM sebenarnya merupakan *focal point* bagi hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan OKU. Walau bagaimanapun, terdapat isu-isu dan permasalahan lain yang berkaitan dengan OKU seperti kesihatan, pelajaran, penempatan pekerjaan, kemudahan akses, perumahan dan lain-lain dikendalikan oleh kementerian, jabatan, agensi yang telah diberi tanggung jawab kerana kepakaran dan fungsi mereka. Sebagai contoh, intervensi awal pendidikan OKU, diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran sementara penempatan pekerjaan OKU dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia. Pihak Berkuasa Tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pula di..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh menyambut penggulungan selepas Dewan bersidang semula pada pukul 2.30.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ada menerima usul daripada pihak kerajaan. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijaratnam untuk mengemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.23 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. S. Vijaratnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kementerian-kementerian menjawab ke atas perbahasan Titah Diraja serta diputuskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Tuanku Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok, 18 Mei 2006”.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk sambung berucap.

2.34 ptg.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung jawapan saya.

Pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula dipertanggungjawabkan untuk menyediakan infrastruktur supaya OKU mendapat akses mengguna dan mengoptimumkan kemudahan-kemudahan yang disediakan. KPWKM telah mewujudkan majlis penasihat dan perundingan kebangsaan bagi orang kurang upaya yang dianggotai oleh wakil-wakil dari kementerian, jabatan dan agensi yang memberi perkhidmatan kepada OKU.

Majlis ini berperanan untuk menyelaraskan isu-isu yang dibangkitkan oleh OKU dan yang berkaitan dengan kesejahteraan OKU di mana tindakan dapat diambil melalui *multisectoral collaborative action*, dengan izin. OKU akan mendapat manfaat dan perkhidmatan yang lebih fokus dan terbaik melalui pendekatan sedia ada. Namun semua pihak yang berkaitan perlu lebih prihatin melaksana dan memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan secara maksimum.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, OKU atau orang kurang upaya. Kumpulan ini sebenarnya ada banyak kategori dan sebahagian besar daripada kumpulan OKU ini adalah terdiri daripada golongan yang mampu untuk menjalankan kerja. Saya ingin bertanya pendapat daripada kementerian adakah pihak kementerian sudah mengenal pasti bidang-bidang yang boleh disertai oleh OKU. Contohnya, pada masa ini, sebagai salah satu contoh, pekerja yang bertugas di tol lebuh raya terdiri daripada mereka yang 100% *perfect*, kuat dan bertenaga. Sedangkan kerja-kerja hendak huluarkan tiket dan sebagainya itu tidak memerlukan tenaga yang banyak.

Pihak kementerian ada atau tidak mencadangkan supaya mereka yang bertugas di tol-tol ini diberi kepada kumpulan OKU yang ada tangan, yang ada tenaga yang boleh menjalankan kerja-kerja di tol ini. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Sebenarnya mengenai pekerjaan OKU ini adalah di bawah bidang kuasa Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, memandangkan OKU juga satu kumpulan sasar di bawah kementerian kita, kita selalunya menggalakkan agar semua majikan-majikan supaya mereka dapat memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU, tetapi ada masalah yang dihadapi oleh orang kurang upaya buat masa ini iaitu *accessibility* atau masalah pengangkutan tidak sampai ke tahap yang memuaskan.

Selain daripada itu, ada juga masalah yang mana keluarga mereka tidak bersedia untuk membenarkan mereka bekerja di luar. Ini adalah masalah-masalah yang perlu ditangani. Walau bagaimanapun, kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mengatasi semua masalah-masalah ini.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak minta laluan pukul 12.58 tadi tetapi kalau saya cakap, cakap pendek sangat tidak sedap. Ini berkenaan dengan ke arah mencapai 30% wanita sebagai pembuat dasar. Boleh atau tidak saya komen? Kalau boleh saya ingin bertanya, di sektor awam, wanita pun buat dasar adalah seperti KSU ataupun Ketua Pengarah, dan, di sektor swasta, Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengurus Besar ataupun *Executive Chairman*.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini ada satu kes di mana kita boleh katakan sebagai *double standard*. Kalau kita hendak mencapai 30% wanita sebagai pembuat dasar ia perlukan komitmen yang bersungguh di peringkat sektor awam ataupun sektor swasta. Mungkin sektor swasta kita tidak boleh bergantung sangat, tetapi yang boleh kita capai ialah di sektor awam, di mana di jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian.

Ada satu kes, di mana jabatan ini adalah satu jabatan yang dipanggil *close service*. Sepatutnya apabila seorang Ketua Pengarah itu pencen atau bersara wajib, Timbalan Ketua Pengarahnya naik, kerana jawatan itu dikhaskan kepada PTD ataupun Pegawai Tadbir Diplomatik tetapi oleh kerana Timbalan Ketua Pengarah ini yang ia ada nombor satu, ada nombor dua, tetapi Timbalan Ketua Pengarah satu ini adalah seorang wanita. Yang menjadi masalah di sini pegawai-pegawai yang berada di jabatan ini telah menulis surat ataupun membuat satu memorandum, *sign* memorandum kepada menteri yang berkenaan supaya diambil pegawai daripada dalam. Ini kerana konon-kononnya hendak beri peluang kasihan kepada orang yang *close service* ini, tidak ada *chance* hendak naik pangkat.

Jadi, ambillah orang dalam yang bukan PTD, yang selama ini jabatan itu telah bertahun-tahun diketuai oleh seorang yang daripada PTD yang cekap. Kita tahu PTD cekap, profesional dan orang dalam mungkin tidak ada pengalaman. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah ini akan menyebabkan pencapaian 30% wanita pembuat dasar ini tidak akan terselamat ataupun tidak akan mencapai tahap yang sebenarnya kalau jabatan kerajaan sendiri tidak mahu bekerjasama atau tidak pergi ke depan atau tidak melaksanakan apa yang kementerian mahukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini berkenaan dengan peluang wanita dalam perkhidmatan awam. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat ada maklumat-maklumat untuk menjawabnya.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Okay, ini adalah satu kes yang spesifik, yang mana saya tidak dapat jawab, mungkin dia ada alasan-alasan atau sebab-sebab yang lain, tetapi tujuan untuk kerajaan mengadakan satu dasar iaitu memastikan atau mencapai satu tahap, bila wanita dapat mencapai 30% di peringkat membuat keputusan adalah untuk memastikan tidak ada diskriminasi di peringkat dalam perkara-perkara promosi.

Kita juga mengakui walaupun buat setakat ini kaum wanita sudah ada kelayakan atau keupayaan untuk bersaing dengan kaum lelaki tetapi mungkin kerana fikiran, pandangan yang tradisi dan juga budaya, oleh itu masih ada, sampai ke hari ini masih ada lagi masalah yang mana wanita-wanita yang berkelayakan itu didiskriminasikan. Oleh itu, ini adalah tujuan kita mengadakan dasar ini dan dengan adanya dasar ini kita yakin masalah ini akan kurang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan walaupun dia lelaki tetapi dia banyak memperjuangkan hak-hak wanita.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya memang bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ramai Ahli Parlimen di sini juga adalah prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita. Okey, Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad telah membangkitkan masalah ibu tunggal yang ditinggalkan suami atau digantung tidak bertali, yang tidak mempunyai surat atau sijil cerai. Keadaan ini menyukarkan ibu-ibu tunggal tersebut sekiranya mereka ingin memohon rumah-rumah DBKL untuk disewa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan ke atas permohonan untuk menyewa rumah-rumah DBKL adalah tertakluk kepada kelayakan pemohon serta garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi berkenaan. Kementerian akan sedaya upaya membantu ibu-ibu tunggal untuk mendapatkan kelulusan tersebut melalui sokongan yang akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin telah mencadangkan agar kementerian mempertingkatkan lagi kepekaan dan usaha yang sedia ada dalam memberi motivasi, bimbingan dan melaksanakan program-program kepada remaja, bakal pengantin dan juga pasangan yang telah berkahwin bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan tentang pembinaan keluarga bahagia. Adalah menjadi pendekatan KPWK melalui LPPKN untuk sentiasa memberi sokongan dalam bentuk program dan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran, khususnya ahli-ahli keluarga agar mereka sentiasa mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pembangunan remaja, persediaan dan pemantapan perkahwinan dan keibubapaan.

Salah satu program tersebut ialah program pra-perkahwinan, *Smart Start* yang baru diluluskan oleh kerajaan dan dikhususkan kepada bakal pengantin dan mereka yang baru berumah tangga. Sejumlah 150 program akan dilaksanakan bagi tempoh setahun oleh LPPKN dan NGO-NGO terpilih. Program ini akan memberi faedah kepada 7,500 orang atau 3,750 pasangan. Program *Smart Start* ini sekiranya berjaya akan diperluaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan kurangnya pengetahuan tentang agama dan kemahiran berumah tangga serta keibubapaan akan mengundang musibah kepada sesebuah keluarga. Lebih-lebih lagi sekiranya pasangan tidak tahu cara yang positif untuk menyelesaikan masalah dan menangani konflik yang berlaku dalam keluarga. Justeru pengurusan konflik menyemarakkan keintiman pasangan dan pengurusan sumber keluarga adalah aspek-aspek yang ditekankan dalam program pra-perkahwinan '*Smart Start*' tersebut.

Melalui pendekatan ini, kerajaan mengharapkan agar pembangunan institusi perkahwinan dan kekeluargaan akan diperkukuhkan di peringkat awal lagi. Kementerian mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Datuk Armani agar kursus perkahwinan perlu dipanjangkan merangkumi soal fardu kifayah termasuk kecantikan dalaman suami isteri. Kejayaan dan kebahagiaan sesebuah keluarga adalah sukar untuk diukur kerana ia terlalu subjektif dan mempunyai pengertian yang pelbagai di antara satu sama lain. Namun begitu di sebalik kesukaran ini, kerajaan akan mengambil inisiatif untuk membangunkan indikator pembangunan keluarga dan kajian ini akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, slogan *Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang* dan *Utamakan Keluarga, Kasih Sayang Membawa Bahagia* adalah satu rangkap advokasi dan promosi kerajaan untuk mengajak masyarakat menghayati prinsip utamakan keluarga dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia juga adalah langkah penjenamaan kepada pendekatan kerajaan dalam memartabatkan institusi keluarga agar semua pihak memberi fokus utama kepada kepentingan keluarga. Keberkesanan slogan ...

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan, Yang Berhormat. Saya ingin bertanya pandangan pihak kementerian kerana kalau di lihat banyak..., pada pandangan peribadi

sayalah, andaian daripada kalangan wanita banyak mengatakan bahawa kurangnya lelaki yang bertanggungjawab terhadap keluarga dan sebagainya dan disebabkan itulah timbulnya ibu tunggal, ibu tunggal dan sebagainya tetapi adakah pihak kementerian menyokong penuh, kalau suami yang dianggap bertanggungjawab yang boleh menjaga institusi keluarga tetapi ia berkemampuan berkahwin lebih daripada satu dan wanita redha menerima, maka pihak kementerian harus beri galakan lagi untuk kita memperbanyakkan kumpulan golongan ini, kalau tidak ramai 'spesies' yang bertanggungjawab ini. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kalau bagi orang yang bukan Islam memang kita tidak menggalakkan.. [Disampuk] Ya, tidak boleh langsung di bawah Akta. Kalau untuk orang Islam tertaklukkan kepada individu-individu yang berkenaan adakah dia...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Minta maaf, Yang Berhormat. Mohon laluan. Bukan tertakluk kepada individu, tetapi tertakluk kepada tanggungjawab. Maknanya mampu atau tidak. Macam Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim ini, Yang Berhormat, dia ini kerana dia hebat, dia hendak ajar Ahli-ahli Yang Berhormat lain ikut jejak dia sebenarnya. Sebenarnya dalam Islam berkahwin empat itu boleh tetapi seandainya berkemampuan, bukan berkemampuan dari segi wang ringgit tetapi dari segala segi. Kadang-kadang lelaki ini nampak molek, egonya lebih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Mohon laluan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawasanya status yang ada - kita baru difahami ialah *unmarried men* lebih daripada *unmarried ladies*. So, in other words, janganlah berangan orang lelaki hendak berkahwin lebih daripada satu.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak biarkan Datuk Haji Rizuan hendak bertanya dulu, selepas itu Yang Berhormat menjawab semuanya sekali gus?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Ismail Kassim dan Yang Berhormat daripada Kluang tetapi saya hairanlah, menteri Yang Berhormat, Ketua Wanita sayalah, dia selalu bersyarah. Dia kata, ikut contoh Nabi Muhammad kahwin dengan Siti Khatijah, Nabi Muhamad ketika itu berumur 25 tahun dan Siti Khatijah berumur 40 tahun. Kemudian Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah kata tadi, kahwinlah jika kamu mampu, kahwin satu, dua, tiga atau empat, tetapi kalau kamu tidak mampu kahwin seorang. Saya setuju. Kalau kita mampu, kita kahwin tetapi janganlah hendak suruh kita berkahwin dengan yang berumur 40 tahun. Kalau saya berumur 50 tahun berkahwin dengan perempuan berumur 75 tahun, macam mana hendak jaga saya? Saya jaga dia atau dia yang jaga saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila jawab.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tadi saya menjawab, tertakluk kepada individu adalah kerana bukan sahaja kaum lelaki adakah dia bertanggungjawab atau dia ada berkemampuan atau tidak, kerana penting juga adakah wanita itu dia rela hendak berkahwin dengan lelaki itu.

Kedua, kalau mengikut statistik, taburan peratus penduduk lelaki berumur 15 hingga 49 tahun yang belum pernah berkahwin pada tahun 2000 adalah berjumlah 48.1 peratus dan wanita adalah 38.2 peratus. Ini bermakna jumlah lelaki yang belum pernah berkahwin adalah lebih dari kaum perempuan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah peratus lelaki ini lebih daripada wanita, kerana kesemuanya itu hanya layak jadi suri rumah?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Oh, ini juga tertakluk... [Ketawa] kepada individu kerana kita tidak boleh memastikan atau menentukan adakah dia menjadi suri rumah, kerana ini adalah hak asasi manusia.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi. Saya ingat, lelaki yang tidak berkahwin lebih itu jadi lelaki yang lembut, Yang Berhormat. Yang kedua, kita tengok wanita ini lebih daripada lelaki sekarang ini. Jadi, apa salahnya wanita ini berkorban. Berkorbanlah untuk kaum sejenisnya. Relakanlah suami berkahwin lebih daripada satu. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat menjawab, biar saya ...

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ini satu pandangan yang tidak boleh diterima langsung... [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi: Yang Berhormat, minta laluan. Mengenai dengan jumlah lelaki yang lebih banyak sebenarnya yang tidak berkahwin..., belum berkahwin berbanding wanita. Puncanya mudah, kerana kebanyakan wanita sekarang ini sudah berkelulusan tinggi, profesional dan sebagainya. Jadi, lelaki ini dia ketinggalan. Hendak berkahwin dengan wanita yang berjawatan tinggi pula, wanita jual mahal, jadi macam mana hendak kahwin. Itulah saya kata, enggang dengan enggang, pipit dengan pipit. Kecuali wanita ini tidak kisah.

Kita ada berjumpa dengan kes-kes, *driver* bas berkahwin dengan seorang doktor. Saya pernah jumpa. Itu maksudnya, dapatlah menyelesaikan masalah ini. Tetapi adakah wanita rela sebenarnya kalau dia berjawatan tinggi kahwin dengan orang yang lebih rendah tarafnya daripada dia?

Kedua, Yang Berhormat. Saya juga sebenarnya hendak mengadu tentang masalah kaum lelaki ini. Sebab saya rasa kementerian Yang Berhormat juga bertanggungjawab terhadap masalah kaum lelaki yang teraniaya, yang menjadi mangsa wanita. Sebab ini berlaku. Saya ambil contoh, baru-baru ini kita dibangkitkan tentang 'gadis akuarium'. Sebenarnya ada juga 'lelaki akuarium', lelaki yang menjadi pelacur. Bagi saya, lelaki yang pelacur ini kerana mereka ini sebenarnya dieksploitasi oleh wanita, kerana apabila ada permintaan adalah penawaran. Itu puncanya.

Saya rasa, perkara ini juga perlu diberi perhatian oleh kementerian iaitu mendekati mereka, memberi kaunseling kepada mereka, mendidik mereka supaya jangan terlibat dengan perbuatan tersebut. Benda ini sebenarnya tidak timbul sebelum ini, seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa pelacuran adalah *the oldest profession in the world*, dengan izin, hanya melibatkan kaum wanita tetapi di zaman moden ini, apabila wanita yang Mak Da..., minta maaf, sudah tersalah sebut pula... [*Disampuk*] timbul pula masalah-masalah seperti ini, maka akhirnya adalah permintaan, sebab itulah timbul gejala baru ini, yakni 'lelaki akuarium' ini.

Satu lagi soal perceraian. Biasanya lelaki dipersalahkan dalam soal perceraian. Tetapi kita juga harus melihat bahawa dalam soal perceraian ini ada juga, banyak berpunca daripada masalah kaum wanita yang harus kita beri perhatian, yang menjadi punca perceraian. Lelaki macam kena *queen control* dan sebagainya, Yang Berhormat, ya. Saya harap diberi perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak menjawab dulu atau pun...

Datin Paduka Chew Mei Fun: Boleh saya menjawab dulu. Kalau tidak nanti saya sudah lupa...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya cuma hendak bagi syor sikit apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad.

Ucapan saya yang tadi, Yang Berhormat sentuh berkenaan dengan satu kementerian berasingan untuk OKU, sekarang ini saya minta Yang Berhormat bawa balik satu lagi cadangan untuk menubuhkan satu lagi kementerian untuk menjaga kepentingan orang lelaki. Oleh sebab memandangkan rungutan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dr.

Haji Mohd. Puad tadi itu, saya kasihan tengok. Oleh sebab kerana kita tengok dalam universiti sudah melebihi wanita, pusat serenti sudah melebihi orang lelaki, di penjara juga melebihi orang lelaki. Mungkin sudah sampai masanya satu kementerian berasingan untuk orang lelaki dan *address* isu-isu 'lelaki yang dalam akuarium', lelaki kena jadi suri rumah tangga dan lain-lain.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kalau mengikut pandangan saya sendiri, saya anggap ini pandangan yang baiklah tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan perlu, Yang Berhormat, ya?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya tidak perlu!

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak perlu. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Memang kementerian mengakui ada juga mangsa-mangsa pelacuran atau keganasan rumah tangga, penceraian ini ada juga kaum lelaki yang menjadi mangsa, tetapi kalau dibandingkannya dengan bilangan mangsa wanita dia agak sedikit sahaja. Oleh itu adalah wajar untuk kementerian lebih menumpukan perhatian dalam membantu kaum wanita. Di samping itu juga, pendirian kementerian ialah yang mana pihak yang memerlukan bantuan di bawah kementerian ini, kita akan berikan perlindungan dan kaunseling.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Yang Berhormat, mohon laluan. Saya tertarik dengan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tahu, adakah 'lelaki akuarium' ini sebenarnya digunakan oleh kaumnya sendiri atau kaum wanita, kerana menjadi kebiasaan wanita ini, dia sentiasa malu. Dalam serumah pun dia mempunyai sikap malu. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad mungkin dia tahu tentang 'lelaki akuarium' ini, mungkin dia tahu secara terperinci siapakah sebenarnya yang menggunakan 'lelaki akuarium' ini, kaum wanita atau lelaki.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang menjawab, jadi apabila Yang Berhormat bertanya soalan itu kepada Dr. Haji Mohd. Puad, perkara ini akan melarat. Jadi, saya minta Yang Berhormat untuk meneruskannya.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan slogan ini tidak boleh dinilai dalam tempoh terdekat. Ia tidak dapat diukur dengan kuantiti sejumlah mana masyarakat di Malaysia memperoleh kesan positif daripadanya. Pokok pangkalnya adalah dari segi penghayatan dan seluas mana mesej ini sampai kepada setiap individu di Malaysia. Apa yang lebih penting lagi ialah ia melambangkan sejauh mana komitmen kerajaan dalam memartabatkan institusi keluarga di Malaysia. Saya sebagai rakyat merasakan bertuah kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mana kerajaannya menunjukkan komitmen yang tinggi untuk menyokong institusi keluarga di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, Yang Berhormat, mohon laluan, sebentar sahaja. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Seminit sahaja. Saya ucapkan tahniahlah ucapan Yang Berhormat tadi begitu bernas tentang urusan rumah tangga dan tentang wanita. Saya hendak tanya soalan peribadi, Yang Berhormat sudah kahwin ke belum? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ini perkara saya sendiri, okey, tetapi boleh saya jawab. Saya belum berkahwin tetapi ini bukan kesalahan saya sendiri, okey. Yang Berhormat kawan saya pun tidak *introduce* untuk saya, macam mana saya boleh dapat?... [Ketawa] Okey, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagilah peluang-peluang itu. [Ketawa]

Datin Paduka Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam melaksanakan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekiranya ada

terdapat soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, sila kemukakan selepas ini dan saya memohon untuk menjawabnya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta wakil daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menjawab.

3.01 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kami di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sangat berbesar hati di atas minat dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi kementerian. Masa depan ekonomi negara kita banyak bergantung kepada sejauh manakah kita mampu menerapkan input sains, teknologi dan inovasi dalam budaya kerja, seterusnya dalam semua sektor ekonomi. Usaha ini memerlukan minat dan gandingan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai keganasan siber. Malaysia merupakan salah satu negara yang aktif dalam menangani isu keganasan dan penyalahgunaan media siber.

Di peringkat antarabangsa, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan mengenai hasrat Malaysia untuk menubuhkan satu pusat Anti Keganasan Siber Dunia yang dipanggil *International Multilateral Partnership Against Cyber Terrorism* ataupun dengan izin, IMPACT semasa menghadiri persidangan *World Congress on IT* atau WCIT, 2006 di Austin, Texas baru-baru ini bagi membantu dunia menangani isu keganasan siber yang menjadi perhatian negara-negara yang banyak bergantung kepada teknologi ICT. Pusat ini berkonsepkan usaha sama dan penggabungan di antara sektor swasta dan kerajaan dalam mengatasi ancaman siber yang tidak mengenal sempadan.

Di peringkat nasional pula, kerajaan telah menubuhkan *National ICT Security and Emergency Response Center* ataupun NISER, dengan izin, pada tahun 2000 di bawah kawal selia MOSTI. Pusat ini adalah bertanggungjawab untuk memantau ancaman siber kepada Malaysia dan membantu pengguna internet di Malaysia mengurangkan risiko ancaman dan penyalahgunaan teknologi siber. NISER menyediakan perkhidmatan perundingan pakar seperti tindak balas, kecemasan komputer dan forensik digital secara percuma untuk dimanfaatkan oleh kerajaan, swasta dan komuniti amnya. Pengalaman yang sedia ada telah membolehkan Malaysia bersedia untuk menjadi tuan rumah kepada Pusat Anti Keganasan Siber Dunia ataupun IMPACT.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga mengenai perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar ataupun *Shared Service and Outsourcing* atau SSO, dengan izin, MOSTI melalui MDeC telah mengenal pasti SSO sebagai salah satu industri yang akan dibangunkan di dalam Koridor Raya Multimedia atau MSC, di dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Perhatian khusus ini adalah berdasarkan sumbangan besar yang telah diberikan oleh SSO di dalam MSC Malaysia.

SSO pada ketika ini menyumbangkan lebih 40% daripada jumlah pekerjaan iaitu 17 ribu daripada 40 ribu yang telah dihasilkan dan 80% daripada jumlah nilai eksport MSC Malaysia adalah daripada industri SSO ini. Antara syarikat-syarikat yang telah melakukan pelaburan serta aktiviti bernilai tinggi dalam industri SSO adalah di antaranya IBM, DHL, HSBC, Intel, Motorola dan juga Shell. Sukacita dimaklumkan bahawa di WCIT 2006 di Austin, Texas baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita turut serta di dalam memastikan pelaburan terbaru oleh syarikat gergasi komputer Dell yang akan menjalankan pusat pembangunan teknologi Dell di Cyberjaya.

Pelaburan ini dijangka akan menghasilkan lebih daripada 1,000 pekerjaan bernilai tinggi dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Selain daripada menarik pelabur asing ke industri SSO negara, MDEC juga turut memberi perhatian kepada pemain SSO tempatan. Ini diusahakan melalui kerjasama dengan Persatuan Komputer Industri

Multimedia Malaysia ataupun ringkasnya PIKOM, Malaysian Debt Ventures atau MDV, dan MDeC yang dikenali sebagai Outsourcing Malaysia ataupun OM. OM adalah merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan profil serta kerjasama pemain SSO tempatan dalam usaha pemasaran, pembangunan pemasaran, sumber manusia dan juga dasar-dasar industri.

Perhatian jelas oleh kerajaan dalam pembangunan pemain tempatan digambarkan melalui pelancaran Outsourcing Malaysia oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri semasa di WCIT 2006 baru-baru ini. OM ini terdiri daripada 12 syarikat SSO tempatan seperti Ship and Trade, Vsource, SCICOM, Kompakar dan i-Perintis. Pengiktirafan terhadap kemampuan syarikat tempatan apabila lima syarikat SSO tempatan telah disenaraikan di dalam Global Services 100 oleh CM E-media iaitu sebuah pemantau pembangunan SSO sedunia.

Jadi pada masa ini Malaysia telah berulang kali diiktiraf sebagai lokasi terbaik dalam pelaburan SSO. Dalam laporan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan, Yang Berhormat.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh balik tentang Cyberjaya tadi. Kalau saya perbandingkan dengan *outsourcing* IT di Dalian China, mereka baru bermula 4 tahun tetapi mereka telah berjaya mengumpulkan lebih kurang 500 syarikat termasuklah syarikat-syarikat besar seperti Motorola, IBM dan sebagainya tetapi saya mendapat tahu bahawa Cyberjaya kita ini masih lagi dalam peringkat yang maksudnya dalam bentuk yang perlahan, terlalu perlahan, masih di peringkat yang merangkak sebenarnya. Jadi saya ingin tahu sebenarnya, apa lagi strategi yang telah pun dibuat untuk memastikan Cyberjaya ini benar-benar bersaing dengan *outsourcing* IT yang ada di India dan juga di China sebenarnya.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan jawab soalan ini di akhir penggulungan saya. Sudah memang ada dan akan dimaklumkan.

Dalam laporan syarikat perunding seperti McKinsey and Company, 'AT Kearney' dan Frost & Sullivan, MSC Malaysia dilaporkan sebagai destinasi pelaburan terbaik bagi industri SSO. Kelebihan Malaysia dikenal pasti sebagai berjaya menyediakan tiga faktor terpenting dalam penilaian syarikat apabila memilih lokasi pelaburan iaitu kos, sumber manusia dan kemudahan perniagaan.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dan juga soalan daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, penyediaan tenaga mahir adalah merupakan elemen terpenting di dalam memastikan Malaysia akan kekal sebagai destinasi SSO terbaik. Untuk makluman, Malaysia adalah ketiga selepas China dan India. Yang kita lihat bahawa China dan India, mereka boleh begitu pantas membuat projek SSO ini oleh kerana seperti India, mereka mengeluarkan 200 ribu graduan ICT setahun dibandingkan kita boleh mengeluarkan hanya lebih kurang dalam 2,000 sahaja setahun. Jadi modal insan adalah masih merupakan satu perkara yang penting untuk kita ambil pertimbangan di dalam program ICT. MOSTI melalui MDeC telah memberikan perhatian khusus terhadap perkara ini. MDeC melancarkan program khas bagi meningkatkan jumlah serta mutu tenaga mahir melalui Institut Pembangunan *k-workers*. Program yang sedang dan bakal dijalankan di sini adalah:

- (i) *MSC Graduate Learning Program;*
- (ii) *MSC Undergraduate Skill Program;*
- (iii) *MSC Professional Enhancement Program;* dan
- (iv) *MSC Job Camp.*

Institut ini dijangka dapat menyediakan sebanyak 50,000 tenaga mahir bagi 'SSO' dan MSC Malaysia pada tahun 2010. Jadi di sini mungkin saya memberikan sedikit penjelasan berkaitan dengan yang pertama, *MSC Undergraduate Skill Program* ini adalah

untuk menyediakan *undergraduate* yang belum lagi tamat pengajian tetapi bersedia untuk masuk pasaran.

Jadi target utama daripada *undergraduate* ini adalah daripada pusat-pusat pengajian tinggi dan objektif utama adalah untuk melihat bagaimana *mismatch* daripada *skill* di antara ICT yang diajar di universiti-universiti dan juga di industri boleh diperkurangkan. Program ini adalah berbentuk intensif selama tiga minggu dan selepas itu diikuti di antara empat ke lima bulan sebagai latihan. MDeC menawarkan penajaan sama ada sebahagian ataupun sepenuhnya kepada program ini. Kemudian program yang kedua MSC *Graduate Training Program* adalah merupakan satu program kepada *fresh graduate* iaitu untuk memberi latihan industri selama enam bulan berkaitan dengan *real life working experience* dengan izin, iaitu pengalaman bekerja sebenar.

Program di sini, MDeC akan memberi atau *reimburse* ataupun membayar balik mana-mana *company* sebanyak RM500 sebulan per *trainee* yang mengambil pelatih-pelatih ini untuk mengikuti program ini. Program ini adalah terbuka kepada semua IPTA yang mendapat status MSC. Kemudian, program yang ketiga iaitu MSC *Professional Enhancement Program* ataupun program peningkatan adalah untuk menyediakan *pool* dalam bidang ICT yang *world recognized* ataupun *world class*. Jadi di sini, *targetnya* adalah lebih kurang untuk lima hari ataupun kepada enam bulan untuk mendapatkan latihan dan juga *certification* ataupun sijil. Di sini, MDeC memberikan juga bayaran ataupun subsidi kepada peperiksaan untuk mendapatkan sijil.

Yang terakhir adalah MSC *Job Camp* iaitu program yang dibuat kepada mereka yang belum bekerja, yang memerlukan *skill* untuk mengisi kekosongan di *company-company* yang bertaraf MSC. Terima kasih. Jadi akhirnya sekali lagi MOSTI ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha, program dan strategi Kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap, dengan kerjasama dan keprihatinan dari Ahli-ahli Yang Berhormat ini, akan dapat membantu Kementerian dalam mencapai matlamat dan visi sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan rakyat keseluruhan. Sekian, terima kasih sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pengangkutan.

3.14 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Ucapan Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya, Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah binti Samsudin, mengenai cadangan untuk membina *low cost carrier* terminal dengan izin, di LCCT, di tempat lain yang lebih berdekatan dengan bangunan terminal utama KLIA. Kementerian pada masa ini, tiada perancangan ke arah itu. Oleh kerana bangunan terminal sedia ada mula beroperasi pada 23 Mac tahun 2006 dapat menampung seramai 10 juta penumpang. Kapasiti ini hanya dijangka akan dapat dicapai pada tahun 2010. Mengenai jaringan pengangkutan daripada KLIA ke LCCT, Kementerian pada masa ini sedang meneliti dan mengkaji cadangan operasi *express rail* dari bangunan terminal utama KLIA ke LCCT. Di samping itu, perkhidmatan bas di antara kedua-dua terminal akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiadaan *counter check in* di *main terminal building* KLIA dengan izin, bagi penumpang transit ke LCCT akan diteliti di bawah Program Rasionalisasi Perkhidmatan Udara Domestik yang sedang diperbincangkan di antara pihak-pihak berkenaan pada ketika ini. Merujuk kepada persoalan oleh Yang Berhormat oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, berhubung dengan punca sering berlakunya kelewatan dalam penerbangan MAS dan AirAsia sejak akhir-akhir ini. MAS telah

menjelaskan bahawa antara faktor-faktor utama yang menyebabkan kelewatan penerbangan MAS berlaku sejak akhir-akhir ini adalah masalah kejuruteraan dan teknikal, faktor kawalan trafik udara ataupun *air traffic control* dengan izin, faktor *interlining*, faktor cuaca dan kelewatan yang melibatkan penumpang atau bagasinya terpaksa dikeluarkan apabila terdapat penumpang-penumpang yang tidak *show up*, dengan izin.

Perangkaan MAS menunjukkan bahawa *flight departure average on time performance* dengan izin, MAS adalah seperti berikut:

- (i) bagi bulan Januari peratusannya adalah 86%;
- (ii) bagi bulan Februari tahun 2006 ini adalah 84%;
- (iii) bagi bulan Mac adalah 88.8%; dan
- (iv) bagi bulan April adalah 87.7%.

Pada masa ini, tidak terdapat piawai industri yang khusus untuk dengan izin, *on time performance*. Oleh yang demikian, perbandingan akan dibuat dengan syarikat penerbangan lain yang beroperasi di dalam wilayah yang sama untuk menentukan tahap prestasi MAS. Bagi AirAsia pula, syarikat ini menjelaskan bahawa masalah kelewatan yang berlaku bagi penerbangan-penerbangan AirAsia adalah ketara pada permulaan operasi AirAsia di LCCT pada bulan Mac tahun 2006 ini. Ini adalah atas faktor-faktor penyesuaian operasi AirAsia di terminal tersebut. Namun demikian, AirAsia menjelaskan bahawa pada bulan Mei 2006 ini, operasi penerbangan syarikat ini menunjukkan prestasi yang amat positif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Nor Hayati telah membangkitkan mengenai mengapa AirAsia mendapat lebih laluan berbanding dengan MAS di dalam pembahagian laluan penerbangan domestik baru-baru ini. Adalah dimaklumkan bahawa berikutan dengan proses rasionalisasi perkhidmatan udara domestik, MAS dan AirAsia telah bersetuju bersama akan mengendalikan 19 laluan utama domestik mulai 1 Ogos 2006 ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah memutuskan bahawa AirAsia akan mengendalikan 96 laluan domestik bukan utama termasuk laluan pendalaman di Sabah dan Sarawak. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan mengenai pemegang-pemegang saham AirAsia, syarikat ini telah menjelaskan bahawa antara pemegang-pemegang saham utama AirAsia adalah pemegang saham tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya pegangan saham rakyat tempatan bagi saham AirAsia kekal pada kadar 51% supaya syarikat berkenaan tetap dimiliki oleh rakyat Malaysia. Syarat ini akan dipatuhi oleh AirAsia.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya hendak menyentuh balik tentang laluan tadi yang mana kita lihat AirAsia diberikan lebih banyak laluan sekarang ini untuk domestik.

Saya ingin tahulah maksudnya atas dasar apa pembahagian tersebut dibuat. Seinggakan saya mengambil contoh *airport* Senai, jumlah penerbangan MAS di peringkat awal ditiadakan terus, diberhentikan operasinya tetapi setelah beberapa desakan dibuat, maka diberikan balik laluan kepada MAS tapi dengan jumlah yang kecil, yang sebenarnya saya rasa seolah-olah tidak memenuhi RMK-9 ini. Yang mana kerajaan juga ingin menjadikan bahawa Johor Selatan itu sebagai pusat untuk menjana ekonomi negara. Dalam RMK-9 cukup jelas disebut bahawa projek Johor Selatan adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjana ekonomi negara.

Dan kalau kita lihat statistik 2005, 325 ribu pengguna menggunakan MAS, hanya 100 ribu sahaja yang menggunakan AirAsia terutamanya para eksekutif *companies*, ahli-ahli perniagaan. Mereka lebih suka menggunakan perkhidmatan MAS. Dan ini cukup penting sebenarnya. Dan kalau kita lihat rakyat Singapura juga sebenarnya, oleh kerana MAS dibenarkan mengendalikan *shuttle bus* daripada *airport* Senai ke Singapura maka mereka juga banyak menggunakan *airport* Senai itu untuk kemudahan pengangkutan

mereka sebab lebih murah sebenarnya untuk mereka. Dan ini sebenarnya ada kesan baik kepada ekonomi negara tapi mereka suka menggunakan MAS dan MAS sahaja yang dibenarkan oleh Singapura, mengendalikan *shuttle* ini, tidak AirAsia.

Satu lagi ialah tentang pengangkutan barangan daripada Kota Kinabalu dan Kuching untuk dieksport ke Singapura, diuruskan oleh MAS. Maksudnya Singapura hanya membenarkan MAS sahaja untuk mengendalikan benda ini. Jadi kalau sekiranya MAS dikurangkan laluan penerbangannya di *airport* Senai, maka ini membawa kesan kepada *exporters*, *exporter* ini ataupun yang eksportkan barang ini akan lari sebenarnya. Saya ambil contoh sebab AirAsia dari segi *cargo rate* dia dengan izin, tiga kali ganda lebih mahal daripada MAS. Dan kalau kita tengok dari segi *package* pun, AirAsia hanya membenarkan kita membawa barangan tidak lebih daripada 15 kg., sedangkan MAS 20 kg. Jadi sebab itu saya rasa ini akan membawa kesan sebenarnya kepada usaha kita dalam menjayakan pembangunan Johor Selatan ini. Dan saya pernah membangkitkan bahawa *airport* Senai sekarang ini akan dikendalikan oleh satu pihak yang dikenali sebagai SATS, Senai *Airport Transportation System* Sendirian Berhad. Yang mana mereka telah membelanjakan, sedang menyediakan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion untuk selama 10 tahun untuk menjadikan *airport* Senai ini sebagai hak penumpang, kargo dan logistik yang terutama di Asia.

Jadi apabila perkara ini berlaku dengan tidak semena-mena, dikurangkan jumlah penerbangan MAS di *airport* Senai, maka ini memberi kesan sebenarnya kepada segala usaha yang sedang dirancang yang telah pun difikirkan sekian lama. Dan sudah pun maksudnya *airport* Senai ini dikendalikan oleh satu pihak lain dengan tujuan sebenarnya untuk kepentingan ekonomi negara. Jadi bila perkara ini berlaku, saya merasa amat keliru iaitu atas dasar apa sebenarnya pembahagian laluan ini. Itu dari sudut ekonomi pembangunan negara. Kalau difikirkan dalam usaha nak membantu MAS pun, saya rasa ini pun tidak wajar sehingga berlakunya pemberhentian pekerja dan sebagainya. Saya harap perkara ini diperbetulkan semula.

Sepatutnya jumlah laluan MAS itu ditingkatkan lagi di *airport* Senai bahkan diperbaiki bukan dikurangkan. Sebab MAS adalah *national carrier* dengan izin, sedangkan AirAsia ini kita pun tak tahu mungkin satu hari nanti sahamnya dibeli oleh orang lain, orang asing dan sebagainya yang lebih mendatangkan kesan buruk kepada negara. Saya memerlukan penjelasan Yang Berhormat dalam perkara ini. Terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: [*Bangun*]

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, minta ...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya sangat bersetuju dengan pandangan daripada Dr. Puad sebentar tadi mengenai rasional yang digunakan untuk pengagihan MAS dan juga AirAsia. Di mana AirAsia mendapat lebih *root* daripada MAS. Dan saya juga ingin tahu mengenai pembinaan terminal *low cost carrier* ini yang dibina ratusan ringgit ini. Adakah kos pembinaan ini akan diambil oleh AirAsia? Saya rasa daripada pengamatan sayalah, saya rasa tidak menjadi masalah kalau kerajaan nak bantu AirAsia tetapi dalam pada masa yang sama, kita wajib memberi keutamaan kepada MAS yang dikatakan rakan saya tadi kerana ia merupakan *national carrier*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat membangkitkan perkara ini sekali lagi. Hanya saya hendak kemungkinan dapat perjelasan iaitu rasional, tak rasionalnya Tuan Yang di-Pertua, satu keputusan telah dibuat. Kita telah memberi satu ruang yang begitu panjang kepada mereka kedua-dua pihak. Dan nampaknya MAS pun bersetuju yang mereka hanya mengambil 19 laluan dan AirAsia mendapat 96 laluan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan, sikit lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Ya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya bertanya kepada salah seorang daripada *board director* MAS, sebenarnya mereka dukacita, mereka mendapat jumlah laluan yang sedemikian. Sebab dia kata apa jadi kepada kapal terbang dia yang banyak. Yang ini dinyatakan oleh salah seorang daripada *board director* MAS, dia kata sebenarnya mereka tidak setuju dengan jumlah laluan tersebut. Itu yang saya kata saya perlukan penjelasan, apakah ini memang antara mereka yang berunding ataupun ada keputusan lain sebenarnya. Sebab AirAsia sendiri kalau dilihat dari segi prestasi mereka, penerbangan kadang-kadang *delay*, kadang-kadang *reschedule*, menimbulkan banyak masalah terutama dalam usaha kita dalam sektor ekonomi ini. Kalau untuk penumpang mungkin lain tapi dari segi menjana ekonomi negara, bila kapal terbang selalu *reschedule*, *delay* kerana kapal terbang tak banyak, banyak masalah yang timbul. Jadi saya rasa ini saya nak tambah untuk penjelasan...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat jawab, boleh saya.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Yang Berhormat, tadi penjelasan Yang Berhormat saya tertarik juga iaitu dengan rakan-rakan saya tadi. Sebenarnya Yang Berhormat kata tadi untuk mengurangkan kos-kos daripada MAS maka terpaksa laluan ini diberi kepada AirAsia tetapi kita lihat AirAsia ini sebuah syarikat swasta. Kalau tidak menguntungkan syarikat AirAsia, tak akan dia terima laluan ini. Sudah tentu ada perkara-perkara yang pelik berlaku antara MAS dan AirAsia. Sebab MAS ini adalah kepunyaan kerajaan, AirAsia ini swasta. Saya sendiri dan rakan saya tadi mengatakan terminal tambang murah atau LCCT ini, kita bina beratus juta tetapi akhirnya orang lain tak dapat.

Jadi saya minta Yang Berhormat perkara ini supaya dibincangkan semula. Ada perkara yang tidak benar berlaku dan saya ingat soalnya MAS dan AirAsia telah pun bersepakat, saya ingat itu perkara yang tidak betul. Dan saya minta Yang Berhormat ni sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa AirAsia ini dapat lebih daripada 90 laluan? Ini nak tanya pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju? Padahal MAS ini kepunyaan kita, hanya 19 laluan, pelik Yang Berhormat. Dan kita tengok landasan MAS, Rancangan Pemulihan Perniagaan, tahun depan MAS mengatakan dia akan untung RM50 juta, satu perkara yang karut Yang Berhormat. Sebab laluan sendiri pun dah bagi kepada orang lain, dia cakap nak buat RM50 juta tahun depan. Inilah perancangan MAS dan saya tak mahu tuduh sesiapa dan saya minta Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan, sila ambil perhatian. Kalaulah lembaga pengarah MAS sendiri dah tak mampu nak buat kerja ini, beri peluang kepada orang lain. Dah kalau setakat nak mai duduk dalam MAS, lepas itu nak buat perkecilkan MAS, nak jadi mangsa, lebih kurang empat, lima ribu orang kakitangan MAS yang akan menjadi mangsa.

Jadi saya minta Yang Berhormat, dan satu lagi saya nak tanya Yang Berhormat. Sekiranya kakitangan MAS ini diberhentikan, siapakah yang akan bayar pampasan. MAS ataupun kerajaan? Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Macam saya perkatakan tadi, keputusan semua sudah dibuat oleh pihak Kabinet.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Boleh tak saya habiskan ini sikit. Adakah berkaitan ini juga?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Md Zain: Yang saya nak, nak-nak sebut dari segi kenyataan Yang Berhormat tentang keputusan telah dibuat itu. Keputusan telah dibuat untuk kita membuat Jambatan Bengkok, *okey* tetapi, oleh kerana keputusan yang dibuat itu dilihat akan mendatangkan masalah dan memudaratkan, keputusan kedua dibuat membatalkan keputusan yang telah dibuat. Maka begitulah juga dengan soal AirAsia dengan MAS ini. Keputusan telah dibuat dalam soal memberi laluan kepada MAS mengambil laluan MAS kepada AirAsia tetapi, sebelum keputusan itu dibuat, saya ingin

bertanya ada ataupun tidak oleh kerana ianya melibatkan kepentingan orang awam, kepentingan publik.

Kajian kemungkinan dibuat bagi menentukan baik buruknya kerjasama antara MAS dengan AirAsia ini. Kerana pada hari ini, kita telah melihat banyak keputusan yang dibuat oleh kerajaan, akhirnya merugikan pihak publik. Contohnya pengambilan alih MAS pada peringkat awal yang diberi kepada untuk dikendalikan oleh Tan Sri Tajuddin, merugikan kita. Keputusan untuk menjual harga saham MAS yang nilainya RM4.00 kepada RM8.00 ditanggung oleh orang ramai. Hari ini kita melihat bahawa keputusan yang dibuat ini juga akan merugikan publik. Perkara yang kedua saya nak sentuh juga ini. Sejauh manakah jaminan kerajaan kepada kedudukan keselamatan AirAsia sebuah syarikat swasta berbanding dengan MAS syarikat semi kerajaan.

Kebimbangan publik hari ini ialah tidak ada jaminan keselamatan sepenuhnya pihak AirAsia, apa rungutan yang dibuat kadang-kadang tu *engineer* AirAsia tak hendak *approved* untuk penerbangan tapi oleh kerana tekanan kerana ini syarikat swasta, terbang juga. Kita tidak mahu mengambil risiko kerana ini melibatkan nyawa manusia. Yang ketiga, okey kita terpengaruh atas harga murah AirAsia kerana itu kita mahu memberi laluan banyak kepada AirAsia. Harga murah kerana *level service* dia setakat mana. Berapakah peratus penumpang-penumpang hari ini, lebih daripada yang tak nak naik, yang naik MAS yang akan naik AirAsia, kalau sekiranya laluan seperti itu banyak diberikan AirAsia.

Dengan kemudahan-kemudahan *airport* yang dibina oleh kerajaan, kita tertanya kenapa kita nak pergi keistimewaan kepada syarikat swasta ini untuk mengendalikan penerbangan ini. Timbul perkara-perkara bahawa ada benda di sebalik tabir, ada orang kata udang di sebalik mi atau mi di sebalik udang dan sebagainya. Sebab kita bimbang apa yang berlaku di Thailand, AirAsia di Thailand di kuasai oleh siapa? Kebimbangan kita ialah Singapura akan menjadi penjajah dalam soal penerbangan di Asia Tenggara ini dan kita tidak tahu siapa di belakang AirAsia ini, persoalan ini sebahagian besar ditanya oleh orang ramai, rakyat Malaysia.

Sebagai orang yang dilantik untuk menjaga kepentingan orang awam, saya juga bertanya dalam Dewan yang mulia ini di atas kepentingan-kepentingan tangan-tangan di belakang yang kita tidak nampak tetapi yang hanya mencari keuntungan yang mungkin boleh memudaratkan rakyat Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa segala soalan ataupun pandangan atau kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan saya ambil maklum ya, dan kerana ini perbincangan ini telah dibuat di peringkat Dewan Rakyat dan telah dibawa ke Dewan Negara dan telah pada hari ini saya dipertanggungjawabkan untuk menggulung ya.

Jadi, segala sama ada puas, tak puas nanti hati Ahli-ahli Yang Berhormat ini saya hanya dapat memaklumkan merupakan balik kepada kementerian saya dan kepada menteri saya untuk dibawa ke tengah soal kebimbangan-kebimbangan Yang Berhormat tadi dalam beberapa perkara yang berkaitan antara rasionalisasi di antara MAS dengan AirAsia. Itu sahaja yang saya dapat buat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ya, kalau dapat saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan juga Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abdul Samad dan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan perkara berkaitan VSS ini tadi yang mana saya telah perjumpa sedikit tadi dalam jawapan kepada soalan masa jawab lisan pagi tadi oleh Tuan Tan Bon You, tak perlulah saya mengulangi lagi balik jawapan saya ya, yang telah saya jawab pada pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada persoalan oleh Datuk Hajah Azizah Abd. Samad mengenai perkhidmatan AirAsia menawarkan *free seating* yang mana penumpang didapati berebut-berebut untuk masuk ke dalam pesawat dan kakitangan AirAsia tidak dapat mengendalikan situasi itu. AirAsia telah memaklumkan bahawa walaupun syarikatnya menawarkan *free seating* dengan izin, pada perkhidmatan penerbangannya namun syarikat

ini memberikan keutamaan kepada beberapa golongan penumpang yang tertentu iaitu penumpang kurang upaya, warga emas serta penumpang-penumpang yang membawa bayi dan kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun untuk masuk ke dalam pesawat dahulu. Namun demikian menurut AirAsia kakitangannya sentiasa cuba untuk memastikan dan mengawal penumpang-penumpang yang lain agar tidak berebut-rebut untuk memasuki pesawat.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Wira Syed Ali membangkitkan berkaitan dengan lukisan MAS yang bernilai 1.5 juta telah dijual atau masih disimpan di Subang. Pihak MAS telah menjelaskan bahawa lukisan tersebut masih disimpan di *Golden Lounge* Mas di KLIA di kawasan *platinum suite* dan *first class lounge*. Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati pula telah membangkitkan isu jumlah juruterbang MAS yang telah berhenti dan jumlah juruterbang luar yang telah diambil oleh pihak MAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut perangkaan MAS, jumlah juruterbang MAS yang telah berhenti pada tahun 2005 adalah seramai 73 orang. Jumlah juruterbang luar yang telah diambil secara tetap pada tahun 2005 adalah seramai 21 orang secara *secondment* dengan izin, dari syarikat penerbangan lain tempoh sehingga 31 Mac 2006 adalah seramai 10 orang. Berhubung isu pramugari tempatan yang dikatakan menerima..

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya ingin tahu Yang Berhormat ya, juruterbang yang diambil yang menggantikan juruterbang-juruterbang telah berhenti ya, adakah dia orang ni diberi gaji lebih daripada juruterbang yang lokal.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Kerana itu adalah saya rasa satu perkara yang perlu saya siasat dan apakah imbuhan yang diberi kepada mereka yang telah diambil daripada luar dan keadaan-keadaan ini adalah satu-satu keadaan-keadaan yang terdesak kerana dalam perniagaan penerbangan ini dia dari segi *turnover* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memang tinggilah dan dari segi curi mencuri ya, orang kata *crew-crew* dengan izin, di antara satu *airline* dengan satu *airline* memang tinggi. Jadi, saya perlu jawab pertanyaan Yang Berhormat tadi untuk mendapat satu jawapan yang jelas dengan secara bertulis.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini merupakan sebab utama juruterbang-juruterbang kita ini berpindah ke *airline* yang lain.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya kemungkinan tidak dapat menjawabnya dengan secara tepat, tapi kalau kita tengokkan keadaan pada hari ini saya bagi contoh iaitu dari segi *Emirates Airlines* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua memanglah mereka menawarkan begitu tinggi gaji baik pihak *captain* atau *first officer* dengan izin, ataupun juga pramugari-pramugari dan pramugara-pramugara diberi tawaran yang kata begitu tinggi dan dengan berbagai imbuhan yang. Jadi, memang kita sukar, sukar hendak bersaing dengan apa yang telah ditawarkan oleh katalah umpamanya macam *Emirates Airlines* yang menawarkan macam saya kata tadi berbagai-bagai ganjaran yang amat begitu lumayan ya. Terima kasih.

Berhubung dengan isu pramugari tempatan yang dikatakan menerima gaji yang rendah berbanding dengan pramugari rakyat asing yang bekerja dengan MAS. MAS telah menjelaskan bahawa pramugari-pramugari ini dibayar gaji mengikut tempat atau *basenya* di mana mereka bertugas. Sebagai contoh seorang pramugari asing yang bertugas, yang mana *basenya* di London, dengan izin akan menerima bayaran dalam mata wang, *pound sterling*, yang mana adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pramugari tempatan yang bertugas di Kuala Lumpur.

Ini adalah sesuatu perkara yang sering berlaku untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan iaitu kita terpaksa mengambilkan beberapa rakyat luar negara ini contohnya katalah di Jepun ataupun di London yang mana di antaranya adalah mereka ini yang telah bersama dengan kita sudah berbelas-belas tahun. Mereka ini sudah sebatu

dengan penerbangan MAS, jadi kita menganggap kita terpaksa mengekalkan pekerjaan mereka ini kerana kita tidak hendak mereka bekerja dengan *airlines* yang lain kerana mereka ini sudah sebatu dengan cara dan budaya kita dan kita merasakan juga mereka ini sudah sedikit sebanyak menabur jasa kepada penerbangan kita.

Selain daripada itu Yang Berhormat, dari segi kos ini memanglah tinggi sedikit kalau kita hendak bandingkan gaji seseorang itu yang bekerja di London ataupun di Jepun dari segi *cost of living* dengan izin, memanglah berbeza. Jadi kita terpaksa memberi mereka sesuatu gaji yang setaraf dengan *cost of living* di negara masing-masing.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta laluan Yang Berhormat, saya kira juruterbang asing yang diambil ini, apakah kurang juruterbang tempatan? Sebab kita lihat MAS ada buka Malaysian Airlines Academy yang banyak mengeluarkan *pilot-pilot* baru, juruterbang yang baru tetapi sehingga kini masih menganggur. Sudah keluar sampai dua, tiga dan empat tahun tapi dalam pada masa yang sama MAS mengambil juruterbang dari luar, umpamanya daripada Indonesia sebagai contoh. Mengapa agaknya itu terjadi. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Saya tidak menafikan kelemahan dari segi kita punya persediaan untuk mendapatkan *pilot-pilot* dengan izin, *pilot-pilot* yang baru. Keadaan ini macam saya perkatakan tadi, jadi kadangkala keadaan yang terdesak, yang kita tidak ada pilihan. Kita terpaksa mengambil atau mengisi kekosongan ini, tetapi apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang di dalam pengetahuan kita dan kita sekarang dalam membuat persediaan untuk melatih seberapa ramai *pilot-pilot* untuk kita mengisi kekosongan tempat yang diambil oleh pihak daripada luar.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat, apakah MAS tidak ada bercadang untuk mengambil juruterbang wanita sebagaimana dibuat oleh AirAsia?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Setakat hari ini Yang Berhormat, rasa saya belum ada lagi dan kemungkinan mereka ada perancangan ini dan saya perlu mendapat kepastian daripada pihak MAS kalau mereka ada cadangan untuk sama macam AirAsia mengambil juruterbang daripada kalangan warga wanita.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Yang Berhormat, tetapi saya harap benda ini boleh dapat diketengahkan kerana kita lihat, kita tidak mahu MAS diskriminasikan wanita kerana wanita pun sudah ada yang menjadi juruterbang. Sepatutnya MAS menunjukkan contoh yang baik, dia mengambil dahulu juruterbang wanita tetapi kini nampak AirAsia mendahului MAS. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa itu bukanlah rasa saya mendiskriminasikan pihak wanita tetapi ini akan saya maklumkan kepada pihak MAS untuk mengambil juruterbang-juruterbang daripada wanita. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Ahmad Husin mengenai laporan akhbar berkaitan dengan laman web kementerian yang tidak dikemaskini. Kementerian Pengangkutan amat peka terhadap laporan akhbar tersebut dan telah mengambil tindakan segera dengan menubuhkan jawatankuasa bertugas memantau dan mengemaskinkan laman web.

Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pada setiap bulan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan laman web kementerian bagi memastikan laman web Kementerian Pengangkutan sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Tuan Chua Kim Chuan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak akan hanya menumpukan kepada perancangan mempertingkatkan pengangkutan awam di kawasan-kawasan bandar sahaja, malah ianya akan melibatkan kawasan luar bandar kerana pengangkutan awam yang akan diberi pertimbangan termasuklah pengangkutan udara dan pengangkutan sungai ke kawasan pedalaman yang sukar dilalui dengan jalan darat.

Bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan awam dicapai sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, satu suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya

Pengangkutan Awam Lembah Klang akan ditubuhkan. Ini akan diikuti dengan penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam bagi seluruh negara kemudiannya. Melalui penubuhan suruhanjaya ini, ianya akan membolehkan perancangan yang lebih rapi dibuat bagi mempertingkatkan pengangkutan awam di negara ini. Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab kementerian....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, satu Yang Berhormat. Yang Berhormat, satu sahaja.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Sila, sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Datuk Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat bagi pihak Ahli Dewan, kita hendak merayulah Yang Berhormat supaya bangunan MAS itu jangan dijual. Sebab ini imej kita Yang Berhormat. Kalau dijual, dapat kepada orang lain, ini imej negara. Kita takut satu hari Air Asia nanti beli, syarikat swasta boleh beli bangunan itu atau pun takut *Singapore Airline* ke beli, *Indonesia Airline* ke beli, Garuda beli, ini imej kita Yang Berhormat. Saya minta tolonglah. Kalau kita sudah rugi lebih daripada dua bilion, apa yang hendak jual bangunan itu dua tiga ratus juta? Hendak jual bangunan itu pun sudah tidak boleh hendak berlaku menguntungkan. Saya minta itu Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan mengambil maklumlah saranan Yang Berhormat itu kepada pihak MAS. Dan sekali lagi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi berbagai-bagai pandangan yang bernas di dalam waktu saya membentangkan usul atau menjawab Usul Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya berharap hanya jika ada soalan-soalan yang saya tidak dapat jawab pada hari ini, insya-Allah saya akan cuba menjawabnya secara bertulis dan sekian saya mengucapkan terima kasih sekali lagi bagi pihak kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarajam]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sepanjang perbahasan ke atas Usul Titah Diraja. Saya akan menjawabnya mengikut isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyentuh cadangan dari Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng supaya kerajaan mengadakan perundangan agar produk biodiesel ini dapat diluaskan penggunaannya di Malaysia. Ingin saya maklumkan di sini bahawa kerajaan akan melaksanakan penggunaan biodiesel di Malaysia secara berperingkat. Untuk peringkat permulaan, kerajaan memperkenalkan penggunaan adunan 5% minyak sawit proses atau pun *RPD palm olein*.

Terjemahannya ialah *olein* yang ditapis, luntur dan dihilangkan bau. Dengan 95% diesel petroleum secara sukarela oleh Kementerian Pertahanan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Kerja Raya serta agensi-agensi di bawah kementerian ini. Pada masa yang sama, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu MPOB sedang mengenal pasti stesen-stesen minyak yang boleh membekalkan *Envo Diesel* kepada orang awam untuk dicuba secara sukarela. Penggunaan *Envo Diesel* secara mandatori untuk orang awam dijangka dilaksanakan pada tahun 2007.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian kini sedang peringkat..., minta maaf... Kementerian kini sedang peringkat akhir penyediaan Rang Undang-undang Industri

Bio-fuel Negara 2006. Rang Undang-undang ini yang dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun ini mencadangkan penggunaan adunan 5% *palm olein* RBD dan 95% diesel petroleum secara mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Chin Fook Weng juga ada menyentuh tentang keperluan mengadakan peruntukkan bagi membantu orang awam yang hendak menggunakan *Envo Diesel* ini seperti langkah mengurangkan cukai jalan bagi menampung perbelanjaan tambahan untuk mengubah suai enjin kereta dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini KPPK sedang mengkaji cadangan pengurangan cukai jalan bagi kenderaan yang menggunakan *Envo Diesel*. Jika cadangan ini sesuai ia akan diperakukan untuk pertimbangan kerajaan selanjutnya. Berdasarkan uji kaji MPOB penggunaan *Envo Diesel* tidak akan memerlukan sebarang pengubahsuaian terhadap enjin kereta. Oleh itu keperluan bagi pengguna untuk mengubahsuai enjin kenderaan mereka bagi membolehkan penggunaan *Envo Diesel* adalah tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, yang meminta agar KPPK mengkaji dan merancang cara-cara untuk membalas kempen-kempen anti minyak sawit yang diadakan oleh kelompok-kelompok di Amerika Syarikat. Adalah dimaklumkan bahawa KPPK bersama-sama agensi Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Majlis Minyak Sawit Malaysia, sentiasa berusaha untuk menangkis sebarang kempen yang memburuk-burukkan minyak sawit negara. Dalam usaha untuk menangani kempen di Amerika Syarikat antara langkah yang diambil adalah dengan meningkatkan penyebaran maklumat yang tepat mengenai minyak sawit. Maklumat ini adalah berasaskan keputusan ujian saintifik yang telah diterbitkan di Jurnal saintifik kepada pihak industri di negara berkenaan. Di samping itu, penyebaran maklumat bagi menangkis kempen-kempen ini juga dibuat melalui media massa dan laman *web* supaya pengguna boleh mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Melalui aktiviti-aktiviti promosi yang lebih intensif MPOB dan MPOC menyebarkan maklumat teknikal dan meningkatkan imej industri sawit negara. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan...

Tuan Lee Sing Chooi: Minta laluan. Berkenaan kempen yang dilancarkan oleh kelompok-kelompok agensi di AS dan juga Eropah itu sudah lama bertahun-tahun, pada dahulunya mereka berkempen bahawa minyak kelapa sawit itu tidak begitu sihat, sekarang ini dia cakap yang tanaman itu, ladang-ladang sudah membinasakan dan menjejaskan binatang-binatang liar dan juga... Saya hendak tahu dengan tindakan-tindakan dan *plan-plan* dan juga rancangan yang dibuat dan juga projek-projek dan juga analisa dan saintifik semua yang dibuat itu, apakah keberkesanan itu, adakah berkesan? Dan juga penerimaan orang asing terhadap minyak kelapa sawit macam mana sekarang ini? Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada juga kumpulan-kumpulan tertentu termasuk NGO-NGO yang sentiasa cari fasal untuk memburuk-burukkan minyak sawit kita. Pada suatu ketika, macam Yang Berhormat kata tadi ialah tentang kesihatan, mereka kata minyak kelapa sawit ini tidak baik dari segi kesihatan badan, sakit jantung dan macam-macam tetapi itu telah di bukti bahawa minyak kelapa sawit baik untuk kesihatan kita, minyak kelapa sawit bebas daripada *trans fatty acid* atau asid lemak *trans* didapati dari minyak sayuran. Dan bila minyak sayuran ini kita membuat benda makan pepejal macam marjerin, *fatty acid trans* ini keluar. Minyak sayuran daripada jagung atau soya atau *sunflower*, minyak dari ini harus menjalankan satu proses yang di nama *hydrogenation*, baru kita boleh dapat benda makanan itu tetapi minyak sawit tidak perlu, ia menjadi pepejal secara natural atau semula jadi, dan bebas dari *trans fatty acid*.

Satu lagi tentang kita musnahkan atau kita potong kita punya hutan untuk tanam pokok kelapa sawit ini, saya percaya, saya pun sudah jelaskan semalam ini tidak benar. Kita akan meningkatkan pengeluaran dari tanaman-tanaman yang sedia ada sekarang dan ada juga satu lagi tuduhan baru, di mana mereka kata susu bayi yang mengandungi minyak kelapa sawit tidak baik untuk tulang-tulang. Ini pun kita telah mendapatkan bantuan dari *International Nutrition Advisory Committee* dengan izin, sebuah panel *scientist* antarabangsa yang ditubuhkan oleh MPOC dan para *scientist* kemudiannya kata bahawa kajian oleh universiti tersebut adalah salah dan tidak ada masalah dengan minyak sawit.

Saya pun tidak tahu ada agenda tertentu selalu memburukkan minyak kelapa sawit kita tetapi kita sentiasa lawan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, secara ringkas bagi menjawab apa yang disoalkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi tadi ialah, bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani tuduhan-tuduhan ke atas minyak kelapa sawit kita ataupun cara pembukaan hutan kita adalah berkesan.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Memang berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Tay Puay Chuan telah menyarankan supaya kementerian menaikkan peratusan penggunaan minyak sawit dalam penghasilan *bio-diesel* dari 5% kepada peratusan yang lebih tinggi supaya industri minyak sawit mendapat keuntungan yang lebih dan mengurangkan penggantungan ke atas diesel. Ingin saya maklumkan di sini bahawa untuk makluman Yang Berhormat, kadar adunan minyak sawit yang akan diadun dengan diesel bergantung kepada kesesuaian seperti harga pasaran minyak sawit dan petroleum diesel. Sekiranya harga minyak sawit tinggi, kemungkinan peratusan adunan dalam *Envo-Diesel* akan dikurangkan dan begitu juga sebaliknya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Tuan Tay Puay Chuan, mengenai jumlah syarikat asing yang melabur dalam industri *bio-diesel* berbanding hanya dua syarikat pada 2005. Berhubung dengan penglibatan penyertaan rakyat asing sukacita dimaklumkan bahawa terdapat sebelas syarikat yang telah diluluskan lesen pengilang *bio-diesel* mempunyai penyertaan rakyat asing. Sumber pelaburan asing ini adalah dari negara-negara Italy, Australia, Amerika Syarikat, Singapura, Indonesia, India, Taiwan, Kanada dan Jepun. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kementerian ini komited dalam usaha memajukan sektor komoditi getah.

Untuk makluman Yang Berhormat keluasan tanaman getah sekarang yang meliputi seluas 1.25 juta hektar adalah memadai. Kerajaan tidak berhasrat untuk menambah keluasan tanaman getah kecuali sebagai ladang hutan, tetapi komited untuk mempertingkatkan pengeluaran melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan pengurusan. Kerajaan mempunyai Program Tanam Semula Getah dengan sasaran keluasan 20,000 hektar setahun. Tujuan tanaman semula ini adalah bagi menggantikan pokok-pokok tua yang kurang produktif dengan klon latex balak dengan izin, *latex timber clone* agar pengeluaran getah dapat ditingkatkan dalam jangka panjang.

Penggunaan LTC untuk penanaman semula getah juga berpotensi menjadi sumber kayu bagi industri perabot pada masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya tegaskan bahawa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah mengambil maklum akan segala pandangan, ulasan serta saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian saya serta agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dan sesuai. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

4.04 ptg.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian dalam membahaskan Usul Menjunjung

Kasih Ke Atas Titah Diraja. Penghargaan saya ditujukan khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin, Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng dan Yang Berhormat Senator Tuan Chua Kim Chuan, kerana telah mengambil berat terhadap kepentingan rakyat dan menyentuh isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan berkaitan dengan kenaikan barangan berikutan kenaikan harga bahan api telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Senator Tuan Chua Kim Chuan dan Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir seperti, adakah kajian awal dilakukan ke atas kesan kenaikan harga bahan api terhadap kualiti hidup rakyat, impak terhadap harga barangan peniaga yang mengambil kesempatan berikutan dengan kenaikan harga bahan api. Sejauh mana kawalan terhadap harga barangan dan tindakan terhadap peniaga kecil dan besar. Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat kajian yang dilakukan terhadap kesan kenaikan harga bahan api ini terhadap kualiti hidup rakyat.

Suatu kajian mengenai impak kenaikan harga bahan petroleum sebanyak 30 sen seliter ke atas industri makanan, pengangkutan dan perbelanjaan isi rumah telah dilaksanakan oleh kementerian ini. Berdasarkan kajian tersebut, kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter, LPG sebanyak 30 sen sekilogram berkuat kuasa mulai 28.2.2006 adalah minimum dan sewajarnya tidak memberi kesan kepada harga barang-barang lain khususnya barang-barang makanan. Ini kerana purata kos penggunaan bahan api dalam industri makanan hanyalah 1.5% dari jumlah perbelanjaan keseluruhannya.

Kajian ini meliputi 36 jenis industri berasaskan makanan yang didapati bahawa komponen kegunaan bahan api adalah berbeza mengikut industri, misalnya industri pengilangan tepung gandum mencatatkan perbelanjaan terendah iaitu 0.1% daripada keseluruhan perbelanjaan. Manakala industri pembuatan glukosa dan sirap glukosa mencatat kadar yang tertinggi iaitu sebanyak 5.1%. Namun begitu, dengan sikap sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil untung sewenangnyanya harga barangan dimanipulasi dengan alasan berlaku kenaikan kos yang berbangkit daripada kenaikan harga bahan api. Kementerian maklum tentang kegiatan seumpama ini dan telah menjalankan pemeriksaan yang konsisten bagi membanteras amalan tidak beretika ini.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai daripada Jabatan Penguat Kuasa telah pun menjalankan pemeriksaan di atas 222,537 tempat jualan termasuk juga *hypermarket*, *supermarket*, kedai-kedai runcit, pasar malam dan lain-lain dan telah memperoleh sebanyak 507 kes. Nilai rampasan daripada kes-kes ini adalah sebanyak RM242,323.88 dan kompaun yang telah dikenakan setakat ini adalah RM56,350. Sebanyak 120 peniaga telah dikesan menaikkan harga barang-barang dan 87 telah diberi amaran dan mereka pun telah menurunkan harga barang-barang itu dan 20 telah dikenakan tindakan. Sebanyak 463 peniaga tidak letak tanda harga dan memang kita mengambil tindakan kerana meletakkan tanda harga adalah diwajibkan kerana orang ramai dan khasnya pengguna dapat tahu, apakah harga barang-barang bagi barang-barang tertentu. Isu....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tadi Yang Berhormat telah mengatakan kompaun dan tindakan telah diambil kepada peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga besar. Bolehkah Yang Berhormat bagi tahu jumlah yang dikenakan kepada peniaga-peniaga kecil dan juga peniaga-peniaga *hypermarket* dan kompleks-kompleks besar? Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, setiap tindakan yang diambil adalah atas kenaikan harga. Ada juga *hypermarket* di mana kita dapat berat barang yang dijual. Misalnya sebut 1 kilogram tapi tandanya tidak begitu jelas. Dia hanya ada 800 gram barang di situ. Ini kita mengambil tindakan kerana tidak ada tanda yang betul dan cara ini boleh menipu pengguna. Jadi apa masalah yang berlaku ataupun kegiatan yang berlaku adalah

serupa. Di sini tidak ada penyelewengan ataupun tidak *holding* dan lain-lain. Kebiasaannya *hypermarket* dan *supermarket* tidak menjual lebih daripada harga yang telah ditetapkan. Mereka mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Apa yang kita dapati tidak ada tanda harga ataupun barang-barang yang letak hanya 800 gram tetapi orang apabila melihat satu bungkusan pengguna boleh fikir ini adalah 1 kilogram. Jadi kita pernah mengambil tindakan supaya ini tidak berulang lagi. Kalau ada 800 gram ianya perlu ditulis dengan tulisan besar supaya orang ramai dapat melihat yang itu adalah 800 gram dan bukan satu kilogram.

Tuan Yang di-Pertua, isu tiada kenaikan harga minyak hingga akhir tahun ini. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng meminta kerajaan mengekalkan janji supaya tiada kenaikan harga minyak sehingga akhir tahun ini walaupun terdapat kenaikan harga minyak dunia sehingga USD75 satu tong. Memang ini adalah satu perjanjian yang telah diberi oleh Perdana Menteri sendiri dan kita memberi jaminan bahawa walaupun naik USD100 tidak akan naik harga sehingga akhir tahun ini dan Yang Berhormat juga perlu sedar bahawa barangkali minyak yang kita ada dalam negara ini hanya akan ada selama 10 kah, 12 kah hingga 15 tahun lagi. Selepas itu kita akan jadi pengimport yang sama seperti negara India dan China. Pada masa itu kita tidak tahu berapakah harga minyak tetapi kita perlu sedar kerajaan tidak boleh terus memberi subsidi. Satu masa kita mesti menjual pada harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lee Chong Meng mencadangkan supaya stesen minyak bagi menjual NGV ditambah khusus untuk keperluan teksi berikutan kenaikan harga petroleum di mana harga runcit NGV adalah lebih murah berbanding dengan harga petrol dan diesel. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah memutuskan supaya Petronas mempercepatkan pembinaan 200 buah stesen minyak yang mempunyai kemudahan NGV di seluruh negara. Kementerian telah mengeluarkan surat arahan kepada Petronas untuk perkara tersebut. Pada masa ini 46 buah stesen NGV telah siap dibina. 10 lagi dalam pembinaan dan 20 buah lagi dalam proses untuk dibina setelah proses dokumentasi siap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, dan Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah mengemukakan masalah-masalah yang timbul yang menyebabkan negara kekurangan bekalan gula terutama di negeri-negeri sebelah utara. Kementerian juga disyorkan bagi membenarkan mengimport gula bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita tidak ada masalah berkaitan dengan gula kerana kita ada cukup gula dalam pasaran. Kita menghasilkan lebih 100,000 matrik tan gula dalam satu bulan. Jadi ini mencukupi untuk pasaran. Jadi apa yang berlaku adalah *artificial shortage* dengan izin, kerana ada orang apabila tahu gula tidak mencukupi mereka hendak beli dua kilogram dia beli 10 kilogram. Kalau beli lebih macam ini memang akan menyebabkan kekurangan gula.

Satu lagi yang kita dapat tahu adalah kerana harga gula di kawasan jiran-jiran kita khasnya sebelah Thailand dan sebelah Indonesia di mana harga gula adalah lebih tinggi. Jadi ada ramai yang selalu ulang-alik. Kalau tiap-tiap kali bila ulang-alik bawa lima kilogram atau 10 kilogram gula begitu gula akan pergi ke sebelah kawasan Thailand dan lain-lain tempat. Jadi penguat kuasa dan juga kastam sedang mengambil tindakan untuk mengatasi masalah dan kementerian saya memberi jaminan bahawa setakat ini tidak ada masalah berkaitan dengan gula kerana gula yang ada dalam pasaran adalah mencukupi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat mohon laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi. Memang kalau Yang Berhormat kata tidak ada kekurangan gula tapi yang mengejutkan kita adalah kenyataan daripada menteri sendiri mengatakan bahawa beliau sendiri terkejut atas kekurangan gula di Perlis dan di Kedah, padahal Perlis dan Kedah adalah negeri yang mengeluarkan gula. Jadi kalau kementerian kata tidak ada lain kali jangan bagi rakyat terkejut dengan kenyataan menteri. Menteri hendak buat kenyataan buat yang betul-betul. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang berlaku di sebelah *border* sahaja Perlis, Kedah dan Kelantan kerana ini adalah satu tempat di mana senang mereka dapat bawa gula ke sebelah sana. Sebab itu menteri terkejut bila diberitahu tidak cukup gula kerana cukup gula dalam pasaran. Kita sentiasa ada perbincangan dengan pengeluar-pengeluar gula dan tidak ada masalah tetapi penguat kuasa dan juga kastam ambil tindakan supaya kita tidak membenarkan orang kita ataupun orang luar membawa gula. Kita menahan seperti diesel, kita juga tahan pembawaan gula kepada negeri lain.

Isu sukarelawan, pemantauan harga. Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyatakan kewujudan sukarelawan pemantauan harga dilihat sebagai "melepas batuk di tangga". Ini kerana mereka tidak mempunyai apa-apa kuasa dan tidak ada undang-undang yang boleh mereka kuatkuasakan. Ini memang benar Tuan Yang di-Pertua kerana mana-mana badan sukarela tidak ada kuasa undang-undang untuk menahan ataupun mengambil tindakan tetapi mereka memang membantu kerajaan dengan memberitahu kepada jabatan-jabatan penguat kuasa di manakah masalahnya supaya kita mengambil tindakan. Dalam satu bulan kadang-kadang ada sebanyak 3,000 aduan. Aduan panggilan melalui SMS ataupun *hotline* dan lain-lain dan di mana pegawai-pegawai akan mengkaji apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai.

Ini juga adalah daripada *price watch group* dan kementerian saya juga mencadangkan supaya kita ada satu badan baru yang dipanggil rakan pengguna. Maksudnya di tiap-tiap tempat kita ada rakan pengguna, kita menggunakan badan-badan sukarela seperti Puspanita dan kita juga telah mengadakan beberapa kursus dan lain-lain supaya mereka boleh bantu kerajaan dan tindakan hanya boleh diambil oleh pegawai-pegawai penguat kuasa mengikut undang-undang jika ada penyelewengan yang berlaku dalam pasaran dalam perkara ini. Kementerian saya akan terus mengendali isu ini.

Isu jualan murah. Yang Berhormat senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mempersoalkan sama ada pihak kementerian pasti bahawa peniaga-peniaga betul-betul membuat jualan murah ketika tempoh jualan murah diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memastikan peniaga-peniaga mematuhi peraturan-peraturan perdagangan harga jualan murah. Sebenarnya apabila seorang memohon untuk menjual barang-barang sebagai jualan murah mereka mesti memberitahu kepada kementerian. Apabila mendapat kebenaran pegawai-pegawai boleh memeriksa dan enam bulan sebelum ada jualan murah kita akan memeriksa barang-barang mereka. Misalnya kalau enam bulan sebelum itu harganya RM20. Kalau dia ada jualan murah mesti kurang daripada RM20 itu. Kalau tidak kita akan mengambil tindakan. Kalau enam bulan sebelum itu harganya RM20 dia tulis jualan murah dia letak RM30 potong RM5 jual RM25 ini menipu orang ramai dan kita akan mengambil tindakan dan kita telah mengambil tindakan mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Mac 2006 terdapat 94 kes berkaitan dengan jualan murah dan telah merampas barang-barang bernilai RM97,858.24 dan ini kita akan meneruskan. Kalau jualan murah ianya mesti benar-benar jualan murah.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyatakan rampasan CD/VCD cetak rompak yang hanya melibatkan syarikat-syarikat kecil menyebabkan usaha memerangi pengedaran CD/VCD cetak rompak tiada kesudahannya. Beliau meminta justifikasi kementerian mengenai keadaan ini dan bilakah isu ini akan berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, sampai kita ada orang hendak beli VCD CD haram susah hendak hapuskan perkara ini. Di mana-mana negara sahaja, ada pengeluar-pengeluar filem daripada Amerika Syarikat datang ke negara kita tanya tentang hal ini dia kata kualiti produk kita yang haram itu pun cukup baik. Jadi kata ada eksport ke Amerika Syarikat jadi saya tanya beliau juga mengapa orang Amerika juga beli produk haram? Bila tahu produk haram tidak boleh beli, kita menasihati orang ramai kita jangan beli produk haram begitu juga di Amerika Syarikat. Jadi ini adalah keadaan di mana sahaja negara kalau ada orang sanggup beli barang haram ianya akan berlaku tetapi kita akan terus mengambil tindakan.

Kita tidak mengambil tindakan atas orang-orang kecil sahaja, kilang juga sebanyak tujuh kilang kita sudah mengambil tindakan dan kita merampas mesin-mesin yang mereka ada. Mesin-mesin itu berjuta-juta ringgit dan mereka juga membawa penguat kuasa ke

mahkamah supaya memberi balik mesin itu, biar mahkamah buat keputusan. Kita juga mahu mengadakan satu mahkamah harta intelek supaya kes-kes ini boleh dipercepatkan. Apabila orang nampak ada tindakan yang tegas baru perkara ini boleh dielakkan kerana pada masa ini kalau kita pergi ke satu kes CD VCD ke mahkamah barangkali ambil masa tiga empat tahun kerana ini bukan kes utama, bukan kes yang begitu penting kerana kes-kes lain yang lebih penting ada. Jadi kita sedang dalam usaha untuk mengadakan satu mahkamah *intellectual property* dengan cara itu, ini Yang Berhormat Senator Jins Shamsudin punya topik.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang pengetahuan kita CD cetak rompak ini memang berterusan semenjak beberapa tahun yang lalu. Sehingga hari ini pun masih lagi terdapat VCD cetak rompak atau CD cetak rompak ini terutama sekali filem-filem tempatan. Apakah tindakan kementerian, ada tangkapan, dan telah pun dibawa ke mahkamah tetapi kes-kes ini seperti mana kata Yang Berhormat tadi masih lagi belum selesai.

Pertama sekali di manakah peralatan-peralatan yang dirampas itu disimpan? Kedua, apakah tindakan kementerian supaya perkara ini dapat kita basmi sepenuhnya supaya tidak ada lagi cetak rompak di negara kita. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang benar ini adalah satu masalah yang besar yang saya sebut tadi di mana kita perlu bantuan daripada semua pengguna tetapi kementerian juga mengambil beberapa tindakan. Kita juga telah ada lebih banyak pegawai penguat kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan dan kita juga telah mengadakan satu kumpulan perisik supaya mereka boleh pergi *underground*, masuk dalam tempat-tempat yang mencetak supaya kita dapat tahu apakah dan di mana ianya dicetak untuk kita mengambil tindakan. Dengan cara itulah baru tahun ini kita telah pun dapat peluang untuk mengambil tindakan atas dua kilang.

Dua kilang ini telah menghasilkan nilai rampasan sebanyak RM44 juta, bagi tempoh yang sama juga kementerian telah mengambil tindakan terhadap tujuh buah kilang cakera optik yang membabitkan nilai rampasan sebanyak RM44 juta dan mulai 1 hari bulan Januari 2006 hingga 14 Mei 2006, bagi tempoh tersebut sebanyak 9,063 pemeriksaan telah dijalankan yang menghasilkan 1216 kes dengan rampasan bernilai RM55,450,000 dan ini akan diteruskan dengan bantuan beberapa agensi kastam, polis dan lain-lain perkara ini akan diteruskan sehingga kita boleh mengurangkan masalah ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng mencadangkan supaya langkah lebih tegas perlu diambil bagi membendung perkara berkaitan dengan kenaikan harga barang-barang pada musim perayaan.

Memang kerajaan mengambil tindakan khasnya kementerian saya, kita mengadakan mesyuarat dengan semua pengeluar, pengedar, peruncit, persatuan-persatuan masa perayaan-perayaan dan sebanyak 25 jenis barang dikawal. Barang-barang yang biasa digunakan untuk sesuatu perayaan seperti hari hari raya, hari besar Cina, Deepavali dan lain-lain supaya barang-barang ini boleh dibeli dengan harga berpatutan. Apa yang kita dapat semasa Deepavali dan Hari Raya kita letakkan harga RM4.00 bagi tomato. Jadi pada masa itu harga naik sampai RM7 tetapi hari ini pula turun hingga RM2.80. Ini adalah harga pasaran kerana ada banyak buah tomato. Pada musim perayaan semua hendak beli harga terus melambung naik dan kita kawal.

Saya ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng yang prihatin dan kita juga mengawal 12 jenis barang sepenuh tahun khasnya enam daripadanya adalah barang-barang makanan iaitu gula, tepung gandum, susu pekat manis, roti, ayam dan minyak masak. Jadi barang-barang ini akan terus dikawal dan jika mereka perlu menaikkan harga barang-barang ini mereka perlu dapat kebenaran daripada kementerian saya sebelum mereka boleh menaikkan harga barang-barang itu. Isu daging yang diimport dari negeri China, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyentuh tentang keraguannya kehalalan daging yang diimport dari China.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM, mengiktiraf

rumah-rumah penyembelihan di luar negara yang memenuhi syarat-syarat penyembelihan haiwan mengikut hukum syarak dan ini termasuklah empat rumah penyembelihan di negara China. Kementerian menjalankan siasatan jika ada aduan tentang keraguan status halal daging yang diimport. Namun begitu memandangkan autoriti bagi menentukan kehalalan terletak kepada JAKIM pihak berkenaan juga perlu dirujuk bagi tujuan pengesahan. Dalam hubungan ini sukacita saya maklumkan bahawa agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sentiasa bekerjasama dalam membuat pemantauan kehalalan makanan.

Isu penyelewengan diesel bersubsidi terutamanya di stesen minyak yang terletak di sempadan. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng menyatakan terdapat beberapa stesen minyak ditutup ekoran perkara ini. Beliau berpendapat tindakan tegas termasuk tindakan mahkamah perlu dikenakan terhadap mereka yang melakukan penyelewengan ini.

Memang kementerian saya sentiasa mengambil tindakan tentang perkara ini mulai 1/1/2005 hingga 31/1/2005. Terdapat sebanyak 679 kes. Daripada itu nilai rampasan maknanya rampasan minyak dan juga lori adalah hampir RM16.6 juta dan nilai kompaun adalah RM915,000. Tahun ini sahaja mulai 1/1/2006 hingga 15/5/2006, kita dapat sebanyak 168 kes dan jumlah rampasan adalah RM5.6 juta dan jumlah kompaun yang telah dikenakan adalah RM184,000 dan juga menteri saya sudah pun mengarahkan supaya beberapa stesen kecil di sempadan ditutup.

Apabila kita melawat kita melihat di situ tidak ada orang ramai tempatan tetapi ada petrol stesen, ini petrol seolah-olah untuk negara lain. Apabila orang masuk sahaja ada stesen yang berdekatan. Jadi stesen-stesen seperti itu kita telah mengarahkan supaya ditutup dan kerajaan juga sedang mengkaji bagaimana kita boleh mengenakan satu bayaran bagi kereta-kereta yang masuk ke negara kita kerana mereka dapat minyak yang murah dan juga mereka menggunakan jalan raya yang begitu selesa.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mencadangkan supaya Dasar Perdagangan Adil dipercepatkan kerana ia turut merangkumi isu pengilangan yang mengelirukan dan pengambilan keuntungan secara berlebihan oleh para peniaga yang semakin berleluasa. Terdapat banyak pengiklanan yang mengelirukan terutamanya di papan tanda, televisyen dan akhbar.

Kementerian bercadang memastikan pengiklanan dilakukan dengan lebih beretika dan tidak mengelirukan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memperkenalkan Undang-undang Amalan Perdagangan Adil pada tahun 2007. Selain daripada mengharamkan amalan anti persaingan seperti cartel pencatutan, penetapan harga dan sebagainya, undang-undang ini akan juga menentukan amalan perdagangan tidak adil seperti iklan yang mengelirukan akan dikawal.

Suruhanjaya yang akan ditubuhkan untuk melaksanakan undang-undang ini akan menjadi *watch dog* dengan izin, bagi pengguna supaya memastikan iklan-iklan tidak mengandungi representasi yang salah. Bagi mengakhiri ucapan menggulung ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberi pandangan ke atas perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara-perkara yang tidak dijawab dengan jelas atau tertinggal, sukacita saya maklumkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan itu akan diambil tindakan oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Titah Ucapan Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kemiskinan merupakan isu yang paling menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membawa persoalan mengenai kemiskinan sifar yang sehingga kini masih belum tercapai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan telah menetapkan sasaran baru bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar. Kerajaan telah menentukan pencapaian kadar kemiskinan kepada 2.85% menjelang 2010 daripada kadar kemiskinan semasa 5.7%. Bagi kadar kemiskinan tegar pula, sekarang ini ialah 1.2% dan Kerajaan bertekad untuk menghapuskan sepenuhnya menjelang tahun 2010. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat..

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, apakah garis panduan tentang kemiskinan ini? Saya nak tahu garis panduan atau kemiskinan? Kita ada bantuan makanan, bantuan rumah, jadi kita nak tahu garis panduan dia. Apa sebenarnya kemiskinan? Kalau nak kira kemiskinan, miskin ini, Ahli Dewan Negara pun miskin juga. Empat bulan tak dapat elaun, kelam-kabut juga. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Saya akan masuk ke bahagian panduan kemiskinan ini sebentar lagi. Pertama, bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Ahmad dan Yang Berhormat Puan Siw Chun, ingin saya memaklumkan bahawa mengikut perangkaan terbaru yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan negara meliputi sebanyak 311,268 isi rumah.

Daripada jumlah ini, kemiskinan di bandar hanyalah 2.5%, meliputi 91,615 isi rumah. Sedangkan kemiskinan di luar bandar, adalah sebanyak 11.9% meliputi 219,653 isi rumah. Manakala bagi kemiskinan tegar, ia meliputi 67,328 isi rumah. Ini terdiri daripada 0.4% kemiskinan tegar bandar meliputi 14,102 isi rumah dan 2.9% kemiskinan luar bandar meliputi 33,226 isi rumah. Pendapatan garis kemiskinan PJK telah disemak semula oleh EPU. Pada tahun 2005, ditetapkan mengikut negeri-negeri. Purata garis kemiskinan ialah RM661.00 sebulan bagi setiap isi rumah bagi Semenanjung, RM765.00 sebulan bagi Sarawak dan RM888.00 sebulan bagi Sabah. Purata garis kemiskinan tegar pula adalah RM398.00 sebulan seisi rumah bagi Semenanjung, RM482.00 bagi Sarawak dan RM503.00 bagi Sabah.

Bagi menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Dato' Musa tadi, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk memaklumkan bahawa pendapatan garis kemiskinan PJK yang dikaji semula di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini mengandungi dua komponen, iaitu:

- (i) PJK makanan; dan
- (ii) PJK bukan makanan.

Bagi PJK makanan, ia adalah digubal setelah mendapat nasihat daripada pakar-pakar pemakanan dan kesihatan iaitu keperluan kalori makanan bagi setiap individu, setiap isi rumah. Dengan kata lain, *a basket of goods* untuk *balance diet*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bagi PJK bukan makanan pula, ia digubal berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar isi rumah 20% terendah yang diperolehi daripada banci perbelanjaan isi rumah atau *household expenditure survey* dengan izin, iaitu seperti berikut ini.

Dibuat mengikut Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, meliputi kawasan luar bandar dan juga bandar. Angka-angka ini digariskan mengikut negeri-negeri seperti kemiskinan biasa, yang paling rendah di Perlis, 587 dan yang paling tinggi sekali 713 di Wilayah Persekutuan. Manakala untuk kemiskinan tegar pula, yang paling rendah sekali adalah 373 di Kuala Lumpur dan yang paling tinggi 469 untuk Terengganu. Ini dibuat mengikut kawasan dan mengikut negeri berdasarkan PJK makanan dan juga PJK bukan makanan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi semua perkiraan itu diasaskan kepada duit, makan dan tempat tinggal?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi tak termasuk miskin ilmu dan miskin budilah.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tidak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu, bertanyakan mengenai jurang pendapatan antara golongan miskin dan golongan kaya yang semakin melebar. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, bahawa jurang pendapatan golongan kaya dan miskin di Malaysia, daripada tahun 1999 ke tahun 2004, hanya melebar sedikit sahaja, iaitu 0.01%. Bahagian ataupun syer pendapatan bagi kategori isi rumah berpendapatan 40% terendah, telah menurun sedikit daripada 14% pada tahun 1999, kepada 13.5% bagi tahun 2004. Manakala isi rumah berpendapatan 20% tertinggi, telah meningkat sedikit daripada 50.5% kepada 51.2% bagi tempoh yang sama. Ini telah menghasilkan angkali kini, iaitu pengukur jurang yang melebar sedikit daripada 0.452 pada tahun 1999 kepada 0.462 pada tahun 2004, iaitu kenaikan 0.01% sahaja.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus melipatgandakan usaha dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi merapatkan jurang ini. Antara perancangan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di luar bandar, ialah memberi tumpuan kepada program-program mempertingkatkan pendapatan. Memberi latihan kemahiran dan kerjaya serta mempertingkatkan kualiti hidup golongan miskin tegar bagi membebaskan golongan miskin dan golongan miskin tegar ini daripada belenggu kemiskinan.

Memberi penekanan kepada negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar yang tinggi. Memberi tumpuan kepada golongan masyarakat orang asli dan kumpulan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak dan melaksanakan program pembasmian kemiskinan dengan menggunakan senarai nama golongan miskin tegar yang terdapat dalam sistem maklumat profil miskin tegar yang telah disediakan dan dikemas kini oleh Kementerian ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin dan Yang Berhormat Puan Siw Chun juga membangkitkan mengenai PPRT. Sangat sukacita saya memaklumkan bahawa program yang dahulunya dikenali sebagai Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau PPRT, kini telah dikenal dengan nama Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat iaitu ditukar konsepnya untuk diperluaskan liputan kumpulan sasaran. Mulai Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian melalui SPKR ini telah melaksanakan 7 program membasmi kemiskinan, iaitu Program Bantuan Rumah atau PBR; Program Tambahan Makanan Seimbang atau PTMS; Program Pembangunan Masyarakat Setempat atau PPMS; Program Latihan dan Pendidikan iaitu PLP; Program Pembangunan Minda Insan ringkasnya PPMI; Program Pembangunan Taska; dan Program Peningkatan Pendapatan atau PPP.

Ianya telah memberi faedah kepada kumpulan sasaran miskin luar bandar. Di bawah tempoh tersebut sebanyak RM596 juta telah dibelanjakan di bawah program SPKR yang telah memberi kesan dan manfaat kepada seramai 414,525 penerima faedah. Sebagai contoh program bantuan rumah melibatkan seramai 21,180 orang peserta yang memberi manfaat kepada 105,000 penerima faedah. Dari segi keberkesananannya, program-program tersebut telah membantu mengurangkan kadar peratusan kadar kemiskinan tegar negara. Sebagai contoh kadar kemiskinan negara pada tahun 1990 adalah 16.5% kini telah dapat dikurangkan kepada 5.7%, manakala kadar kemiskinan tegar negara pada tahun 1990 sebanyak 3.9% kini telah dikurangkan kepada 1.2%.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Yang Berhormat, saya sekadar ingin mengetahui pada masa ini berapa peratuskah kemiskinan tegar bagi Orang-Orang Asli dan

pada pendapat kementerian, adakah Orang-orang Asli pada hari ini sudah mencapai satu tahap yang membanggakan. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus. Persoalan tentang Orang Asli ini saya akan bicarakan di penghujung penggulangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan tentang kawasan-kawasan pedalaman yang belum menikmati bekalan air dan bekalan elektrik yang selesa. Bagi menjawab persoalan ini, ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa berdasarkan kepada statistik terkini, bagi kawasan luar bandar, jumlah keseluruhan rumah yang ada di kawasan luar bandar adalah 1,506,096 juta buah rumah bagi Semenanjung Malaysia dan 282,210 buah rumah di negeri Sabah dan 254,546 ribu buah rumah di negeri Sarawak.

Daripada jumlah tersebut untuk bekalan air luar bandar sejumlah 69,848 buah rumah di kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia atau 5% belum menerima bekalan air bersih sehingga kini. Di negeri Sabah, sejumlah 155,287 buah rumah di kawasan luar bandar atau 55% belum mendapat liputan bekalan air bersih, manakala 145,551 buah rumah di kawasan luar bandar atau 57% di negeri Sarawak belum mendapat liputan. Di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian ini telah diperuntukkan RM1.206 bilion bagi projek bekalan air luar bandar. Dengan peruntukan tersebut kementerian telah merancang pelaksanaan projek di seluruh negara dengan sasaran pencapaian liputan sekurang-kurangnya 99% di Semenanjung dan 90% di Sabah dan Sarawak menjelang tahun 2010.

Bagi bekalan elektrik di luar bandar pula, sejumlah kira-kira 15,000 buah rumah atau 1% daripada keseluruhan rumah di kawasan luar bandar Semenanjung masih belum menerima bekalan elektrik. Bagi negeri Sabah pula jumlahnya adalah 90,350 buah rumah di kawasan luar bandar atau 27% belum menerima bekalan elektrik, manakala 65,800 rumah di kawasan luar bandar negeri Sarawak atau 18% belum menerima bekalan elektrik.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan yang diluluskan bagi program bekalan elektrik luar bandar adalah berjumlah RM1.025 bilion. Dengan jumlah ini kementerian menjangka akan dapat melaksanakan projek untuk mencapai sasaran liputan 100% bagi Semenanjung Malaysia, 80% bagi negeri Sabah dan 90% bagi negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, ...

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam usaha membasmi kemiskinan ini apakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini tidak berhasrat ataupun merancang menyediakan skim khusus seperti TEKUN ataupun Amanah Ikhtiar Malaysia. Dan, saya tahu bahawa kalau diambil contoh Amanah Ikhtiar Malaysia, masalah yang dihadapi oleh Amanah Ikhtiar Malaysia ialah masalah peminjam yang tidak membayar hutang-hutang mereka.

Dan, kalau ikut kajian itu memanglah yang paling liat hendak membayar hutang ini ialah peminjam lelaki berbanding dengan wanita. Saya tidak pasti yang TEKUN. Jadi, kalau begitu mungkin kementerian menyediakan skim ini untuk mengatasi, membasmi kemiskinan ini pinjaman khusus untuk wanita sahaja sebab mereka ini dari segi bayar hutang memang dia ikut masa, ada disiplin sikitlah.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad. Kementerian ini menyediakan satu skim pembiayaan sama seperti TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia yang diuruskan oleh kementerian lain. Saya ingat Kementerian Kewangan tetapi di kementerian kita ada Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, dipanggil SPED. Skim ini cukup menarik iaitu kalau sesiapa yang menjalankan aktiviti ekonomi di desa dan kawasan pedalaman dan aktiviti ini boleh diperkembangkan, kita memberi pinjaman tanpa cagaran berjumlah minimum RM20 ribu dan maksimum sehingga ke RM500 ribu.

Dan, pinjaman ini yang pentingnya ia tidak payah cagaran dan kalau perniagaan itu lebih daripada tiga tahun telah dijalankan ia boleh pinjam sampai RM500 ribu tetapi

kalau perniagaan itu di bawah tiga tahun ia boleh pinjam setakat RM250 ribu. Setakat ini kita telah memberi pinjaman sebanyak RM90 juta daripada RM150 juta yang diperuntukkan, ada baki lebih kurang RM64 juta lagi. Kita tambah RM30 juta menjadikan RM94 juta masih berbaki di bawah kementerian.

Akan tetapi menjawab soalan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad tadi setakat ini yang kita beri pinjaman sebanyak RM90 juta itu, 40% daripada mereka masih tidak mahu membayar balik sama seperti skim-skim lain. Ini amat mendukacitakan kerana kita perlukan wang ini untuk masuk ke tabung dan untuk terus kita *roll* atau kita beri pinjaman-pinjaman baru tetapi sikap mereka yang menerima pinjaman ini, 40% masih belum mahu membayar balik, walaupun satu insentif cukup baik diberi iaitu kalau mereka membayar tiap-tiap bulan tanpa gagal selama tiga tahun berturut-turut untuk tempoh pinjaman itu, mereka tidak payah bayar 100%, mereka cuma bayar 70% sahaja daripada jumlah yang dipinjam.

Dengan kata lain, kalau mereka membayar cukup selesa tiap-tiap bulan kalau dia pinjam RM100 ribu, jumlah yang perlu dibayar balik cuma RM70 ribu sahaja, tetapi ini tidak diambil peluang oleh mereka yang meminjam menyebabkan 40% tidak bayar balik sampai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan membangkitkan persoalan mengenai kaum bumiputera di kawasan pendalaman yang menjalankan aktiviti menghasilkan produk halal. Ingin saya memaklumkan bahawa adalah menjadi hasrat kementerian untuk menjadikan kawasan luar bandar dan pendalaman sebagai hab halal. Mulai tahun 2006, kementerian dengan kerjasama MARDI telah memulakan kursus ke arah penghasilan produk dan makanan halal. Kursus ini akan terus dipertingkatkan dan dimantapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Mulai kursus ini, usahawan luar bandar akan diberi pendedahan mengenai keperluan dan syarat yang ditetapkan bagi mendapatkan persijilan halal, kaedah penyediaan makanan dan tatacara kebersihan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membawa saranan agar kerajaan dapat memberi perhatian bagi menggalakkan rakyat supaya berusaha dalam sektor perusahaan getah. Saranan ini adalah selari dengan hasrat yang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi kita seperti RISDA, memandangkan harga getah yang semakin meningkat dan akan dapat memberi pulangan yang lebih lumayan. Rakyat sentiasa digalakkan untuk terus berusaha dengan gigih dalam sektor perusahaan getah melalui pelaksanaan program-program seperti tanam semula getah ke getah integrasi, kekal selenggara getah dan aktiviti khidmat perkembangan.

Ekoran harga getah yang semakin meningkat pihak kerajaan mendapati ianya sendiri telah mendorong pekebun-pekebun kecil untuk mempertingkatkan torehan pokok getah mereka sehinggakan sukar untuk ditemui lagi kebun-kebun getah yang terbiar dan tidak bertoreh. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, program tanaman semula RISDA dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan membabitkan 10 juta benih pokok setahun.

Dengan kata lain, kita akan tanam semula getah ke getah meliputi kawasan seluas 100 ekar dan kita akan ada bajet sebanyak RM230 juta untuk menanam 10 juta benih pokok setahun dan tanaman semula pula daripada getah ke tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit, kita akan ikhtiarkan di kawasan seluas 95,000 hektar dengan 2 juta benih pokok setahun dengan siling sebanyak RM249 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun ada membangkitkan jurang perbezaan pendidikan di antara bandar dan luar bandar dan ingin menyatakan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang berusaha untuk mempertingkatkan program Tabika Kemas bagi merapatkan jurang perbezaan pendidikan antara bandar dan luar bandar. Justeru itu, kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menyediakan bangunan dan persekitaran yang kondusif untuk kanak-kanak. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kementerian akan membina sebanyak 1,447 buah bangunan Tabika Kemas baru, membaik pulih sebanyak 1,925 bangunan

tabika sedia ada dan menambah peralatan kepada 4,150 kelas tabika dengan peruntukan berjumlah RM480 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan;

- (ii) meningkatkan kualiti guru. Mulai tahun 2006 ini, kementerian akan meningkatkan tahap profesionalisme guru Tabika Kemas dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Malaya melalui Program Diploma Perguruan Malaysia yang akan dihadiri oleh 6,845 orang guru tabika yang akan dilatih di Maktab-maktab Perguruan untuk kursus selama 3 tahun, 9 bulan dan tidak akan mengganggu pelajaran di tabika kerana mereka akan berkursus dan mengambil diploma ini di masa cuti sekolah;
- (iii) mewujudkan Skim Perkhidmatan Guru Kemas yang dalam proses perundingan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan Skim Perkhidmatan Guru Tabika Kemas secara tetap berbanding dengan skim kontrak yang ada sekarang ini; dan
- (iv) mempertingkatkan kualiti pengajaran dan meningkatkan pembelajaran serta mempertingkatkan kadar bantuan makanan tambahan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, mulai tahun 2006, kementerian telah diluluskan kadar bantuan makanan tambahan daripada 60 sen kepada RM1.50 sehari bagi seorang kanak-kanak di tabika. Jadi mereka akan dapat pemakanan yang lebih sempurna dan anak-anak kita di tabika akan bertambah sihat dan segar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu telah membawa persoalan supaya diaktifkan semula Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli iaitu MPKPMOA. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis penasihat tersebut masih aktif dan sentiasa berusaha untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Ia bertindak sebagai badan yang memberi pandangan dan nasihat mengenai hala tuju pembangunan Orang Asli, mengenal pasti kaedah untuk mengatasi masalah masyarakat Orang Asli. Menyelaraskan jalan penyelesaian ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh media massa dari masa ke semasa dan menangkis tanggapan negatif terhadap agensi pelaksana. Majlis penasihat ini dianggotai oleh ahli-ahli yang terdiri daripada individu di kalangan Orang Asli, Pertubuhan Bukan Kerajaan, ahli akademik, pemimpin politik dan jabatan kerajaan. Mulai tahun ini, MPKPMOA ini akan bersidang dua kali setahun.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa komited dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan kehidupan masyarakat Orang Asli yang pelbagai aspek termasuklah pendidikan, kesihatan, pembangunan ekonomi dan sosial. Untuk itu, agenda utama kita adalah terhadap usaha membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asli. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kementerian akan melaksanakan lima program khusus untuk masyarakat Orang Asli iaitu:

- Program Penempatan Tersusun.
- Program Pembangunan Ekonomi.
- Program Pembangunan Sosial.
- Program Pembangunan Manusia dan Minda.
- Program Bantuan Rumah (PPR).

Di samping itu, program-program pembangunan yang sedia ada akan terus dipertingkatkan dan dipermantapkan lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan bagi memastikan pembangunan masyarakat Orang Asli akan terjamin dan terus terbela.

Menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul tadi tentang kemiskinan Orang Asli, saya akan menjawab secara bertulis kerana tidak terdapat angka yang tepat di sini. Saya tidak mahu *mislead the House*, dengan izin, tetapi dapatlah saya nyatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita ada peruntukan sebanyak RM362....

Tuan Ismail bin Kassim: Minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Saya habiskan sekejap, ya? Kita ada peruntukan sebanyak RM362.6 juta yang disediakan untuk masyarakat Orang Asli yang berjumlah 149,733 orang. Dengan kata lain, hampir 150,000 orang ini disediakan peruntukan sebanyak RM362 juta. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas laluan yang diberikan kepada saya. Soalan saya pendek sahaja. Apakah faktor-faktor yang dikenal pasti oleh pihak kementerian yang menyebabkan kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli ini masih lagi besar, terutama kemiskinan tegar ini, sedangkan peruntukan besar telah pun diberi oleh pihak kerajaan. Dalam RMK-8 lebih daripada RM300 juta yang melibatkan infrastruktur pendidikan dan ekonomi.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Yang Berhormat, kalau boleh ulang Yang Berhormat. Saya tidak dapat tepat.

Tuan Ismail bin Kassim: Faktor yang dikenal pasti yang menyebabkan kemiskinan besar di kalangan Orang Asli, terutamanya kemiskinan tegar.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Yang Berhormat. Daripada pengamatan kementerian, kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli ini adalah kadang-kadang ketidakupayaan mereka untuk berpindah dari kawasan yang begitu jauh di pedalaman dan tidak dapat dikumpulkan mereka supaya dapat diraih matlamat kita menyediakan ekonomi tambahan kepada mereka di kawasan yang kita rancang daripada kawasan yang terpisah jauh daripada pembangunan dan agak sukar untuk dibawa mereka ke arus pembangunan sekiranya kawasan itu berpecah-pecah di tempat-tempat yang jauh.

Izinkan saya untuk melihat ada satu *figure* yang ada dalam fail saya ini untuk tahun 2004 sahaja Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemiskinan Orang Asli adalah 81 peratus. Daripada jumlah tersebut, miskin tegarnya adalah 58 peratus iaitu 18,804 keluarga adalah miskin tegar daripada 30,804 keluarga yang ada di kalangan masyarakat Orang Asli. Angka ini adalah angka yang sungguh membimbangkan, suatu yang cukup *worrying*, dengan kata lain, dan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kementerian akan terus mempertingkatkan usaha-usaha seperti yang saya sebut tadi untuk memastikan masyarakat Orang Asli ini akan terus terbela dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya merakamkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang baru, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana pelantikannya daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negara dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat peruntukan yang besar yang telah diberikan sebanyak RM366 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sudah tentu dijangkakan dapat merubah statistik kemiskinan tegar di kalangan Orang Asli tetapi untuk rujukan kita, bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga, melalui kementerian-kementerian yang lalu, kalau kita tinjau, RMK-8, kita telah mendapat peruntukan hampir RM340 juta. Dalam RMK-7, RMK-6 dan RMK-5 mungkin hampir RM1 bilion, tetapi saya melihat, apakah peruntukan yang besar ini tidak dapat mengubah kemiskinan tegar. Apakah punca-punca yang kita kenal pasti ini tidak dapat menganjak cara kita bekerja, ataupun bagaimana kita mengalih pandangan bahawa ekonomi adalah merupakan satu usaha untuk mengubah kemiskinan ini.

Contohnya tanah, apakah dasar tanah yang ada diberikan kepada Orang Asli tidak dapat diwujudkan iaitu pemberian hak milik. Umpamanya kalau kita wujudkan FELDA. Banyak kali saya menyarankan mewujudkan pengurusan tanah Orang Asli cara ala FELDA dan boleh diuruskan macam mana hendak mendapatkan hak milik tanah supaya Orang Asli yang jauh di pedalaman yang kita sudah kenal pasti bertahun-tahun lama, kenapa tidak dapat dikumpulkan, menyediakan satu infrastruktur yang cukup lengkap kita sediakan.

Macam FELDA juga, sediakan tanah, pembangunannya disediakan, rumahnya disediakan, air dan elektriknya disediakan, balai raya disediakan, masjid disediakan, malah sekolah yang begitu cantik disediakan, sekolah rendah dan sekolah menengah boleh dibuat tetapi kenapa ini menjadi halangan besar kepada kerajaan dan juga melalui kementerian ini tidak dapat melaksanakan aktiviti yang boleh mengubah kemiskinan tegar ini.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu. Kementerian cukup serius untuk cuba menyelesaikan masalah yang wujud di kalangan masyarakat Orang Asli ini, seperti yang Yang Berhormat tahu MPKPMOA yang pada tahun 2005 kita tidak ada sebarang mesyuarat, tetapi pada tahun 2006 ini kita telah ada mesyuarat pertama yang Yang Berhormat sendiri hadir pada bulan Mac yang lepas dan mesyuarat kedua kita akan buat pada bulan September ini.

Kita serius dan kita ingin memastikan bahawa peruntukan RM362 juta ini akan dapat dibelanjakan dengan sebaik mungkin dengan cukup berkesan dan efektif, tidak seperti apa yang kita belanjakan RM340 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang masih belum dapat mengubah masyarakat Orang Asli daripada kepompong kemiskinan tegar, dan kita akan terus berusaha supaya program-program yang kita buat sebelum ini seperti Penyusunan Semula Kampung (PSK), penggunaan ekonomi pertanian secara ladang, Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Perkembangan dan Pembangunan Minda, Program Kesihatan, pendidikan dan latihan kemahiran serta bantuan usahawan dan perniagaan akan dapat kita peringkatkan.

Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat, sama-samalah kita harap Yang Berhormat dapat beri pertolongan kepada kita melalui MPKPMOA ini dengan ahli-ahlinya supaya kita dapat memberi penekanan yang lebih baik untuk memastikan bahawa masyarakat Orang Asli tidak akan terus ketinggalan arus pembangunan. Walau bagaimanapun saya merasai bahawa sikap dan juga modal insan yang kita ada kalau kita peringkatkan melalui pembelajaran dari masa ke semasa, generasi ke generasi, mereka akan dapat berubah dan kita akan dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan tegar dan juga kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah cabaran yang serupa dihadapi oleh negara-negara seperti Australia dan Brazil?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, banyak negara seperti Australia dan juga Kanada yang langsung tidak mengiktiraf kewujudan masyarakat peribumi mereka ataupun primitif tetapi kita, Orang Asli di Malaysia kita bagi satu tumpuan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini akan merasa gagal dan kita akan merasa cukup kecewa kalau kita tidak dapat mempertingkatkan taraf hidup Orang Asli yang berada di pedalaman ke tahap yang boleh kita banggakan, membawa mereka ke arus pembangunan dan mengeluarkan mereka daripada terus berada dalam keadaan kemiskinan yang begitu menghimpit kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan akhir dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid yang mencadangkan untuk menamakan bangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di Putrajaya dengan nama Tun Abdul Ghafar Baba sebagai memperingati jasa Allahyarham. Kementerian ini amat menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh Allahyarham Yang Berbahagia Tun Abdul Ghafar Baba, khususnya dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat luar bandar. Justeru itu kementerian menyokong hasrat dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dan menyerahkan kepada kepimpinan negara ataupun Kabinet untuk mengimbangkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan saya terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai kemajuan luar

bandar dan wilayah. Saya berharap ianya memuaskan hati dan menyenangkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

5.04 ptg.

Timbalan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkit beberapa perkara berkaitan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia, kementerian telah merangka semula dasar dan perancangan strategik ke arah memantapkan lagi usaha-usaha pembangunan usahawan dan koperasi bagi merealisasikan matlamat untuk mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang mapan dan berdaya saing mulai tahun 2006. Ke arah ini, MECD telah menetapkan strategi teras dengan:

- (i) memberi tumpuan kepada pembudayaan keusahawanan;
- (ii) memperluaskan peluang-peluang perniagaan;
- (iii) memperhebatkan kegiatan promosi dan pemasaran; serta
- (iv) meningkatkan penglibatan koperasi dalam arus pembangunan negara.

Sehubungan dengan itu, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Diraja adalah berkaitan dengan usaha dan strategi MECD untuk membangunkan usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin telah menyentuh mengenai Koperasi Bersatu Tenaga Berhad. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara berkaitan telah pun selesai dan koperasi berkenaan telah diluluskan perluasan operasi ke seluruh negara dan permohonan pinjaman kewangan daripada institusi kewangan juga telah kita luluskan, manakala aktiviti-aktiviti kredit koperasi kepada anggota-anggotanya juga telah dilaksanakan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyokong usaha-usaha pemasaran produk-produk halal seperti penganjuran MIHAS 2006 yang telah berlangsung pada 10 hingga 14 Mei 2006, di mana MECD turut terlibat sebagai penganjur bersama dengan penglibatan 100 usahawan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan dari saya berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Semua pandangan dan cadangan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian. Bagi mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab pada hari ini, kementerian akan tetap memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua...

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: ...Hendak tanya soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak minta dijelaskan mengapa Yang Berhormat hendak duduk.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Ya, sebelum duduk saya minta beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Difahamkan Kementerian mempunyai banyak peruntukan terutama pinjaman-pinjaman untuk usahawan. Peruntukan-peruntukan ini disimpan di dalam bank-bank perdagangan ataupun satu bank baru, bank SME. Yang menjadi masalah sekarang ini ialah hendak mendapatkan pinjaman ini amatlah susah kerana, pertama sekali terlalu banyak prosedur, *red tape* dan pegawai-pegawai bank ini tidak begitu ikhlas untuk memberi pinjaman kepada usahawan. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat, apakah cara yang boleh untuk dipermudahkan bagi usahawan-usahawan ini untuk mendapat pinjaman? Terima kasih.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya tanya sekali gus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Jika saya kuat kuasa Peraturan Mesyuarat dengan ketat, perkara ini sebenarnya perkara baru, apa yang didefinisikan di bawah Peraturan Mesyuarat, isu baru, perkara baru, maka tidak boleh saya benarkan. Namun demi memelihara silaturahim, saya jemputlah Yang Berhormat untuk mempertimbangkannya sama ada hendak beri penjelasan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Boleh saya tambah sedikit, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, teruskan.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Pertama saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas baru-baru ini ada membuat satu kerjasama dengan pihak NGO di PTWC bersama dengan usahawan wanita satu Malaysia dan kita lihat program ini amat berjaya sekali untuk semua wanita yang berniaga. Sebagai seorang timbalan menteri wanita, tidakkah Kementerian ada terlintas untuk membuka satu tabung khas ataupun dana khas untuk wanita bagi membolehkan usahawan-usahawan wanita ini mendapat modal untuk memulakan perniagaan mereka, kerana saya lihat mereka ini semua berpotensi tetapi mendapatkan modal adalah amat susah.

Jadi sebagaimana yang disebut oleh rakan saya tadi iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Haji Puad bahawa wanita ini dia terkenal dengan suka membayar hutang, *a very good paymaster*, dengan izin. Jadi apakah tidak boleh diwujudkan satu tabung khas ataupun dana untuk membantu usahawan-usahawan wanita yang hendak memulakan perniagaan ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi saya benarkan dua perkara baru ini dijawab oleh Yang Berhormat. Selepas itu, saya tidak benarkan sesiapa lagilah. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kedua-dua soalan ini merupakan satu soalan yang amat baik sekali dan saya kira kalau soalan ini dibawa dalam perbincangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah lebih baik supaya dapat kita sama-sama berbincang ianya secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua: Bijak Yang Berhormat menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, ya. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Kepada soalan Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati, sebenarnya memang Kementerian bersedia untuk mewujudkan satu dana khas bagi membolehkan laluan wanita untuk membuat pinjaman dengan mudah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pengajian Tinggi.

5.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Titah Diraja yang telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian setakat ini.

Sehubungan dengan ini, saya memberikan maklum balas ke atas isu, cadangan dan saranan baik yang telah diutarakan terutama sekali kepada perkara yang khusus. Mengenai keperluan untuk merombak semula kurikulum sedia ada supaya graduan sanggup menghadapi proses globalisasi dan *job market* dengan izin, seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong, maka saya ingin menjelaskan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang mahir supaya IPT dapat menjadi pakar rujuk dan bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara.

Beberapa langkah telah dan sedang diambil bagi mencapai hasrat ini yang di antaranya termasuklah:

- (i) menggubal dan mengemas kini serta menambah baik kurikulum dari masa ke semasa berdasarkan keperluan semasa dan jangka panjang bagi setiap tiga ke lima tahun dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti industri dan pengusaha-pengusaha daripada IPT;
- (ii) mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran bagi program-program sains dan teknologi termasuk program-program pengajian kritikal seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan, undang-undang dan ICT;
- (iii) memperkasakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan pengkomersialan seperti dalam bidang bioteknologi supaya universiti dapat menghasilkan ramai tenaga penyelidik untuk pembangunan negara. Universiti yang terlibat dalam bidang bioteknologi antaranya ialah UKM, UNiMAS, KUSTEM dan KUKTEM;
- (iv) menerapkan *source skill* dengan izin, seperti ilmu-ilmu keusahawanan, program-program jati diri, program-program ketahanan mental dan fizikal sebagai pelengkap bagi program-program pengajian kemahiran di samping memantapkan program kepimpinan di kalangan mahasiswa;
- (v) mempertingkatkan kursus kemahiran di Politeknik dan Kolej Komuniti di samping memperkenalkan kursus-kursus kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran negara; dan
- (vi) meneruskan program latihan praktikal atau *internship* industri bagi tempoh tiga ke enam bulan. Bagi pelajar IPTS, tempoh maksimum adalah enam bulan yang dilaksanakan berdasarkan keperluan bidang pengajian. Biasanya tempoh *internship* bagi pelajar teknikal termasuk pelajar Politeknik adalah empat ke enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengajian sepanjang hayat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, telah mencadangkan agar pihak kerajaan memberi galakan dalam bentuk bantuan kewangan atau cuti dan sebagainya kepada calon yang berminat bagi menyambung pelajaran di bawah program ini. Maka, suka saya memaklumkan bahawa pengajian sepanjang hayat adalah merupakan pendidikan berterusan yang diamalkan dan dilaksanakan di peringkat IPTA, di peringkat IPTS dan yang penting di peringkat kolej komuniti sebagai hab pengajian tinggi. Melalui pendekatan pendidikan jarak jauh, pendidikan fleksibel, pengiktirafan pengalaman kerja dan penawaran kursus pendek yang bertujuan untuk memenuhi keperluan individu dan guna tenaga, mewujudkan warga negara yang aktif dan menyamatarafkan sosial.

Di antara langkah yang diambil untuk menggalak pengajian sepanjang hayat adalah termasuk:

- (i) membangunkan sistem bank kredit akademik untuk membolehkan pengumpulan, pemindahan dan pengecualian kredit bagi tujuan pengiktirafan serta mempermudah proses pemberian persijilan;

- (ii) memperuntukkan 10% tempat yang ditawarkan oleh IPTA untuk pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan di bawah tahap minimum tetapi mempunyai pengalaman yang sesuai; dan
- (iii) pemberian diskaun yuran pengajian untuk warga emas yang mengikuti pengajian sepanjang hayat di IPT.

Mengikut kajian awal yang dibuat, didapati kebanyakan mereka yang berminat mengikuti program ini adalah terdiri daripada golongan yang sedang bekerja termasuk golongan tenaga pelajar. Bagi mereka yang berkhidmat dengan kerajaan, tidak menghadapi masalah untuk bercuti kerana telah ada peraturan berkaitan dengan cuti belajar. Manakala, bagi mereka dari sektor swasta, kerajaan menggalakkan supaya majikan menyediakan kemudahan cuti demi untuk meningkatkan lagi produktiviti dan keuntungan syarikat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi agar kementerian mengubah sistem orientasi pendidikan supaya tidak terlalu berorientasikan peperiksaan dan dapat menghasilkan graduan bertaraf antarabangsa dan *marketable*, maka sukacita saya memaklumkan bahawa sistem pendidikan yang dilaksanakan di IPT sekarang, tidaklah terlalu berorientasikan peperiksaan semata-mata, kerana selain elemen peperiksaan, penglibatan penuntut dalam aktiviti bagi subjek kokurikulum dan latihan praktikal juga diambil kira dalam sistem penilaian. Untuk makluman Yang Berhormat, peperiksaan yang dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi adalah lebih menjurus kepada aplikasi ataupun program *base* dengan izin, yang merangkumi aspek kemahiran seperti *source skill* dan *communication skill*.

Yang Berhormat Tuan Chua Kim Chuan telah mencadangkan supaya permohonan kemasukan ke IPTA secara manual diteruskan seperti biasa kerana pelajar luar bandar menghadapi masalah akses Internet yang lambat. Tidak semua kawasan luar bandar mempunyai capaian Internet, terpaksa membayar caj penggunaan perkhidmatan Internet di *cyber cafe* sekiranya menggunakan dengan waktu yang lama. Kerajaan mempromosi *paperless government* seiring dengan pendekatan ICT. Justeru itu, ingin saya maklumkan bahawa permohonan secara *on line* juga adalah satu pendekatan terkini yang seiring dengan kemajuan ICT. Kerajaan menyedari terdapat beberapa halangan yang terpaksa dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam proses penukaran cara memohon masuk ke IPT ini. Oleh hal demikian, di samping permohonan kemasukan ke IPTA melalui *on line* bagi lepasan SPM dan setaraf, KPT masih meneruskan permohonan secara konvensional iaitu melalui pengisian borang di mana borang ini diedarkan kepada semua sekolah menengah, terutamanya yang terletak di luar bandar dan kawasan pendalaman untuk mengatasi masalah akses Internet.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsudin supaya pihak kementerian mengawal selia aspek ko-kurikulum program pengajian di IPT terutama dari segi kesenian bagi memperkasakan kebudayaan dan kesenian negara, saya maklumkan bahawa kementerian sentiasa menyelia dan memantau kurikulum program pengajian termasuk yang berkaitan dengan kebudayaan, kesenian seperti muzik di IPT melalui proses penggubalan, penilaian, penyemakan dan penambahbaikan dengan melibatkan pihak industri muzik dan industri seni.

Bagi memperkasakannya, KPT menggalakkan penubuhan pusat kebudayaan di IPTA seperti di Universiti Malaya, melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian, beberapa IPTA juga melaksanakan program-program pengajian kebudayaan dan kesenian seperti mana yang terdapat di Universiti Malaya, seperti di USM, UKM, UNIMAS, di UPSI, UiTM dan UMS. Terdapat pelajar-pelajar mereka menjalani penempatan atau latihan praktikal di sektor yang berkaitan seperti pelajar dalam bidang muzik ditempatkan di Orkestra Simfoni Kebangsaan di Istana Budaya.

Selain daripada itu, kementerian sedang menggubal hala tuju program pengajian muzik bagi memartabatkan industri muzik tanah air. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah telah menyarankan supaya integriti dipupuk di peringkat pelajar lagi dengan memasukkannya dalam mana-mana mata pelajaran di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Dimaklumkan bahawa bagi meneruskan usaha membangunkan dan memantapkan integriti sahsiah dan moral pelajar-pelajar di kalangan pelajar-pelajar IPT, kementerian telah memperkenalkan kursus-kursus yang memberikan pendedahan kepada peradaban dan nilai-nilai murni yang menjadikan tunjang kepada integriti supaya kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan hubungan etnik dan kenegaraan Malaysia di IPP dan diwajibkan diambil oleh semua pelajar dan juga kursus-kursus Pengajian Islam, Pengajian Malaysia dan Moral di IPTS yang diwajibkan diambil oleh semua pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, agar disediakan geran penyelidikan di universiti, bagi menyelidik tentang pencegahan dan penagihan dadah. Ingin saya maklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM200 juta untuk melaksanakan pelbagai penyelidikan *fundamental* di universiti. Oleh itu, kementerian akan bersungguh-sungguh mengambil perhatian mengenai cadangan ini untuk menyelidik tentang pencegahan dan pemulihan penagih dadah.

Walau bagaimanapun, setakat ini KUIM ada mengendalikan kursus di peringkat diploma, pasca siswazah dalam bidang pencegahan dadah dan bercadang untuk mempertingkatkan tarafnya kepada program sarjana.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed mengenai kualiti menjadi punca atau faktor penyumbang kepada masalah pengangguran dan meminta Kementerian Pengajian Tinggi meneliti kualiti graduan IPT. Ingin saya maklumkan bahawa di antara sebab berlakunya pengangguran di kalangan siswazah adalah kerana bilangan siswazah yang semakin bertambah. Peluang-peluang pekerjaan semakin kompetitif. Kementerian sentiasa memastikan kualiti IPT dan graduannya berada di tahap yang dapat memenuhi kehendak pasaran dan negara.

Dan adanya dengan jaminan kualiti melalui Lembaga Akreditasi untuk mengawasi sektor IPTS dan bahagian jaminan kualiti Kementerian Pengajian Tinggi yang menguasai, yang memantau sektor IPTA. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memperlengkapkan lagi tahap kualiti ini adalah seperti;

- Melaksanakan kerangka kelayakan Malaysia untuk tujuan penarafan ataupun *rating*.
- Mempertingkatkan program pengantarabangsaan.
- Menambahkan jumlah tenaga akademik berkelayakan Ph.D kepada 60% menjelang 2010 dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM1.2 bilion.
- Menubuhkan universiti pendidikan iaitu Universiti Malaya, UKM, USM dan UPM.
- Melaksanakan pengelompokan bagi berkongsi kepakaran dan sumber.
- Memperkukuhkan jaringan antarabangsa dengan universiti dan badan pendidikan tersohor di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong telah memberitahu bahawa IPTS menghadapi masalah dalam memperolehi kelulusan Lembaga Akreditasi Negara atau LAN. Ianya mengambil masa yang lama sehingga berbulan-bulan dan setelah kursus mendapat kelulusan, ianya telah tidak ada *level* lagi. Ingin saya jelaskan bahawa Kementerian telah mempermudah permohonan penilaian kelulusan, menjalankan kursus pengajian melalui LAN dengan menerbitkan beberapa garis panduan, standard dan kriteria umum dan khusus serta mengikut bidang dan peringkat yang perlu dipenuhi oleh IPTS.

Pembentukan standard dan kriteria ini adalah bersumberkan dasar-dasar kerajaan, ketetapan majlis, pendidikan tinggi negara dan amalan baik dengan memberikan input pakar akademik dan industri dan pembangunan produk pendidikan yang berkualiti serta memberi keperluan kepada tenaga industri negara dan luar negara. Proses keseluruhan ini

telah disingkatkan. Dahulunya dari enam bulan kepada empat bulan tiga minggu. Mulai April 2006, tempohnya disingkatkan lagi kepada empat bulan satu minggu. Tempoh sah laku kelulusan ialah lima tahun. Sekiranya IPTS tidak mematuhi peraturan panduan standard dan kriteria, maka sudah pasti kelulusan sukar diperolehi dalam tempoh tersebut.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong telah membangkitkan isu mengenai masih wujudnya *double* standard dalam pemberian kelulusan lesen kepada IPTS baru. Dan menambah perlunya Kementerian lebih *transparent* dalam memberikan kelulusan kepada IPTS baru. Beliau memaklumkan tiga tahun lepas, terdapat 700 buah IPTS diluluskan lesen, kemudian 200 IPTS diarahkan tutup atau gulung tikar.

Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kementerian tidak mengamalkan *double* standard dalam meluluskan permohonan penubuhan IPTS baru. Semua permohonan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Bagi memastikan IPTS yang diluluskan dan didaftarkan dengan kementerian mampu bersaing, mampu mempunyai ciri berdaya maju dan boleh terus kekal dan maju dalam industri ini. Kementerian lebih teliti dalam mempertimbangkan kelulusan tersebut.

Antara aspek yang diteliti dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan adalah seperti berikut:

- (i) kemampuan kewangan IPTS;
- (ii) cadangan kursus yang akan ditawarkan iaitu bidang pengajian yang kritikal dan *marketable*;
- (iii) potensi IPTS menyediakan program pengajian yang berkualiti, yang dilihat dari segi sumber yang boleh menyokong pengajaran dan pembelajaran seperti kelayakan tenaga pengajar, kemudahan dan kelengkapan pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum kursus;
- (iv) lokasi, ruang dan persekitaran cadangan premis IPTS;
- (v) penyediaan perkhidmatan sokongan untuk kebajikan dan keselamatan pelajar seperti penginapan dan pengangkutan terutama untuk pelajar luar negara; dan
- (vi) pengurusan pelajar.

Sepanjang tempoh 2002 hingga 2005, sebanyak 112 buah IPTS telah dikeluarkan notis arahan tutup kerana IPTS telah didapati melanggar syarat-syarat di bawah peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta 555. Seperti, beroperasi kelulusan. Selain daripada itu IPTS tutup kerana mengalami masalah pengurusan kewangan dan kekurangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, memberikan cadangan, memberikan saranan kepada perkara yang berkaitan dengan pengajian tinggi. Saya telah cuba untuk menjawab kesemuanya, namun sekiranya ada perkara yang tidak sempat dijawab, Kementerian sentiasa memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.25 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Titah Diraja di Dewan Negara dari 8 hingga 15 Mei 2006 yang menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat telah menunjukkan minta yang begitu tinggi dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, dan Ahli Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed, mengenai kelulusan penapisan dan penayangan filem berjudul *Lelaki Komunis Terakhir*. Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah juga turut mempertikaikan Lembaga Penapis Filem atau LPF, dan mencadangkan supaya ianya dirombak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, filem berjudul *Lelaki Komunis Terakhir* merupakan sebuah filem bercorak dokumentari yang telah ditarik balik kelulusan penayangannya. Walaupun sebelum ini, pihak LPF telah meluluskan filem tersebut, namun pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri setelah mengambil kira kepentingan awam, memutuskan untuk melarang penayangan, pameran, pengedaran, pemilikan, penyebaran ataupun jualan filem berkenaan. Larangan ini dibuat mengikut seksyen 26 Akta Penapisan Filem 2002. Oleh yang demikian, tidak timbul masalah atau percanggahan seperti yang dibangkitkan itu.

Menyentuh gesaan supaya Lembaga Penapis Filem dirombak, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri buat masa ini tidak bercadang untuk berbuat demikian. Anggota LPF yang berjumlah 66 orang yang dilantik terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang dan disiplin. Mereka telah menjalankan tugas dengan cemerlang berasaskan kepada garis panduan penapisan filem yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Mereka juga turut berkebolehan dalam pelbagai bahasa selain bahasa Melayu dan Inggeris. Mengenai filem berjudul "*Sepet*", pihak Lembaga Penapis Filem telah meluluskan untuk tayangan serta beberapa adegan-adegan yang tidak sesuai dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia dan yang bertentangan dengan garis panduan penapisan filem yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dipotong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Dato' Hajah Saripah Aminah kerana perkara-perkara yang berkaitan filem dan iklan diletakkan di bawah satu kementerian. Namun, pihak kerajaan belum bercadang untuk mengambil tindakan seperti yang dicadangkan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berpendapat sekiranya semua perkara berkaitan dengan filem diletakkan di bawah satu Kementerian, akan berlaku percanggahan kepentingan dan fungsi.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penapisan, kandungan filem mengikut Akta Penapisan Filem 2002, manakala Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan melalui FINAS bertanggungjawab untuk memajukan pembangunan industri perfileman Malaysia. Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi pula bertanggungjawab mengeluarkan lesen ke atas stesen penyiaran.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, mohon laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa filem *Lelaki Komunis Terakhir* telah pun diharamkan tetapi kenapa baru ini dalam kenyataan akhbar ada menteri menjemput Ahli-ahli Parlimen untuk menyaksikan filem tersebut. Adakah ini tidak bercanggah dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat tidak menyebut menteri mana, kementerian mana tapi saya difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah menjemput pegawai-pegawai daripada pihak *special branch* untuk menonton dan menilai filem tersebut. Dan pihak seperti mana surat yang saya terima, kementerian saya terima daripada pihak polis, mereka juga menyatakan bahawa mereka tidak menyokong filem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bertanggungjawab mengeluarkan lesen ke atas stesen penyiaran. Pembahagian bidang kuasa ini bagi membolehkan pendekatan *check and balance* dengan izin dibuat antara kementerian-kementerian terlibat.

Menyentuh mengenai terdapat iklan yang tidak beretika seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir, suka saya memaklumkan bahawa semua iklan yang hendak ditayangkan melalui stesen TV perlu mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem.

Dalam menapis iklan-iklan yang hendak ditayangkan, Lembaga Penapis Filem berpandukan kepada garis panduan penapisan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Bagi menyelaras dan memantau siaran di stesen televisyen kerajaan dan swasta termasuk Astro, satu jawatankuasa pemantauan siaran televisyen telah ditubuhkan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang dianggotai oleh kementerian-kementerian yang terlibat dengan industri filem dan penyiaran termasuk Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di samping itu, pemantauan siaran televisyen juga dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Tujuan pemantauan siaran televisyen adalah supaya filem termasuk iklan yang disiarkan tidak bertentangan dengan nilai moral dan budaya penduduk tempatan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir dan juga Ahli Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy dan Ahli Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin turut menggesa supaya Lembaga Penapis Filem memperketatkan penapisan kerana masih banyak filem-filem yang berunsur ganas, seks dan tahyul ditayangkan. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Penapisan Filem 2002 memberi kuasa kepada Lembaga Penapisan Filem untuk menapis semua filem dan iklan sebelum boleh ditayangkan, diedar, dipamer atau dijual di dalam negara ini.

Dalam membuat keputusan penapisan, Lembaga Penapis Filem akan membuat penilaian berdasarkan garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan dan dalam menjalankan tugas-tugas penapisan, Lembaga Penapis Filem sentiasa berasaskan kepada nilai-nilai murni dan menolak unsur-unsur negatif seperti adegan ganas yang melampau, seks, adegan yang mengghairahkan serta tahyul. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy juga turut ingin tahu senarai nama anggota Lembaga Penapis Filem, fungsi dan kriteria penapisan yang dilakukan. Bagi makluman ahli Yang Berhormat, anggota Lembaga Penapis Filem dilantik di bawah seksyen 4(1) Akta Penapisan Filem 2002 oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pada masa ini, Lembaga Penapis Filem diketuai oleh seorang Tuan Pengerusi dan seorang Naib Pengerusi serta 64 orang anggota lain di seluruh negara yang dilantik secara kontrak. Sebahagian besar daripada mereka terdiri daripada bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang dan disiplin dan berkebolehan menguasai pelbagai bahasa. Lembaga Penapis Filem dalam melaksanakan tugasnya dibantu oleh urusetia yang terletak di bahagian Kawalan Filem Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Senarai yang diminta oleh Yang Berhormat terlalu panjang dan saya akan memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dalam isu penapisan ini, saya hendak membangkitkanlah, sebab saya membaca buku Abdullah Sidi Pemimpin Parti Komunis Malaya, buku terbaru beliau. Sebab buku ini saya melihat menimbulkan banyak fakta yang mengelirukan. Antara lain beliau menuduh bahawa Dato' Onn adalah pemimpin sebenarnya yang mengapi-apikan orang Melayu khususnya Kumpulan Parang Panjang untuk menyerang orang Cina. Dalam buku itu seolah-olah dia ingin menyatakan bahawa komunis bukanlah satu masalah kerana Parti Komunis Malaya adalah pejuang yang menentang kolonialisme dan ini juga berlaku kepada buku Chin Peng yang saya baca di mana Chin Peng dalam buku itu seolah-olah dia mengatakan bahawa dalam dia yang mengarah membunuh Henry Gurney dalam satu serangan hendap di Cameron Highlands.

Sebab itu dia kata bukan arahan dia. Jadi bukan komunis sebenarnya dia kata yang, bukan PKM sebenarnya bertanggungjawab terhadap perkara tersebut. Jadi saya

tidak tahu sama ada buku-buku seperti ini yang timbul di saat-saat akhir sekarang ini dipantau ataupun tidak. Saya cuma sampai sekarang saya tidak berjumpa buku Rashid Maidin walaupun saya tahu dia sudah pun melancarkan buku tersebut, saya sudah cari seluruh kedai buku di universiti-universiti, tetapi tidak jumpa tetapi, kedua-dua buku termasuk Abdullah Sidi ini, saya rasa perlu dipantau sebenarnya sebab fakta-fakta ini memang mengelirukan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Ada dua perbezaan antara penerbitan filem dan penerbitan buku. Lembaga Penapis Filem yang menapis filem terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sementara penerbitan buku lain-lain penerbitan di bawah kawalan bahagian penerbitan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Jadi saya tidak dapat bagi komen tentang itu, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya ingin tahu berkenaan dengan Ahli-ahli Lembaga, saya telah difahamkan bahawa tadi telah menerima jawapan bahawa nama-nama akan diberi secara tulisan, terima kasih. Cuma saya hendak tahu tempoh perlantikan mereka dan adakah hanya bekas-bekas pegawai-pegawai tertinggi juga hanya diberi peluang ataupun ada juga wakil-wakil daripada NGO ataupun sebagainya, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan tadi, bahawa perlantikan ahli-ahli lembaga pengarah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri berdasarkan latar belakang pengalaman, pengetahuan, kelulusan dan keupayaan mereka menguasai pelbagai bahasa. Jadi di dalam senarai yang ada, ahli-ahli pengarah-pengarah ini terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah juga pemimpin-pemimpin, yang penting ialah latar belakang, pengalaman dan pengetahuan, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan tugas penapisan, Lembaga Penapis Filem akan membuat penilaian berdasarkan garis panduan penapisan filem yang ditetapkan oleh kerajaan. Garis panduan ini mengandungi kriteria-kriteria tertentu yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu filem atau iklan itu diluluskan untuk tayangan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin mengenai kemungkinan terdapat rakyat asing yang ingin mendapatkan permit masuk, mengambil jalan mudah iaitu dengan mengahwini rakyat tempatan yang sudah tua. Kerajaan memandang serius mengenai perkara ini. Setiap permohonan bagi mendapatkan permit masuk perlu memenuhi peraturan-peraturan yang ketat. Walaupun tidak ada peraturan yang melarang warga asing yang mengahwini rakyat Malaysia kecuali pekerja asing. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan meneliti setiap permohonan permit masuk untuk memastikan sama ada perkahwinan tersebut berlandaskan *marriage of convenience* dengan izin, ataupun dibuat dengan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin turut membangkitkan terhadap warga negara asing yang mendapat MyKad dengan mudah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MyKad dikeluarkan kepada warga negara Malaysia yang telah mencapai umur 12 tahun. Manakala bagi orang-orang asing yang telah dianugerahkan taraf pemastautin tetap dikeluarkan MyPR yang pada ketika ini masih dalam proses penukaran daripada bentuk yang sedia ada kepada bentuk baru iaitu perubahan warna kad yang lebih jelas untuk membezakan dengan warganegara Malaysia. Ianya akan diperkenalkan pada bulan Jun ini iaitu bulan hadapan. Pandangan ahli Yang Berhormat mengenai warga negara asing begitu mudah mendapat MyKad adalah tidak benar.

Setakat ini, tidak terdapat MyKad palsu yang digunakan oleh orang-orang asing atau MyKad yang dikeluarkan kerana alasan penyelewengan kakitangan atau kelemahan sistem di Jabatan Pendaftaran Negara. Kelemahan yang berlaku pada masa ini ialah MyKad yang dipinda maklumat yang terdapat di muka hadapan MyKad kepada maklumat penyamar. Di antara maklumat yang dipinda ialah gambar, nama dan lain-lain keterangan peribadi yang terdapat di atas permukaan kad. Sehingga kini, walaupun perbuatan *tempered* boleh dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, tetapi *chip*

tersebut masih lagi tidak dapat dipinda oleh pemegang. Oleh yang demikian, pengguna MyKad yang *ditempered* atau diubah permukaannya itu akan merosakkan *chip* yang terdapat di dalam kad tersebut supaya ianya tidak boleh dibaca. Setakat ini terdapat sebanyak 85 MyKad telah dikesan telah dipinda mengikut proses *tempered* ataupun mengubah permukaan dan digunakan oleh pendatang asing yang bekerja di negara ini.

Dengan menyedari kelemahan yang terdapat pada MyKad, pihak kementerian telah meneliti semula *base talk MyKad* dengan izin, dan di peringkat awal ini pihak kementerian bercadang supaya catatan di permukaan MyKad dapat dicetak terus di atas kad dan bukannya di atas pembalut yang menutupi permukaan hadapan kad.

Dalam masa yang sama juga pihak kementerian ingin menarik perhatian pemilik-pemilik MyKad supaya dapat menjaga MyKad mereka dengan baik. Dari penemuan pihak jabatan kebanyakan MyKad yang di *tamper* dilakukan ke atas MyKad yang hilang. Setakat ini kerajaan menyedari bahawa kehilangan MyKad amat tinggi dan kemungkinan juga bilangan MyKad yang di *tamper* juga akan meningkat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Minta laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya satu kad lagi iaitu MyKid. Apa perbezaan antara MyKid dengan MyKad dan apa kemudahan yang kita perolehi daripada MyKid dan umur berapa tahun boleh dapat MyKid. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan, MyKad ialah untuk orang dewasa, MyKid ialah untuk kanak-kanak yang baru lahir. Dia daftar dan dia boleh juga dapat MyKid. Ini adalah pilihan pada kanak-kanak selain daripada Sijil Lahir. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat....

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Kemudahan yang kita boleh dapat daripada MyKid itu. MyKad ini kita ada cip, ada butiran dalam itu tapi MyKid tidak ada apa.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan, dalam MyKad kita ada aplikasi yang memuatkan pelbagai butir-butir lain seperti lesen memandu dan lain-lain seperti maklumat bank dan sebagainya. MyKid adalah kad biasa yang tidak memuatkan apa-apa kerana kanak-kanak ini baru lahir. Dia hanya ada *Birth Certificate* atau Sijil Lahir, dan butir-butir kelahiran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng membangkitkan bilangan warganegara asing Afrika yang ramai di kawasan pelancongan yang kebanyakannya terlibat menjual barangan tiruan dan meminta Jabatan Imigresen mengawal kemasukan mereka ke Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelancong asing yang ramai adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka dengan sasaran kedatangan pelancongan 20 juta orang setiap tahun. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa kemasukan pelancong asing yang begitu ramai akan menjadikan tugas Jabatan Imigresen lebih mencabar terutama bagi memastikan pematuhan syarat visa, keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar terdapat pelancong-pelancong asing yang turut menyalahgunakan pas lawatan sosial dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dilarang termasuklah menjalankan aktiviti perniagaan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memandang serius kegiatan ini dan mengambil tindakan tegas terhadap pelancong-pelancong yang terbabit. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan operasi penguatkuasaan secara bersepadu dengan anggota RELA dan Polis Diraja Malaysia;

- (ii) meningkatkan kawalan di pintu-pintu masuk terhadap warganegara asing yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif; dan
- (iii) menyenaraihitamkan mereka yang dikenal pasti melakukan kesalahan.

Untuk tempoh suku tahun pertama tahun ini daripada bulan Januari tahun 2006 hingga 31 Mac 2006 Jabatan Imigresen telah melancarkan 982 operasi penguatkuasaan sementara RELA telah menjalankan sejumlah 1,300 operasi dari Januari sehingga pertengahan bulan Mei tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator....

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Minta laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang kes Negro di Bukit Bintang telah ditangkap dan dihantar balik tapi bila dia datang ke Malaysia lagi dia kahwin dengan wanita tempatan. Lepas dia beranak satu anak di Malaysia selepas itu ditangkap kerana terlibat dalam kegiatan dadah. Jadi, adakah Negro itu boleh dibenarkan duduk di Malaysia tanpa dokumen yang sah dan ini adalah satu perkara yang serius kerana kita hendak pastikan bahawa orang-orang asing yang tidak ada dokumen yang sah memasuki ke negara kita. Ini adalah satu komen kerana selepas dia keluar dari Malaysia ke Thailand dia boleh masuk lagi. Ini adalah satu masalah yang serius. Minta Yang Berhormat beri penjelasan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama soal keluar masuk. Sesiapa sahaja boleh masuk ke negara ini kalau dia mempunyai dokumen yang sah. Orang-orang yang masuk ke negara ini tanpa dokumen yang sah dianggap pendatang tanpa izin dan yang kedua perkahwinan bukanlah pasport kepada penyelesaian untuk menjadi warganegara atau mendapat PR bagi orang asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini.

Jadi kerana itu barangkali Yang Berhormat juga boleh memainkan peranan atau kita semua boleh memainkan peranan untuk menyedarkan masyarakat Malaysia bahawa mereka harus memilih rakyat tempatan untuk berkahwin kalau seboleh-bolehnya tetapi kalau tidak boleh kalau terpaksa berkahwin kerana jodoh biarlah mereka kahwin tapi seboleh-bolehnya memilih pasangan tempatan dan kalau hendak berkahwin dengan rakyat asing biarlah orang yang sesuai dan yang tidak menimbulkan masalah.

Sebenarnya dari segi permit masuk ini kita ada dua. Pertama yang kita sebut dengan izin, *within category* iaitu warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia. Perempuan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan yang kedua ialah anak di bawah umur enam tahun boleh memohon untuk masuk ke negara ini dan mendapat taraf penduduk tetap setelah lima tahun berada di negara ini. Sementara satu lagi ialah *not within category* dengan izin, iaitu orang-orang yang bukan syarat yang saya sebutkan tadi. Permohonan mereka biasanya kita tolak dan dia akan merayu kepada Yang Berhormat Menteri dan proses ini akan mengambil masa yang panjang dan kita tidak mudah memberikan taraf penduduk tetap kepada mana-mana orang daripada luar negara. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: ...Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong ingin mengetahui sama ada kelambatan jabatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob bin Haji Mohammad bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkaitan dengan kira-kira tiga, empat bulan yang lalu kita telah dimaklumkan terdapat sekitar 50,000 orang pelancong asing yang telah masuk ke negara kita dan tidak dapat dikesan dan sejauh mana pihak berkuasa telah dapat

mengesan pelancong-pelancong asing yang berada di negara kita dan tidak dapat dikesan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob kita menyedari timbul sedikit kekeliruan pada masa itu. Namun begitu angka 50,000 itu sebenarnya adalah angka pergerakan keluar masuk warga asing dalam Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan ada di antara mereka terutama warganegara Cina yang masuk ke negara ini kadang-kadang tinggal melebihi tempoh masa dan kita memang dari masa ke semasa memantau hal ini dan mengambil tindakan tegas seperti mana yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong ingin mengetahui sama ada kelambatan Jabatan Imigresen mengeluarkan visa pelajar menjadi penyumbang kepada kemerosotan kemasukan pelajar-pelajar luar negeri untuk melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi swasta, IPTS, di negara ini. Ahli Yang Berhormat seterusnya mendakwa tiada koordinasi antara Jabatan Imigresen dan pihak polis dalam menjalankan penguatkuasaan serta menegur tindakan seorang Pegawai Imigresen yang dikatakan mengeluarkan kata-kata kesat kepada seorang pelancong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan kemerosotan kemasukan pelajar luar negara ke institusi pengajian tinggi swasta iaitu IPTS disebabkan kelewatan Jabatan Imigresen mengeluarkan visa adalah tidak tepat. Sebenarnya Jabatan Imigresen mengeluarkan pas pelajar dalam tempoh tujuh hari bekerja. Jika pemohon memenuhi semua syarat yang ditetapkan termasuk tapisan keselamatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan proses pengambilan pelajar asing ke IPTS bermula dengan pelajar berkenaan membuat permohonan kepada IPTS yang dipilihnya.

Seterusnya IPTS berkenaan pula akan memohon kepada Jabatan Imigresen untuk mendapatkan pas pelajar. Apabila diluluskan Jabatan Imigresen akan mengeluarkan surat kelulusan dan *calling visa*, dengan izin bagi membolehkan pelajar berkenaan memasuki Malaysia. Apabila pelajar tiba di pintu masuk wakil IPTS diwajibkan menjemput pelajar tersebut dengan menunjukkan surat kelulusan asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk.

Seterusnya dalam tempoh 30 hari IPTS hendaklah membawa pasport pelajar berkenaan ke Jabatan Imigresen di mana IPTS itu terletak. Untuk mendapatkan pas pelajar dan juga untuk *single entry visa* atau *multiple entry visa* dengan izin. Dalam usaha menambah baik prosedur permohonan pas pelajar, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan menubuhkan pusat pelupusan setempat dan permohonan secara *online* dengan izin, bagi memudahkan proses permohonan bagi mendapatkan pas pelajar terutama bagi pelajar-pelajar antarabangsa. Pusat kelulusan setempat ini akan dianggotai oleh wakil-wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen.

Urus setia pusat ini adalah di ibu pejabat Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi mengatasi masalah penyalahgunaan pas pelajar, kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mana-mana pelajar dari negara-negara yang memerlukan visa yang ingin melanjutkan pelajaran ke Malaysia perlu mendapatkan visa terlebih dahulu sebelum dibenarkan masuk ke Malaysia;
- (ii) tempoh pas pelajar diluluskan mengikut tempoh pengajian tetapi pas pelajar diperbaharui dari setahun ke setahun, *year to year basis* dengan izin;
- (iii) rekod kehadiran pelajar perlu disertakan semasa memperbaharui pas pelajar;
- (iv) Kolej-kolej yang mengambil pelajar asing dipantau dengan lebih rapi; dan

- (v) kolej-kolej yang melanggar syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan boleh diambil tindakan seperti menarik balik kelulusan mengambil pelajar asing.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir dan Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob Haji Mohammad membangkitkan perkara penyalahgunaan pas pelajar oleh pelajar-pelajar asing dan menggesa supaya Jabatan Imigresen memperketatkan pengeluaran visa kepada pelajar-pelajar antarabangsa. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen mempunyai tugas untuk menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hak pendidikan serantau dan pada masa yang sama turut bertanggungjawab bagi memastikan pelajar-pelajar asing yang melanjutkan pengajian di negara ini tidak menyalahgunakan pas pelajar yang dikeluarkan.

Selaras dengan kedua-dua tanggungjawab yang mencabar ini pihak Jabatan Imigresen akan terus mengeluarkan pas pelajar kepada pelajar-pelajar asing yang ingin melanjutkan pengajian di Malaysia tetapi pada masa yang sama akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyalahgunakan pas pelajar yang dikeluarkan. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memandang serius isu penyalahgunaan pas pelajar oleh pelajar-pelajar asing. Jabatan Imigresen dengan kerjasama IPTS akan terus memantau pelajar-pelajar asing bagi memastikan mereka sentiasa memenuhi dan mematuhi syarat pas pelajar yang diberikan.

IPTS juga mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam memastikan tidak berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan pas pelajar. IPTS mempunyai kewajipan untuk memberi maklumat yang tepat, benar dan tidak mengelirukan semasa membuat promosi atau pemasaran tentang kolej mereka di seberang laut. Selain dari itu IPTS juga mempunyai tanggungjawab bagi membantu kerajaan dalam membuat pemantauan terhadap IPTS-IPTS dan melaporkan kepada pihak berwajib apabila dapat mengesan kes IPTS atau pelajar yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Mengenai dakwaan bahawa tidak ada koordinasi antara Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia dalam menjalankan operasi penguatkuasaan adalah juga kurang tepat.

Sebenarnya pihak Jabatan Imigresen Polis Diraja Malaysia sentiasa bekerjasama dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan undang-undang dari semasa ke semasa. Berhubung dengan dakwaan seorang pegawai yang mengeluarkan kata-kata kesat kepada pelancong asing sebenarnya ia berpunca daripada masalah *miscommunication* dengan izin. Pegawai-pegawai Imigresen telah diberitahu dan diingatkan dari semasa ke semasa supaya sentiasa berbudi bahasa terhadap semua pelawat yang datang ke negara ini. Mereka juga telah diberitahu supaya sentiasa menjaga imej negara sebagai *frontline officers* dengan izin, dan pegawai kerajaan yang mula-mula ditemui oleh setiap pelawat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan kementerian yang ke-24. Selepas itu kita ada empat lagi kementerian. Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Kesihatan.

5.55 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati yang membangkitkan tentang kemudahan klinik bergerak di negara ini. Untuk makluman

Yang Berhormat kementerian yang sememangnya prihatin dengan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk rakyat di negara ini turut mengambil berat kesihatan penduduk terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Pada masa ini pihak kementerian telah menyediakan sebanyak 165 buah klinik bergerak di seluruh negara yang mana pecahannya adalah sebanyak 117 di Sarawak; 9 di Sabah; 19 di Pahang; 11 di Kelantan; 6 di Perak; manakala masing-masing sebuah di Negeri Sembilan; Terengganu; dan Kelantan. Perkhidmatan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan dengan menggunakan pengangkutan darat, air dan udara ini meliputi kawasan pedalaman dan juga penempatan Orang Asli. Perkhidmatan doktor udara atau *flying doctor services* turut disediakan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kementerian bercadang untuk memperluaskan dan memperkukuhkan lagi perkhidmatan klinik bergerak bagi mencapai tahap perkhidmatan yang lebih baik. Berhubung kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin dan Yang Berhormat Ir. Hiang A Li tentang amalan gaya hidup yang tidak sihat yang diamalkan oleh sebahagian rakyat Malaysia seperti tabiat merokok dan tidak menjaga pemakanan sehingga mengakibatkan peningkatan pelbagai penyakit yang membawa maut seperti strok, serangan jantung, buah pinggang, obesiti dan sebagainya. Kementerian Kesihatan sentiasa memberi pengetahuan, maklumat dan kesedaran kepada orang ramai tentang penyakit-penyakit yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat pada hari ini.

Dalam hal ini pihak kementerian telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai kementerian atau jabatan kerajaan serta badan bukan kerajaan atau NGO bagi tujuan memberikan pendidikan kesihatan dan mempertingkatkan kesedaran kepada orang ramai tentang perlunya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Kementerian turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Penerangan di dalam penyiaran maklumat-maklumat kesihatan khususnya melalui siaran radio dan televisyen. Bentuk kerjasama adalah meliputi sesi ceramah kesihatan di radio dan televisyen, promo radio, iklan TV, tayangan dokumentari dan pelbagai langkah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang langkah-langkah pencegahan awalan yang sesuai bagi sesuatu penyakit itu.

Berhubung pengiktirafan kementerian mengenai amalan perubatan alternatif di negara ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti lima kumpulan amalan perubatan alternatif di mana ia lebih dikenali sebagai perubatan tradisional dan *complementary* atau TCM yang diterima pakai iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan homeopati, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India dan perubatan *complementary*. Mulai tahun 2000, wakil dari lima badan pengamal yang mewakili pengamal masing-masing telah dilantik oleh kementerian untuk bekerjasama dalam membangunkan aktiviti-aktiviti TCM di mana salah satu fungsi badan pengamal berkenaan adalah untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pengamal-pengamal amalan masing-masing melalui konsep kawal sendiri atau *self regulation*.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2006 telah membuat keputusan meluluskan penubuhan hospital integrasi, iaitu dengan mengintegrasikan perkhidmatan amalan-amalan TCM yang terbukti selamat ke dalam sistem penjagaan kesihatan negara di hospital Kementerian Kesihatan yang terpilih iaitu Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang, Hospital Putrajaya dan Hospital Pandan, Johor.

Beberapa amalan TCM telah dikenal pasti untuk dipromosikan melalui integrasi yang antaranya merupakan rawatan akupunktur, refleksologi, rehabilitasi, nutrisi dan perawatan selepas bersalin atau *postnatal care*. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan melalui Bahagian TCM sedang giat menjalankan kajian berdasarkan amalan TCM yang diamalkan di negara Asia Pasifik dan negara-negara maju untuk menentukan keberkesanan amalan-amalan yang telah diterima pakai sebagai amalan-amalan tradisional *complimentary*.

Kajian amalan-amalan tradisional tidak hanya tertumpu pada singse dan bomoh, tetapi meliputi semua amalan yang tidak dikategorikan sebagai perawatan moden. Selain itu Kementerian Kesihatan juga sedang giat merangka perundangan mengenai amalan

TCM supaya dengan adanya Akta TCM ini ia akan dapat mengatasi masalah salah laku pengamal TCM serta dapat mengkaji *standard of practise* bagi memastikan amalan yang dijalankan terbukti tidak memudaratkan pengguna. Selain itu ia juga dapat mengkaji latihan yang diperolehi oleh pengamal agar dapat memastikan mereka yang menjalankan amalan TCM benar-benar mempunyai kelulusan yang diiktiraf.

Apabila Akta TCM diwartakan kelak dan penguatkuasaan undang-undang dijalankan, maka secara automatik pengamal-pengamal TCM akan turut diiktiraf. Oleh sebab aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengikut piawaian yang sedia ada, yang telah diterima pakai oleh semua negara, maka dengan ini pengamal TCM di negara ini adalah setanding dengan pengamal-pengamal di luar negara.

Berhubung isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan juga Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar yang membangkitkan masalah kekurangan pegawai perubatan di negara ini, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah bersetuju supaya doktor pakar warganegara asing diambil untuk berkhidmat secara kontrak dengan Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah kekurangan doktor. Pengambilan mereka adalah tertakluk kepada beberapa kriteria, seperti kelayakan dan kepakaran akademik yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia atau MMC.

Walau bagaimanapun, prestasi mereka akan sentiasa dipantau dan sekiranya mereka tidak menjalankan tugas dengan baik serta melanggar syarat-syarat kontrak, kontrak mereka akan ditamatkan. Doktor asing juga digalakkan untuk mempelajari budaya dan bahasa tempatan bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan rawatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, berapa ramai pakar-pakar patologi yang ada di negara ini kerana kita sering berhadapan dengan masalah *post-mortem* mayat di hospital-hospital, di mana kita sering dengar bahawa kita kena menunggu sampai sehari, dua kerana kononnya kurang pakar patologi di negara ini?

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan *pathologist* di negara ini, kita memang mengalami kekurangan dari segi ini tetapi dari Kementerian Kesihatan, kita memang ambil langkah:

- (i) untuk menambahkan bilangan *pathologist* yang terdapat di Malaysia ini dengan membuka lebih banyak lagi ruang untuk doktor-doktor kita supaya mereka dapat menjalani kursus pakar lanjutan mereka di dalam atau di luar negara melalui biasiswa yang diperuntukkan oleh Kementerian Kesihatan; dan
- (ii) kita juga sedang mengambil langkah mengkaji, adakah kaedah yang lain untuk menjalankan kerja autopsi seperti yang dikatakan. Kita memang ada cadangan daripada MOSTI, di mana kita barangkali boleh gunakan *scanner* dan sebagainya untuk menjalankan autopsi tanpa pembedahan.

Ini adalah beberapa langkah yang kita jalankan dan kita harap dengan pelbagai langkah ini kita dapat mengatasi cabaran yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masalah panggilan atas tugas ataupun *on-call*, yang dikatakan membebaskan doktor sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, Kementerian menyedari masalah yang dihadapi oleh pegawai perubatan yang terpaksa menanggung beban yang berat dalam menjalankan tugas seharian. Pihak kementerian, telah dan sedang mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini dan antara langkah tersebut ialah meluluskan kadar elaun bekerja di luar waktu bekerja biasa. Bagi pegawai-pegawai perubatan yang menjalankan tugas atas panggilan atau *on-call*, yang kadarnya adalah di antara RM50 sehingga RM170 semalam. Melalui pengenalan elaun ini, diharap akan dapat memberikan ganjaran yang sewajarnya kepada pegawai perubatan yang dikehendaki melakukan tugas atas panggilan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbahasan berlangsung. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed dan Yang Berhormat Puan Siw Chun, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar sejajar dengan matlamat RMK-9 iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010.

Program Kemiskinan Bandar akan dilaksanakan secara *household* dengan izin, dan *target specific approach*, mengikut kumpulan sasaran yang dikenal pasti di bandar-bandar termasuk golongan setinggan dan ibu tunggal berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar meliputi tujuh komponen projek utama iaitu penyediaan perumahan keluarga miskin, mengurangkan beban tanggungan keluarga, penubuhan pusat sejahtera, penjanaaan pendapatan keluarga, pendidikan dan latihan, penyediaan pangkalan data dan bantuan ihsan penduduk miskin di bandar. Pihak berkuasa tempatan dan badan-badan bukan kerajaan akan turut memainkan peranan utama dalam menjayakan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi supaya kesan kepada alam sekitar diambil kira sebelum meluluskan pembinaan projek perumahan. Saya dimaklumkan bahawa aspek keperluan infrastruktur seperti sistem saliran atau perparitan dan lain-lain keperluan akan diambil kira di dalam perancangan sebelum sesuatu projek perumahan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Sesuatu permohonan kebenaran merancanganya hanya akan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan setelah mendapat ulasan dan perakuan daripada jabatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan. Dalam amalan sekarang, perakuan agensi-agensi teknikal kebiasaannya disertakan dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemohon semasa pelaksanaan permohonan melaksanakan pembangunan demi menghasilkan pembangunan yang lengkap dan teratur.

Bagi mengawal pencemaran alam sekitar, kerajaan juga telah mewajibkan penyediaan laporan kesan alam sekitar atau EIA bagi pembangunan yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan bukit dan kawasan berhampiran sungai. Secara umumnya laporan EIS menerangkan mengenai kesan projek kepada alam sekitar dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi melindungi alam sekitar.

Di samping itu, kementerian ini juga sedang mengkaji untuk menyediakan manual pembangunan di tanah tinggi bagi mengatasi masalah pembangunan di tanah tinggi dan cerun bukit seperti kemusnahan alam sekitar dan tanah runtuh dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Mengenai saranan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali supaya sisa pepejal diuruskan secara lebih sistematik. Pihak kementerian ingin memaklumkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah pun menetapkan pengurusan sisa pepejal

akan dilaksanakan berdasarkan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan, di mana sisa pepejal akan diuruskan secara lebih terkawal dan sistematik melalui undang-undang khusus mengenai pengurusan sisa pepejal.

Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan mengambil kira konsep pembangunan mampan dan menggunakan teknologi moden, pelaksanaan program kitar semula, pemuliharaan sumber dan alam sekitar. Kerajaan sedar bahawa pengurusan sisa pepejal merupakan isu yang kritikal yang perlu ditangani dengan cara yang lebih profesional dan sistematik.

Selaras dengan itu, kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan pelbagai projek berkaitan pengurusan sisa pepejal. Peruntukan yang disediakan adalah bertujuan untuk membantu pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan projek-projek menaik taraf tapak pelupusan sampah sedia ada, membina tapak pelupusan *sanitary* yang baru, pembinaan *incinerator* stesen pembinaan loji rawatan termal.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan, setiap PBT mempraktikkan sistem penerimaan aduan dan penyelesaian mengikut prioriti. Ada juga terdapat aduan-aduan di luar kawalan dan tanggungjawab PBT atau dikawal selia oleh jabatan lain seperti JKR atau kawasan yang diselenggarakan oleh syarikat konsesi yang dilantik. Walau bagaimanapun, isu mengenai penutup besi longkang atau jalan yang selalu dicuri dan tidak diganti, perkara ini sering diberi peringatan kepada PBT supaya diambil tindakan segera dengan menggantikan bahan lain yang sama ketahanannya dengan besi agar ianya tidak menjadi sasaran kepada pencuri bahan besi.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah, kementerian mengambil maklum dan sedar akan isu sosial yang ditimbulkan oleh aktiviti pusat hiburan. Sehubungan dengan ini, kementerian telah mengambil pelbagai langkah kawalan dari aspek perundangan dan penguatkuasaan. Sebarang aktiviti hiburan perlulah terlebih dahulu mendapatkan lesen membuka tempat hiburan di bawah undang-undang kecil *trade*, perniagaan dan perindustrian dan lesen mengadakan aktiviti hiburan di bawah akta ataupun enakmen hiburan dan tempat-tempat hiburan yang diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan di negeri masing-masing.

Dalam menjalankan operasi pemantauan ke atas pusat hiburan, PBT sememangnya bekerjasama dengan pihak polis dalam membanteras gejala-gejala negatif di pusat hiburan. Ini memandangkan pihak polis mempunyai kuasa untuk menangkap dan mendakwa pihak yang terlibat di dalam masalah sosial di pusat hiburan. Manakala PBT mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan kompaun atau menarik balik lesen premis yang telah diberikan berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 80, Akta Kerajaan Tempatan dan Enakmen Hiburan dan tempat-tempat hiburan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, masa operasi yang dibenarkan pada masa ini di Kuala Lumpur dan lain-lain PBT adalah seperti berikut:

- (i) di dalam kawasan perumahan sehingga 12 tengah malam;
- (ii) di pusat bandar Kuala Lumpur sehingga 3 pagi;
- (iii) di PBT-PBT yang lain pada hari biasa sehingga 1 pagi; dan
- (iv) pada hari Ahad atau hari cuti umum sehingga 2 pagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Ir. Hiang A Li, syarat-syarat yang terkandung dalam lesen hiburan di PBT antara lainnya:

- (i) tidak membenarkan pengunjung yang berumur kurang daripada 18 tahun memasuki pusat-pusat hiburan terbabit. Notis larangan tersebut perlu dipamerkan di pintu masuk sebelah luar premis;
- (ii) manakala bagi pusat hiburan keluarga, pelajar sekolah yang berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan sama sekali memasuki premis tersebut; dan

- (iii) bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, pengawasan ibu bapa atau penjaga adalah diwajibkan.

PBT-PBT mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan kompaun atau menarik balik lesen premis yang telah diberikan jika didapati syarat-syarat lesen tidak dipatuhi.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah, pusat penjagaan kesihatan yang terdapat di kawasan PBT dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Rumah Urut. Undang-undang kecil ini telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan pada tahun 1987, ia meliputi aspek permohonan lesen, jenis-jenis rawatan yang diberikan, bayaran yang dikenakan, larangan di rumah urut dan beberapa perkara berkaitan dengan premis tersebut.

Dalam hal ini PBT mempunyai kuasa untuk memasuki dan memeriksa premis tersebut dan boleh membatalkan lesen rumah urut yang diberikan dengan serta-merta, di samping mengenakan penalti sekiranya pengusaha terbabit melanggar syarat-syarat yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Rumah Urut. Walau bagaimanapun, cabaran utama bagi PBT ialah dari segi pemantauan terhadap aktiviti yang dijalankan di premis-premis tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Mohd. Puad bin Zarkashi, daripada maklumat yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat, tapak pelupusan Bukit Kelicap telah ditutup pada 31 Mac 2006 oleh kerana pihak majlis mempunyai masalah dengan tapak pelupusan baru dan mana kajian EIA masih belum diselesaikan. Kerajaan negeri telah membuat keputusan supaya sampah dilupus di tapak pelupusan Bukit Kelicap untuk sementara waktu.

Walaupun bagaimanapun, penduduk sekitar tapak berkenaan telah membantah dan pihak majlis telah membuat keputusan untuk melupus sampah di Majlis Daerah Yong Peng sehingga tapak pelupusan baru disiapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Mohd. Puad juga, pihak kementerian sedar bahawa tahap kebersihan tandas-tandas awam di negara kita secara keseluruhannya masih tidak memuaskan. Oleh yang demikian, pihak kementerian akan terus berusaha dalam memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan, isu kebersihan tandas awam melalui pelbagai kempen dan aktiviti sepanjang tahun.

Program tersebut dijalankan secara bersama dengan kementerian lain seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelancongan. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang dalam proses menerbitkan piawaian Malaysia, standard Malaysia tandas awam melalui SIRIM. Segala garis panduan pemasangan dan pemakaian barangan tandas pada sesebuah tandas dapat dirujuk kepada piawaian Malaysia tersebut.

Mengenai pemantauan ke atas kebersihan restoran dan gerai, ianya adalah di bawah bidang kuasa PBT. Restoran dan gerai-gerai yang kotor akan diambil tindakan sewajarnya oleh PBT. Di samping itu, kebanyakan PBT mengadakan sistem *grading*, kebersihan terhadap restoran dan gerai bagi menggalakkan peniaga sentiasa menjaga kebersihan.

Dari segi penguatkuasaan aktiviti pemeriksaan premis-premis makanan termasuk gerai-gerai dilakukan secara berkala dan jika terdapat aduan. Pihak kementerian sedang dalam proses merangka norma kekerapan pemeriksaan premis makanan bagi setiap pegawai penguat kuasa. Kempen kebersihan premis makanan juga sentiasa dijalankan sepanjang masa oleh PBT dengan kerjasama Jabatan Kesihatan di peringkat negeri dan daerah bagi meningkatkan tahap kebersihan premis-premis makanan.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Siti Zailah, masalah pencemaran air berbau busuk berpunca daripada banyak sumber dan salah satu puncanya adalah daripada tapak pelupusan tidak *sanitary* yang terletak berhampiran sungai atau sumber air. Bagi menangani masalah ini, kerajaan telah merancang untuk menutup tapak-tapak pelupusan yang tidak *sanitary* dengan cara yang selamat. Tapak-tapak ini akan digantikan dengan tapak pelupusan *sanitary* yang baru bagi mengelakkan pencemaran air busuk terus berlaku.

Untuk maklumat Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga, matlamat program kitar semula yang dilaksanakan oleh kementerian adalah untuk mengurangkan sampah yang dihasilkan oleh negara ini. Komposisi plastik di dalam sampah adalah agak tinggi iaitu kira-kira 14%. Oleh itu, semenjak program ini dilaksanakan pada tahun 2000, kementerian telah mengambil langkah untuk mengurangkan penghasilan plastik melalui amalan 3R, iaitu, dengan izin, *reduce*, *reuse* dan *recycle*.

Melalui 3R, kementerian telah menggalakkan masyarakat untuk mengguna semula botol atau beg plastik terpakai. Di samping itu, plastik yang tidak boleh diguna semula adalah digalakkan untuk di kitar semula menjadi *plastic resin* iaitu bahan mentah untuk produk yang lain. Melalui 3R ini, komposisi plastik dalam sampah dapat dikurangkan dan secara langsung dapat memanjangkan hayat tapak pelupusan dan mengurangkan pencemaran yang disebabkan oleh proses pelupusan plastik di tapak pelupusan sampah. Di samping itu, kementerian juga sedang merancang mengadakan kajian tentang bagaimana untuk meningkatkan lagi tahap pengurangan plastik daripada dibuang merata-rata dan yang dilupuskan di tapak pelupusan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, pihak kementerian sedia maklum bahawa terdapat banyak undang-undang kecil yang diguna pakai oleh PBT berdasarkan kepada kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, masalahnya ialah pelaksanaan undang-undang kecil yang diguna pakai didapati tidak seragam antara PBT dan dilaksanakan mengikut tafsiran sendiri ke atas sesuatu perkara yang terkandung dalam undang-undang kecil tersebut seperti penguatkuasaan ke atas salah laku di bawah Undang-Undang Kecil Taman yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meneliti semula kandungan Undang-Undang Kecil Taman yang diguna pakai peringkat PBT sekarang untuk mengelak interpretasi yang berbeza dan menjadi satu isu kontroversi. Selepas itu kertas cadangan akan disediakan untuk diputuskan oleh Jemaah Menteri dan Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan dan akan diguna pakai secara seragam oleh semua PBT kelak. Sebelum perkara ini dibuat, keputusan muktamad Jemaah Menteri mengarahkan semua PBT tidak mengguna budi bicara sendiri dalam membuat interpretasi mengenai perkara ini. Tindakan menentukan definisi ini tanpa prejudis kepada mana-mana kes yang sedang dibicarakan di mana-mana mahkamah.

Untuk maklumat Yang Berhormat Puan Siti Zailah, setinggan Kampung Pinggiran Sungai AU3 telah dibanci pada September 2001 dan notis untuk berpindah telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada November 2005. Setinggan yang dibanci ditawarkan rumah kos rendah dan diberi bayaran sagu hati untuk berpindah. Selain daripada setinggan yang dibanci, pihak MPAJ mengklasifikasikan mereka sebagai setinggan baru dan tidak layak untuk ditawarkan rumah kos rendah serta bayaran sagu hati. Oleh itu kemungkinan seramai 25 setinggan yang tidak dibayar sagu hati dan tidak diberikan rumah kos rendah adalah merupakan setinggan baru yang tidak termasuk di dalam senarai banci terdahulu.

Mengenai saranan Yang Berhormat Puan Siw Chun supaya disediakan rumah yang sesuai dan selesa bagi golongan miskin, pihak kementerian ingin memaklumkan bahawa kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah menyediakan standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah satu dan dua tingkat, dan standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah rumah pangsa serta keperluan perancangan dan undang-undang pembangunan yang perlu dipatuhi oleh semua pemaju perumahan termasuk agensi kerajaan. Piawaian yang disediakan bertujuan untuk menyediakan projek-projek perumahan yang mematuhi dan juga memenuhi aspek keselamatan dan kesihatan sesuai didiami, tempat berlindung dan terjamin.

Standard tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan masyarakat dan budaya di negara kita di mana rumah kos rendah yang dibina hendaklah mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang dapur dan ruang tamu dengan keluasan lantai minimum keseluruhan hendaklah tidak kurang daripada 60 meter persegi atau 650 kaki persegi.

Akhir kata sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Penerangan, silakan Yang Berhormat.

6.25 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan merasa tersanjung di atas beberapa isu yang dibangkitkan Dewan yang mulia ini, khususnya isu-isu yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah pertanggungjawaban Kementerian Penerangan semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai RTM, khususnya mengenai pengeluaran lesen-lesen TV dan juga iklan amat kami berikan perhatian. Walau bagaimanapun, pengeluaran lesen-lesen ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin juga menyarankan supaya segala urusan bagi pengeluaran lesen TV dan iklan dapat diselaraskan semula oleh Kementerian Penerangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, segala urusan bagi pengeluaran lesen TV adalah tertakluk di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang telah diluluskan oleh kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pertanggungjawaban pengeluaran lesen TV telah diserahkan kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan pemaktuban Akta Komunikasi dan Multimedia yang telah saya sebutkan. Kementerian Penerangan tidak lagi bertanggungjawab ke atas urusan lesen TV kerana Akta berkenaan telah diwujudkan dengan turut juga memberikan fokus kepada faktor-faktor *convergence*, dengan izin, yang berlaku kepada *trend* komunikasi semasa yang lebih sesuai dilaksanakan di bawah Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi ini.

Berhubung dengan pengeluaran lesen iklan, agensi yang terlibat dengan memberikan kelulusan iklan ialah Lembaga Penapis Filem, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Kesihatan untuk iklan ubat, Kementerian Pertanian untuk iklan racun perosak dan pihak berkuasa tempatan untuk iklan papan elektronik dan jabatan-jabatan lain terlibat dalam bentuk pelbagai iklan yang lain. Sehubungan dan itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak mempunyai bidang kuasa untuk meluluskan iklan-iklan tersebut, manakala RTM hanya menyiarkan iklan-iklan yang telah diluluskan oleh badan-badan yang telah saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah binti Omar semasa mencelah ucapan Yang Berhormat Senator Datuk Jins, mempersoalkan mengenai cara berpakaian artis-artis yang tidak sesuai dan menjolok mata, terutama ketika menyertai majlis-majlis anugerah yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan. Beliau meminta supaya pihak penganjur memantau cara berpakaian artis-artis yang terlibat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, stesen-stesen TV yang menyediakan anugerah tersebut ada menyediakan kod berpakaian kepada artis yang terlibat ketika menghadiri majlis seperti mengenakan pakaian kebangsaan, batik, *neck-tie* dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam Anugerah Seri Angkasa baru-baru ini, yang dianjurkan dengan kerjasama semua stesen penyiaran di negara ini, telah menetapkan kod berpakaian pada malam majlis anugerah tersebut bertemakan batik ataupun pakaian kebangsaan yang sesuai dengan adat-adat ketimuran. Malahan, semasa sesi raptai, para artis yang terlibat telah diberi peringatan mengenai kod berpakaian. Para jemputan juga dimaklumkan mengenai tatacara berpakaian melalui kad jemputan yang telah diedarkan.

Namun demikian, tatacara berpakaian ke majlis yang bukan dianjurkan oleh Kementerian Penerangan atau Jabatan Penyiaran, RTM, seperti di tempat-tempat yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, adalah di luar bidang kuasa kementerian ini dan diharap ianya satu hari nanti dapat diselaraskan oleh sebuah badan bersama untuk...

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: ...Tata susila berpakaian di kalangan artis-artis. Sila Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menyatakan bahawa kod etika berpakaian telah pun diberikan garis panduan kepada semua artis. Mengikut kod etika itu dalam surat jemputan kepada kita pun diberikan dan diberitahu kena pakai batik. Betul artis pakai batik, tetapi batik yang separuh bogel. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bab itu, Yang Berhormat, saya tidak perhati langsung tetapi kalau Yang Berhormat telah memantau keadaan itu, saya harap ianya dapat dilaporkanlah supaya artis berkenaan dapat diambil tindakan oleh pihak yang berkuasa terutamanya apabila artis berkenaan mewakili kategori persembahan melalui stesen TV yang berkenaan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau artis berkenaan mewakili RTM, khususnya Jabatan Penyiaran, kami mempunyai garis panduan yang cukup mantap dan mereka harus mematuhi dengan sepenuhnya. Dengan hanya RTM ya, sebab Kementerian Penerangan tidak ada hak untuk menentukan artis-artis di stesen-stesen TV yang lain. Saya ambil contoh, Yang Berhormat, di sini... [*Menunjukkan kod etika berpakaian*] Artis lelaki, rambut – rambut hendaklah tidak panjang dan tidak melebihi paras bahu. Yang dimaksudkan dengan paras bahu ialah paras bawah kolar kemeja, *detail* sekali.

Yang kedua, disikat dengan rapi dan didandan dengan kemas. Artis-artis lelaki yang berambut panjang tetapi mengikat, menyanggul, menyimpul, menyiput atau menyembunyikan rambut mereka di bawah topi, songkok dan sebagainya adalah dilarang. Cukup jelas. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, stesen-stesen lain juga mempunyai garis panduan yang sama.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat, mohon laluan. Tadi Yang Berhormat cakap, jika kita dapati ada artis-artis yang memakai pakaian yang menjolok mata, berbogel yang disebut tadi dan kita bagi laporan dan pihak kementerian boleh mengambil tindakan. Yang menjadi masalahnya, orang yang kita hendak lapor ini tidak makan saman. Sesetengah artis ini kita pun tidak mahu cakaplah. Jadi macam mana keadaan ini kalau masih juga berlaku di masa akan datang kerana kalau tidak ada peraturan atau undang-undang yang dibuat oleh kementerian, terutama Kementerian KeKKWa, saya rasa tidak ada orang yang akan ikut peraturan daripada kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab, saya suka maklumkan kepada Yang Berhormat, perkara ini telah bangkit dalam penggulungan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Kemudian berbangkit sekali lagi dalam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, kemudian berbangkit lagi dalam penggulungan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kemudian berbangkit lagi dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kini berbangkit lagi dalam penggulungan Kementerian Penerangan. Kalaupun ada apa-apa Yang Berhormat hendak tambah, bolehlah Yang Berhormat hendak tambah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk menambah mana-mana fakta yang telah dikemukakan tetapi saya respons, dengan izin, kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rizuan. Mungkin beliau mempunyai salah seorang isteri yang pernah menjadi artis, jadi beliau tahu keadaan itu mungkin... [*Ketawa*] Saya tidak menuduh tetapi mungkin, jadi beliau lebih dapat memberikan gambaran yang sebenar mengenainya.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya garis panduan itu dapat dipatuhi, tetapi saya memberi jaminan jika artis berkenaan mewakili RTM, garis panduan ini akan kita laksanakan sepenuhnya tetapi jika ia melibatkan stesen-stesen TV yang lain sebagaimana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua, maka pertanggungjawaban kementerian itulah....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pada saya, tersirat di sini, Yang Berhormat, pakaian menjolok mata begitu menarik perhatian ramai Ahli-ahli Yang Berhormat... [Ketawa] Silakan.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Pohon laluan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, baru-baru ini ada program *Fiesta Hurra* diadakan di tempat saya di Temerloh. Apa yang kami dapati, artis yang menyanyi itu adalah seorang lelaki tetapi mempunyai rambut panjang seperti wanita dan menari-nari dan rambutnya itu seperti wanitalah. Jadi apakah yang dikatakan garis panduan daripada RTM? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nyatakan tadi, selepas ini, di luar Dewan ini, beritahu nama artis itu, macam mana cara dia ikat sebab di sini disebut menyiput, menyembunyikan rambut di bawah topi, songkok dan sebagainya adalah dilarang. Jadi kita akan ambil tindakan dengan tidak lagi menjemput mereka untuk muncul di mana-mana rancangan RTM. Jangan khuatir dari segi itu, kita akan jalankan. Tuan Yang di-Pertua....

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan, mohon laluan. Tidak apa tidak balik ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya amat tertarik dan ucap tahniah kepada RTM kerana RTM telah pun memberi garis panduan. Kalau ikut apa Yang Berhormat Timbalan Menteri baca tadi, maknanya satu garis panduan yang betul-betul bagus, baik dan sesuai dengan adat ketimuran kita.

Tetapi mungkin pada ketika itu, Yang Berhormat belum menjadi Timbalan Menteri Penerangan. Kalau kita tengok siaran langsung Anugerah Seri Angkasa yang dihadiri oleh Perdana Menteri Malaysia yakni pengasas Islam Hadhari, kita tengok pakaian-pakaian artis-artis pada hari itu. Kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri minta kepada RTM supaya tayangkan balik di pejabat timbalan menteri, cuba tengok, tidak payah kami buat laporan. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Ditayangkan balik, Tuan Yang di-Pertua, maka kita menggalakkan balik perkara-perkara yang tidak betul itu tetapi kalau kita dapat memberitahu melalui Dewan yang mulia ini, sudah tentu kawan-kawan kita dalam media melaporkan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara tidak mahu artis-artis yang terlibat dalam acara Anugerah Seri Angkasa yang berpakaian menjolok mata dan juga separuh bogel sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rizuan sebagai bogel! Saya tidak nampak yang bogel itu tetapi dalam perkara ini, garis panduan ini, insya-Allah kalau perlu Tuan Yang di-Pertua, saya akan edarkan dan ini dapat dijadikan panduan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah mengulas tentang beberapa program siaran RTM yang tidak dapat menyampaikan maklumat keadaan kehidupan sesuatu konsituensi atau kawasan Parlimen kepada pihak yang berwajib. Beliau mencadangkan supaya Ahli Parlimen mengalu-alukan usaha sebuah stesen swasta sebagai sebuah saluran mesra rakyat di mana setiap pendedahan sensasi mengenai kekurangan sesebuah agensi kerajaan untuk menyelesaikan masalah di sebuah kawasan Parlimen diteruskan selagi ianya berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai media rasmi kerajaan, RTM tetap prihatin kepada masalah rakyat. RTM memang turut mendedahkan masalah rakyat. Contohnya melalui beberapa segmen yang telah kita siarkan. Cuma laporan yang menggunakan pendekatan sensasi tidak kita laksanakan. Dan sebagai media rasmi kerajaan, RTM perlu lebih berhati-hati dan melaporkan secara bertanggungjawab, dengan perlu mengenal pasti maklumat yang benar dan sahih, di samping mencari jawapan kepada penyelesaian masalah berkenaan.

RTM tidak mahu berulang berlakunya beberapa laporan pendedahan tentang kemiskinan yang pernah dibuat oleh stesen TV swasta berkenaan, terpaksa dinafikan kemudiannya oleh pihak berkuasa sendiri kerana fakta yang dilaporkan tidak benar dan tidak tepat. Apabila ini berlaku, sudah tentu imej dan nama baik beberapa pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negara, pihak kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan serta kredibiliti kewakilrakyatan tidak dihormati lagi oleh masyarakat, seolah-olah kita tidak buat kerja, sedangkan kita kerja kuat. Lebih 6.30 petang pun kita masih berada di Dewan ini.

Saya berpendirian tegas dalam perkara ini bahawa RTM lebih rasional dan berhati-hati di dalam membuat liputan. RTM tidak boleh terikut-ikut membuat pendedahan masalah masyarakat menggunakan pendekatan *sensational* yang lebih menarik perhatian seperti yang dibuat oleh stesen TV berkenaan.

Bukan itu sahaja, malah sekiranya pendekatan sensasi seperti ini dibuat, sudah pasti ia akan turut menjejaskan kredibiliti stesen kerajaan yang sepatutnya menjadi wadah penyebar berita dan maklumat serta memupuk nilai-nilai murni kepada rakyat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: [*Bangun*].

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga sekali, Yang Berhormat beri laluan pada siapa?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya bagi Dr. Haji Mohd. Puad dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad, Dato' Musa, kemudian Datuk Yaakob.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih kerana penjelasan dan saya tidak membangkitkan isu tersebut. Cuma saya mengharapkan kalau boleh mulai minggu hadapan Dewan Negara ini diberikan sedikit keistimewaan iaitu rancangan *Parlimen Hari Ini* itu dipercepatkanlah dari pukul 11.00 malam kepada pukul 10.00 malam. Supaya sebab saya dapati memang ramai masyarakat yang berminat dengan rancangan tersebut sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Musa. Nak jawab satu-persatu?

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, biar tiga-tiga tanya dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ketiga-tiga. Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat beri laluan kepada saya. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan iaitu RTM mempunyai garis panduannya sendiri tetapi adakah kerana persaingan, RTM sekarang mula mahu supaya ramai orang menonton, kita lihat beberapa rancangan RTM sendiri sudah terikut-ikut dengan televisyen swasta. *Bersamamu*, RTM dah ada *Sayang Disayangi*. Kalau kita kata *Jom Heboh TV3*, RTM sekarang cuba *Hoorey*, *Hoorey* kah, *Hurra* kah. Kalau kita kata dulu SMS dalam ASTRO, *AF1*, 2, dan 3. Sekarang RTM juga ada SMS untuk siapakah pemain bola sepak yang kita minati ataupun terbaik.

Jadi adakah ini sebagai persaingan, maka RTM terpaksa mengorbankan peraturan atau prinsip RTM sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkaitan dengan pengawalan etika siaran. Sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi ini merupakan, Kementerian Penerangan tidak mempunyai kuasa ataupun tanggungjawab dari segi pengawalan stesen-stesen TV swasta. Dan di sini kelihatan seolah-olah Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi tidak berwibawa dalam pengawalan, mempunyai kuasa tapi tidak mempunyai kuasa untuk mengawal stesen-

stesen TV swasta. Tidakkah Kementerian bercadang untuk mengkaji balik kemungkinan untuk menyerahkan kuasa pengeluaran stesen TV kepada Kementerian Penerangan kerana ini lebih merupakan secocok dengan tanggungjawab Menteri Penerangan. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Puad menimbulkan tentang rancangan Parlimen Hari ini yang disiarkan bukan jam 11.00 tapi 11.30 malam untuk Ahli-ahli Parlimen. Sepatutnya Ahli Parlimen ini bukan hanya Dewan Rakyat, Dewan Negara juga akan terlibat. Dan kita mempunyai waktu utama atau *prime time* dengan izin, pada waktu-waktu yang tertentu. Jadi orang-orang politik ini tidak ada yang balik sebelum 11.30, itu sebabnya kita mengadakan rancangan itu lewat, kita faham, kita faham mengenai Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara, itu sebab kita sengaja lewatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Bijak Yang Berhormat ni.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya terpaksa begitu kerana itulah kehendak mereka Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga Yang Berhormat Senator Dato' Musa menyebut tentang adakah RTM mencontohi atau terikut-ikut stesen swasta yang lain dengan pelbagai program yang telah kita siarkan. Sebenarnya RTM tetap dengan prinsip-prinsip sebagai agensi komunikasi rasmi kerajaan. Program-program yang dilaksanakan jika ada perubahan pun masih mengikut garis-garis panduan sebagai sebuah stesen TV swasta walaupun ianya menggunakan SMS dan pendekatan-pendekatan yang pelbagai, ianya tetap tidak keluar dari matlamat dan objektif untuk menjadikan sebagai agensi komunikasi kerajaan yang penting.

Dalam program yang telah disebutkan "*Hurra*" dan sebagainya, itu adalah merupakan program realiti yang dibuat mengikut kehendak penonton. Bukan kita melakukan sesuatu perubahan mengikut selera kita tapi selera penonton yang kita buat kerana ianya mendapat tajaan dari sebuah syarikat bersempena dengan program pertandingan Piala Dunia yang akan diadakan bulan hadapan. Jadi penajaan itu diperolehi dan ini merupakan pendapatan sektor pengiklanan yang memang menjana dana untuk Jabatan Penyiaran.

Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob menyebut tentang kuasa di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau MCMC, saya ingin menyebutkan bahawa itu di bawah Akta Penyiaran, segala tata etika, tata susila, dan isi kandungan program itu memang di bawah Kementerian Penerangan kerana Kementerian Penerangan adalah merupakan badan yang memantau, mengikut kuat kuasa yang diberikan melalui Akta Penyiaran tetapi oleh kerana Akta MCMC yang baru telah diluluskan pada tahun 1998, ianya di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Walau bagaimanapun saranan Yang Berhormat itu harus dijadikan sebagai resolusi penting oleh Dewan yang mulia ini. Dan hanya Perdana Menteri sahajalah yang mempunyai kuasa mutlak. Adakah Suruhanjaya itu mahu terus diletakkan di Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau mahu dipindahkan ke Kementerian Penerangan tetapi kami di Kementerian Penerangan amat terbuka jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan kuasa itu kembali kepada Kementerian Penerangan.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kerajaan telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa. Jawatankuasa memantau program-program televisyen yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Soalan saya ialah berapa kekerapan jawatankuasa ini bertemu untuk memantau program-program televisyen termasuklah televisyen swasta? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini bertemu secara berkala, sekali-sekala, dengan izin *as and when*. Dan begitu juga dari segi Jawatankuasa Penggunaan Bahasa Malaysia di dalam bidang penyiaran, yang saya sendiri mempengeruskannya. Untuk mengelakkan bukan sekadar soal tata susila, isi kandungan, dan beberapa garis panduan tetapi juga dalam soal penggunaan bahasa Malaysia dengan tatacara yang betul dan tidak menggunakan bahasa rojak, atau bahasa yang bercampur-campur.

Walau bagaimanapun, jika ada sesuatu isu yang dianggap penting untuk diperbincangkan, kekerapan itu mungkin lebih daripada sekali sebulan. Dan oleh kerana pengamal-pengamal media, dengan izin, *media practitioners* khususnya dalam industri *broadcasting* atau penyiaran, kami amat prihatin terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Dan menjadi pertanggungjawaban kami biasanya untuk menyelaraskan semua stesen TV dan radio bagi menentukan bahawa dasar-dasar yang telah digaris panduan oleh pihak kerajaan itu dipatuhi sepenuhnya.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada RTM kerana satu-satunya siaran televisyen yang menyiarkan Parlimen Hari Ini. Apa yang saya hendak minta kepada pihak Kementerian supaya apabila bertembung persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, sudah seharusnya RTM ataupun Kementerian Penerangan prihatin untuk menyiarkan apa yang terjadi juga dalam Dewan Negara, bukan sahaja fokus kepada Dewan Rakyat. Seolah-olah Dewan Negara ini dilihat sebagai yang kedua penting sebab apabila ada perkara-perkara yang penting diperbincangkan dalam Dewan Negara, tidak dimasukkan di dalam Parlimen Hari Ini.

Seperti sebagai contoh apa yang berlaku di Dewan Rakyat mengenai dengan pakaian. Menjadi satu isu besar fasal pakaian. So saya harap pihak RTM memberi perhatian kepada Dewan Negara juga. Dan saya lihat apabila Dewan Rakyat dah habis barulah difokuskan kepada Dewan Negara.

Dan saya ada lihat rancangan di sebelah pagi, siaran langsung RTM buat bersama dengan Ahli Dewan Rakyat. Kenapakah apabila ada Dewan Negara, tidak diadakan supaya ramai Ahli Dewan Negara dapat ditemu ramah dalam perkara-perkara, bidang masing-masing supaya rakyat juga dapat mengetahui apa yang berlaku dalam Dewan Negara. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee dan insya-Allah, kita akan laksanakan secepat mungkin yang boleh jika *air time* itu dengan izin, ada dan saya akan jemput Yang Berhormat sendiri sebagai tetamu utama dalam program berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussein menyatakan terdapat lapan Kementerian yang tidak mengemaskinikan laman *web* termasuk Kementerian Penerangan. Beliau menyeru agar Kementerian berkenaan dapat mengemaskinikan laman *web* bagi memelihara integriti.

Tuan Yang di-Pertua, laporan mengenai lapan Kementerian yang tidak mengemaskinikan *web* nya telah disiarkan pada 9 Januari 2006 oleh sebuah akhbar tempatan bertajuk "*Maklumat Basi Laman Web Lapan Kementerian*". Semasa laporan itu dikeluarkan, Kementerian Penerangan tidak terlibat dengan laporan itu. Ini sebuah laporan daripada MAMPU yang menyatakan Kementerian Penerangan adalah salah satu Kementerian yang cukup dikemaskinikan, kerana kita mengemaskinikan laman *web* tiga kali sehari, bukan tiga hari sekali atau tiga minggu sekali atau tiga bulan sekali. Tiga kali sehari. Laporan daripada MAMPU ini menyebutkan bahawa bukan mereka yang memberikan maklumat kepada akhbar berkenaan untuk menyatakan bahawa lapan Kementerian atau agensi yang lembap ini tidak mengemaskinikan laporan-laporan dalam laman *web* ini.

Para pengunjung laman *web* Kementerian Penerangan juga diharapkan boleh mengemukakan sebarang aduan, cadangan penambahbaikan atau memberi maklumat balas kepada *web master* laman pada ruangan pautan atau *hyper* rangkai yang disediakan dalam laman *web* kami. Maklumat yang dipaparkan di dalam laman *web* Kementerian Penerangan adalah dipantau oleh jawatankuasa laman *web* Kementerian ini untuk memastikan dan memelihara integriti laman *web* Kementerian Penerangan ini sentiasa berwibawa.

Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy telah menyatakan filem-filem ganas yang di tayang di TV adalah salah satu sebab punca masalah kongsi gelap di kalangan masyarakat India. Sesetengah filem terbitan di India tidak sesuai untuk tayangan di

Malaysia kerana persekitaran yang berbeza antara Malaysia dan India. Pihak penapis filem harus lebih tegas semasa menilai filem yang mengandungi keganasan. Itu kata Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy. Semua filem yang ditayangkan untuk siaran RTM telah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem dan Panel Kawalan Kualiti di RTM tidak mengira sama ada filem-filem berkenaan daripada India, China atau negara-negara lain.

Dalam hal ini, Lembaga Penapis Filem dan Panel Kawalan Kualiti sememangnya mempunyai dasar yang digunakan dalam menonton dan menapis sesebuah filem iaitu memastikan tidak wujud unsur-unsur ganas, seks, tahyul mahupun nilai-nilai yang bertentangan dengan budaya rakyat Malaysia. Semua perkara ini diambil kira semasa penapisan dibuat sebelum sesebuah filem itu diluluskan untuk tayangan umum.

Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu mengesyorkan pihak Kementerian Penerangan memberi maklumat yang lengkap mengenai dasar-dasar kerajaan terus kepada Orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan melalui jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Penerangan dan juga JASA atau Jabatan Hal-Ehwal Khas telah melaksanakan program-program penyampaian maklumat dasar-dasar kerajaan secara komunikasi bersemuka di kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan Orang Asli.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah penyampaian ceramah-ceramah melalui program sivik khas untuk penduduk setempat, ceramah di sekolah-sekolah dan juga di Pusat Giat Setempat. Bagi isu-isu yang memerlukan perhatian khusus seperti masalah kenaikan harga minyak, aktiviti ceramah diadakan dengan lebih kerap berpandukan bahan-bahan yang telah disediakan oleh Jabatan Penerangan.

Keduanya melalui komuniti bestari, Jabatan Penerangan menjalankan pelbagai aktiviti yang merapatkan hubungan masyarakat dengan pihak kerajaan, khususnya Jabatan Penerangan sendiri. Antara kawasan perkampungan Orang Asli yang aktif adalah Kampung Air Lerek Kuala Pilah dan rancangan penempatan semula RBS Air Banun, Gerik Perak.

Ketiganya maklumat melalui siaran radio juga disalurkan iaitu melalui saluran Info FM atau Radio 8, siaran radio yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan sendiri. Info FM dapat diterima oleh para pendengar di kawasan pedalaman kerana ia menggunakan frekuensi yang sama dengan Asyik FM. Asyik FM adalah stesen TV khusus untuk Orang-orang Asli. Maklumat-maklumat semasa disiarkan melalui radio, khusus untuk masyarakat setempat dan tidak dapat turut serta ke majlis-majlis atau aktiviti sivik yang dijalankan oleh jabatan-jabatan atau pihak kementerian yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menyampaikan maklumat dalam bentuk hiburan kita buat melalui pentas bergerak atau Pentarama. Kini, Jabatan Penerangan sedang memperkembangkan perkhidmatan dengan mewujudkan mini Pentarama dengan menggunakan lori yang direka khas supaya dapat memasuki kawasan-kawasan yang sukar mendapat kemudahan, hiburan dan maklumat secara langsung.

Akhirnya Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn menyatakan pihak media cetak dan media elektronik apabila membuat kenyataan biarlah berasas, khususnya hal-hal berkaitan isu-isu keislaman dan hak-hak keistimewaan bagi menjayakan Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa memastikan setiap kenyataan yang dikeluarkan melalui media elektronik dan berita yang dikuasai oleh media kerajaan dihebahkan secara tepat dan sahih. Kenyataan dan berita yang disiarkan merangkumi semua perkara, termasuklah mengenai perkara-perkara sensitif seperti isu keislaman dan hak-hak keistimewaan. Kementerian ini sentiasa memastikan isu-isu keislaman dan hak-hak istimewa ini ditangani dengan pendekatan yang berhati-hati supaya tidak menyinggung mana-mana pihak terutama di dalam sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Penerangan, kami amat sanjung di atas kesempatan yang diberikan. Ada sebuah kementerian yang menghantar dua orang ke Dewan yang mulia ini. Saya dan Setiausaha Parlimen ada di sini, memperlihatkan keprihatinan kami di Dewan yang mulia ini... [Tepuk] Untuk itu, kami terus tabik kepada

Ahli-ahli Dewan Negara. Ahli-ahli Dewan Negara sebenarnya berada di atas Dewan Rakyat. *Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Wilayah Persekutuan.

6.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Wilayah Persekutuan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Saya akan memperjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Tay Puay Chuan telah membangkitkan isu berkenaan saman ke atas DBKL yang menyebabkan bangunan DBKL disita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kes ini adalah mengenai tuntutan ganti rugi akibat seorang kanak-kanak tercedera kerana terjatuh dari tingkat tiga Flat Seri Melaka, Jalan Cheras Kuala Lumpur pada 20 Disember 2005. Pegawai undang-undang dan peguam DBKL tidak mengendalikan sendiri kes ini kerana ia adalah kes yang melibatkan kecederaan dan ditakrifkan di bawah polisi insurans perlindungan tanggungjawab awam, yang diperuntukkan DBKL tidak boleh membuat apa-apa tawaran atau penyelesaian melalui apa sahaja bentuk dedikasi atau lindungan yang boleh mengangap penerimaan liabiliti tanpa kebenaran syarikat insurans.

Oleh itu, kes ini telah dirujuk kepada pihak insurans. Pihak insurans ialah Takaful Nasional Berhad untuk dikendalikan. Nama pihak insurans pula telah melantik peguam panel mereka sendiri tetapi pihak insurans dan peguam telah gagal mengendalikannya mengikut masa yang ditetapkan sehingga menyebabkan penghakiman ingkar kehadiran diperolehi dari pihak plaintif.

Tuan Yang di-Pertua, DBKL telah mengambil tindakan proaktif memaklumkan kepada insurans mengenai kemalangan tersebut pada 22 Disember, 2005 iaitu dua hari selepas kemalangan tersebut dan kesemua maklumat tambahan telah dikemukakan kepada pihak insurans pada 17 Januari 2006 iaitu empat hari selepas saman termeterai difailkan oleh plaintif, walaupun saman termeterai hanya diserahkan secara rasmi kepada DBKL pada 8 Februari 2006. Dalam kes ini, plaintif melalui peguamnya telah mendapat penghakiman termeterai serta perintah-perintah yang lain dengan begitu cepat sekali, iaitu pada hari yang sama dari mahkamah dan ini dilihat sangat luar biasa kerana ia biasanya mengambil masa lebih dari seminggu untuk memperolehi dokumen termeterai mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bangunan DBKL tidak disita, sebaliknya peguam plaintif dan *bailiff* mahkamah datang untuk membuat *inventory* harta alih DBKL yang boleh disita bersama dengan nilai penghakiman bagi tuntutan plaintif. Pengambilan *inventory* tidak dilaksanakan kerana pihak insurans telah membayar tanpa mengakui *liability*. Jumlah yang ditentukan sepenuhnya iaitu RM503,105.76 sen bagi mengelakkan pelaksanaan tersebut. Akhbar telah melaporkan secara tidak berapa tepat mengenai fakta kes ini. Tindakan drastik telah diambil untuk menyiasat kes ini dan kecuaiannya di pihak insurans dan peguam mereka telah dikenal pasti dan diakui sendiri oleh pihak insurans dengan menulis surat memohon maaf kepada DBKL.

Pada masa yang sama peguam pihak insurans yang mengendalikan kes ini telah mengganti dengan peguam panel DBKL dengan segala kos ditanggung pihak insurans. DBKL kesal atas perkara yang berlaku dan juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pihak insurans setelah kes ini diputuskan oleh mahkamah kelak. Sebagai ringkasan kepada kes ini, DBKL tidak mengendalikan sendiri kes ini kerana *incident* kemalangan ini dilindungi di bawah polisi insurans perlindungan tanggungan awam. Peguam pihak penginsurans telah memfailkan memorandum kehadiran tetapi peguam plaintif telah mendapat penghakiman ingkar kehadiran pada hari yang sama. Walaupun pihak penginsurans mengakui kelewatan dalam mengambil tindakan susulan, namun tindakan susulan plaintif terlalu cepat mendapatkan penghakiman ingkar, walaupun mempunyai pengetahuan mengenai memorandum kehadiran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah binti Omar pula mencadangkan sistem stesen-stesen bas dari utara dan selatan tanah air dipindah ke Putrajaya ke tempat lain kerana stesen Pudu Raya, terletak di pusat bandar yang telah menyebabkan kesesakan yang teruk di pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah mencadangkan tiga terminal pengangkutan bersepadu, iaitu dalam bahasa Inggeris *integrated transport terminal* atau ringkasnya ITT dengan izin, di luar kawasan pusat bandar Kuala Lumpur bagi mengambil alih fungsi terminal Pudu Raya dan lain-lain terminal bas ekspres yang kini terletak di pusat bandar. Tiga ITT yang dicadangkan ialah, ITT Jalan Ipoh untuk perkhidmatan bas ke utara, ITT Tasik Selatan untuk perkhidmatan bas ke selatan dan ITT Gombak untuk perkhidmatan bas ke timur. Dengan adanya ketiga-tiga terminal ini bas ekspres tidak perlu lagi masuk ke pusat bandar Kuala Lumpur dan ini akan dapat mengurangkan kesesakan di pusat bandar. Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah binti Omar juga mencadangkan agar stesen-stesen bas utama dibina berdekatan dengan LRT dan membesarkan tempat-tempat *parking* di stesen-stesen LRT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketiga-tiga terminal pengangkutan bersepadu ITT tersebut ada berhubung dengan stesen jalan raya utama dan juga sistem *rail*. Pengguna-pengguna yang ingin menggunakan terminal ini, tidak akan menghadapi masalah kerana terminal-terminal ini akan berhubung dengan sistem *rail* dan jalan raya utama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak DBKL dan Syarikat Prasarana Negara Berhad dan Syarikat Rapid KL telah dan akan terus berusaha untuk memperbanyakkan lagi kawasan tempat letak kereta di stesen-stesen LRT. Kawasan tempat letak kereta yang telah siap disediakan adalah seperti Stesen Miharja, Stesen Sungai Besi, Stesen Sentul, Stesen Sentul Timur dan Stesen Wangsa Maju.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya suka memperjelaskan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee Chong Meng. Perkara pertama yang telah disentuh adalah berbentuk cadangan, di mana Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan kepada kementerian, iaitu bagi meningkatkan industri pelancongan di Bukit Bintang.

DBKL memberi kebenaran waktu operasi dilanjutkan sehingga 24 jam bagi aktiviti kelab malam dan karaoke bagi menarik pelancong asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya satu *discreet* berkenaan dengan pusat hiburan telah dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada Februari 2006, yang disertai oleh pegawai termasuk pegawai-pegawai di Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensinya pengusaha-pengusaha pusat hiburan, ahli akademik, ahli politik, JAKIM dan persatuan-persatuan hotel. Beberapa cadangan telah dikemukakan. Kementerian pada masa kini sedang membuat, mengemas kini untuk mencari dasar-dasar berkenaan pusat hiburan di Kuala Lumpur yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang telah dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat memohon agar pihak kementerian mengambil serius terhadap masalah banjir kilat apabila berlaku hujan lebat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sememangnya memandang serius terhadap masalah banjir kilat apabila berlaku hujan lebat di Kuala Lumpur. berbagai-bagai-bagai strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani masalah banjir kilat di Kuala Lumpur telah dan sedang dilaksanakan. Strategi jangka pendek adalah langkah-langkah berterusan seperti pembersihan sungai, parit utama dan longkang tepi jalan, pengorekan kelodak dari sungai dan membina semula saluran yang sempit. Manakala strategi jangka panjang pula dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga DBKL iaitu seperti berikut:

- Projek *Smart* untuk lengkungan air hujan dari hulu sungai Klang bertujuan mengawal dan mengurangkan aliran memasuki Sungai Klang yang bermasalah di pusat bandar.

- Meluaskan terusan lengkungan air dari Sungai Gombak ke kolam takungan di kawasan Batu serta mempertingkatkan kolam takungan di kawasan Jinjang dan kawasan Batu.
- DBKL melaksanakan projek pembinaan rumah pam dan kolam takungan air, membina saliran bawah tanah di pusat bandar.
- Pembinaan kolam takungan banjir dan mempertingkatkan taraf parit induk, anak sungai di kawasan perkampungan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga juga adalah dalam bentuk cadangan, di mana Ahli Yang Berhormat telah menjalankan agar membina lebuhraya bertingkat bagi mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur, DBKL akan melaksanakan beberapa projek infrastruktur bagi tujuan di atas. Bagi kawasan Bukit Bintang, tiga projek akan dilaksanakan di kawasan tersebut bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, iaitu:

- (i) membina jalan bawah tanah dari Jalan Hang Tuah ke Jalan Imbi;
- (ii) membina jejambat menyambung dari Jalan Dewan Bahasa dan Pustaka ke Jalan Hang Tuah; dan
- (iii) membina persimpangan bertingkat di Jalan Tun Razak, Jalan Pudu, Jalan Cheras, Jalan Chow Kit Kuala Lumpur.

Status terkini dokumen tawaran telah siap dan akan dipelawa dalam masa terdekat. Projek ini akan dilaksanakan di Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang pengetahuan saya terdapat satu strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur melalui pelaksanaan sistem pengangkutan bersepadu di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Samad mengesyorkan DBKL melonggarkan syarat memiliki atau menyewa rumah DBKL kepada ibu tunggal yang masih dalam proses cerai dan digantung tidak bertali walaupun belum mendapat surat cerai. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebenarnya DBKL memberi keutamaan permohonan dari ibu-ibu tunggal dan golongan orang kurang upaya untuk memiliki atau menyewa rumah DBKL. Setakat ini pihak DBKL telah menerima permohonan dari dua golongan ini iaitu ibu tunggal dan golongan kurang upaya yang mana 90 peratus telah diluluskan permohonan mereka. Dari segi pendaftaran, sebenarnya kita memerlukan...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf Yang Berhormat. Maksud saya itu ibu tunggal, bukan ibu tunggal. Terima kasih.

Tuan Yew Teong Look: Tuan Yang di-Pertua, memang pegawai saya catatkan tentang ibu tunggal. Walau bagaimanapun, jikalau sesiapa ibu tunggal atau ibu tunggal menghadapi masalah, boleh membuktikan bahawa mereka, boleh membuat permohonan dengan membuat perakuan bersumpah dan juga *police report* supaya permohonannya dapat diluluskan untuk mendapat rumah. Itu yang penting. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Munusamy a/l Mareemuthu membangkitkan isu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah sosial di kalangan belia kaum India di Lembah Klang.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan satu program khas iaitu Program Gerakan Tumpuan untuk Program Pembangunan Modal Insan iaitu PGT. PGT pada dasarnya dilancarkan untuk mewujudkan satu fokus terhadap sesuatu tempat yang dianggap kritikal dari pelbagai aspek. Contohnya dari kadar jenayah yang tinggi, gejala sosial, kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah. Gejala sosial di kalangan belia memang merupakan salah satu perkara yang diberi pendekatan di bawah PGT tanpa mengira kaum. Dua kawasan telah dipilih iaitu kawasan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur San Peng bagi tahun 2005, dan kawasan Perumahan Taman Seri Sentosa di Jalan Klang Lama pada tahun 2006. PGT

merupakan salah satu usaha Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membangun modal insan di Wilayah Persekutuan. Kawasan PGT dipilih berdasarkan kepada cadangan dan perangkaan jenayah sosial vandalisme dari jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan mengambil kira kawasan yang agak perlu untuk melaksanakan PGT.

Antara usaha-usaha yang dikenal pasti dalam menangani masalah gejala sosial adalah seperti berikut, ceramah dan seminar kesedaran jenayah, pameran pencegahan jenayah dan dadah, kem jati diri, motivasi bagi golongan remaja, hari kekeluargaan perpaduan, program pendidikan pencegahan dadah, kaunseling kekeluargaan, penguatkuasaan berterusan iaitu dengan kerjasama rakan cop rondaan tangkapan dan lain-lain. Usaha-usaha yang tersebut di atas dirancang dan dilaksanakan bersama pelbagai agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, badan sukarela demi memastikan keberkesanan program ini. Kementerian kini memainkan peranan sebagai penyelaras dan memantau dalam pelaksanaan program tersebut. Isu terakhir yang disentuh oleh Yang Berhormat...

Tuan M. Munusamy: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak tahu program PGT yang dijalankan di kawasan San peng dan Seri Sentosa. Selepas program ini dijalankan, adakah jenayah dan gejala-gejala sosial dapat dikurangkan ataupun adakah berkesan program-program ini?

Tuan Yew Teong Look: Terima kasih atas soalan ini. Sebenarnya Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa memantau tentang keberkesanan program ini dan kita dapati impak adalah amat menggalakkan setelah setahun lebih dilancarkan program ini. Oleh itu, kementerian telah merancang untuk memperluaskan PGT kepada kawasan lain di Wilayah Persekutuan yang dianggap terdapat keperluan. Di samping itu, adalah ditekankan bahawa PGT merupakan sesuatu program untuk semua kaum dan sudah tentu termasuk ketiga-tiga kaum iaitu kaum Melayu, Cina dan India di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li telah menyaran agar pihak berkuasa DBKL mengambil tindakan yang tegas terhadap pengusaha-pengusaha pusat hiburan yang membenarkan pelajar-pelajar sekolah yang memakai pakaian seragam dan ponteng sekolah memasuki pusat hiburan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Hiburan, pelajar-pelajar terutama yang memakai pakaian seragam adalah dilarang sama sekali memasuki premis-premis pusat hiburan. DBKL memang sentiasa mengambil tindakan tegas ke atas premis-premis hiburan yang didapati menyalahi peraturan terutama membenarkan pelajar-pelajar memasuki premis mereka. Setakat ini tindakan tegas telah diambil kepada pengusaha pusat hiburan yang melakukan pelbagai kesalahan termasuk yang membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam sekolah. Terdapat sebanyak enam lesen, yang mana tiga lesen telah dibatalkan dan tiga lesen lagi diarah tutup premis mereka dan rampas wang cagarannya. Itu sahajalah yang saya dapat bacakan...

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Yang Berhormat boleh bagi laluan? Boleh ya. Saya tadi dengar dalam penggulungan Yang Berhormat sebut pasal polisi insurans tanggungan awam dan ada dengar banjir kilat dan hujan lebat. Satu sahaja Yang Berhormat tidak sebut, pokok tumbang. Dua hari lepas, saya tanya Yang Berhormat pasal pokok tumbang, Yang Berhormat kata tiada kaitan dengan soalan asal. Jadi hari ini saya hendak tanya masalah ini kerana apabila berlaku hujan lebat atau pun ribut, ada kalanya pokok-pokok yang di bandar raya ini tumbang dan kena kepada kenderaan.

Satu kes di mana kawan saya baru membeli kereta Mercedes berharga lebih kurang setengah juta. Dan pokok tumbang di atas keretanya, hancur lebur. Yang pertamanya dia tidak boleh *claim* dengan insurans kerana dalam insurans di sebut *acts of God*, habis hancur. Yang keduanya, dia pergi jumpa dengan bandar raya dan dimaklumkan hanya akan dibayar beberapa ribu sahaja, tidak tahu seribu kah, dua ribu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yew Teong Look: Memang Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara yang disebut oleh Yang Berhormat kawan baik saya, Yang Berhormat Senator Datuk Rizuan, ini saya telah memberitahu pegawai DBKL, bagi saya satu laporan tentang mengenai pokok tumbang di Kuala Lumpur.

Mengenai tadi Datuk sebut tentang pampasan, memanglah kalau DBKL ingin membayar pampasan hanya sagu hati sahaja. Kalau ingin mendapat pampasan yang setanding dengan nilai kereta ini kena mengikut undang-undang yang tertakluk di bawah DBKL itu sahaja yang saya hendak jelaskan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelancongan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dewan negara yang telah bersama-sama bahaskan perkara-perkara mengenai kementerian dan memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng telah mencadangkan agar Bukit Bintang diisytiharkan sebagai zon pelancongan untuk menarik lebih ramai kedatangan pelancong asing ke dalam negara dan mendesak agar Kementerian Pelancongan berusaha untuk mengadakan pelbagai aktiviti untuk pelancong-pelancong asing terutamanya. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat di atas cadangan yang diberikan. Untuk makluman Yang Berhormat pada masa ini Bukit Bintang telah pun menjadi *must visit spot* dengan izin, oleh pelancong-pelancong asing dan domestik. Ini adalah kerana Bukit Bintang mempunyai daya tarikan tersendiri seperti pusat-pusat membeli-belah terkemuka yang menawarkan pilihan barang yang murah dan berpatutan. Di samping itu, terdapat pusat-pusat hiburan dan hotel-hotel penginapan yang boleh dijadikan pilihan para pelancong untuk berhibur dan beristirahat ketika datang ke Bukit Bintang. Menyedari potensi yang ada kementerian telah pun menjadikan Bukit Bintang sebagai *highlight of KL* dengan izin, dan dimasukkan sebagai produk pelancongan bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan pertumbuhan pelancongan domestik serta memberi peluang kepada pelancong-pelancong asing untuk mendalami dan menikmati keunikan serta kemeriahan pelbagai budaya di negara ini selaras dengan slogan kementerian, berkarnival, *berfestival* dan kemeriahan sepanjang tahun. Penganjuran aktiviti-aktiviti pelancongan seperti bulan Pesta Air, bulan Citrawarna, Pesta Makanan dan Buah-buahan serta Bazar Ramadhan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelancong-pelancong asing dan tempatan.

Untuk makluman ahli di Dewan yang mulia ini, aktiviti-aktiviti pelancongan sama ada di dalam dan luar negara adalah di buat melalui kementerian dan agensi *Tourism Malaysia* dengan menggunakan *tag line, Malaysia Truly Asia*. Pada setiap tahun Kementerian Pelancongan melalui program *Mega Fam* telah membawa kumpulan media, krew filem dan juga para pengusaha pelancongan dari luar negara bagi mempromosikan tempat-tempat tarikan pelancongan yang terdapat di Malaysia. Tegasnya di sini, kementerian ini akan sentiasa berusaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang harus dikunjungi oleh para pelancong dari dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian dan memberi pandangan dan cadangan kepada kementerian. Dengan itu saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee itu dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, esok, 18 Mei. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.25 malam.